



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 14**

**Rabu**

**24 Julai 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG :</b>	
Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019	(Halaman 34)
Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019	(Halaman 93)
<b>USUL :</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 81)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 24 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, aturan soalan ada pertukaran sedikit kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada perkara yang mustahak. Oleh kerana itu, saya telah membenarkan soalan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai soalan nombor 1. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah status terkini Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik negara dan adakah kerajaan akan meratifikasinya, memandangkan negara Asia yang lain sedang mengatur langkah secara agresif untuk memperkasakan daya saing negara-negara asing.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab soalan sebagai soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian CPTPP telah ditandatangani oleh 11 negara anggota termasuk Malaysia pada 8 Mac 2018 dan perjanjian ini telah mula berkuat kuasa ataupun *entered into force*, dengan izin, pada 30 Disember 2018 iaitu tahun lepas bagi enam negara iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Manakala Vietnam telah mulai pada 14 Januari 2019. Bagi Malaysia dan juga tiga negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP iaitu Brunei, Peru dan Chile, perjanjian ini hanya akan berkuat kuasa 60 hari setelah negara-negara ini melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand yang bertanggungjawab sebagai *depository*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasikan perjanjian CPTPP atau tidak. CPTPP adalah satu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang dipersetujui di bawah CPTPP mempunyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa kerajaan termasuk yang melibatkan bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Justeru itu, kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

Sebagai sebuah negara perdagangan, kerajaan menyedari bahawa pernyataan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa adalah amat penting untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk tempatan serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pilihan kepada rakan-rakan dagang.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil serta selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosioekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang bagikan jawapan. Soalan tambahan saya- apakah hasil kajian impak yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan terhadap perjanjian CPTPP? Adakah hasil kajian tersebut akan dibentangkan di Parlimen atau dipaparkan kepada pemain industri dan orang awam bagi mendapatkan sebarang pandangan? Sekiranya kerajaan ingin meratifikasi perjanjian CPTPP ini, bagaimanakah pihak kerajaan boleh meyakinkan seluruh rakyat amnya dan para pemain industri khususnya, bahawa perjanjian ini mampu memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi negara? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Ong Kian Ming:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen atas soalan tambahan itu. Kajian untuk menilai sama ada CPTPP ini akan membawa impak positif ataupun negatif secara *net* telah dibuat oleh beberapa badan kerajaan dan juga bukan kerajaan- *internal* dan juga *external*. Semua kajian ini sedang dikaji dan juga sedang dinilai oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Apabila masa yang sesuai, jikalau kerajaan fikir rakyat perlu tahu tentang butiran-butiran ini, hasil kajian ini akan dibentangkan secara umum. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, semasa kita di Dewan Rakyat, kita berpeluh dan penat kita berbahas untuk menolak TPPA. Akan tetapi, sekarang keputusan kerajaan soalan-olah buat '*U-turn*'. Boleh bagi penjelasan kenapa kita harus pertimbangkan lagi oleh sebab kita telah berkeras, kita tolak TPPA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming:** Ya, saya memang pada masa itu duduk bersama dengan Yang Berhormat dan kita memang telah mengundi untuk menolak TPP pada masa itu *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA). Akan tetapi, sekarang TPP telah bertukar kepada CPTPP, dan oleh sebab Amerika Syarikat tidak lagi melibatkan diri dalam *Free Trade Agreement* ini, ada beberapa perkara yang telah di-*put aside*, ataupun dikecualikan daripada CPTPP.

Jadi, oleh sebab ada impak yang berlainan akibat daripada penarikan Amerika Syarikat daripada CPTPP jadi, kerajaan perlu kaji semula impak secara menyeluruh dan saya rasa ini bukan '*U-turn*' tetapi saya rasa kita perlu membuat perkara yang bertanggungjawab kepada negara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali.

**2. Datuk Rabiya binti Ali** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, keberkesanan peraturan pengasingan sisa pepejal di punca sejak 1 September 2015 dan sejauh manakah perbelanjaan pelupusan sisa pepejal dapat dikurangkan melalui inisiatif ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah diperkenalkan sejak 1 September 2015 di tujuh negeri yang menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemeriksaan Awam 2007 [*Akta 672*] iaitu Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis. Tentang keberkesanan peraturan menerusi Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca, penduduk dikehendaki mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori iaitu kertas, plastik dan lain-lain barangan kitar semula serta boleh memilih sama ada menjual barangan kitar semula kepada vendor kitar semula atau menghantar ke pusat kitar semula atau diletakkan di hadapan rumah untuk dikutip oleh syarikat konsesi pada hari kutipan yang dijadualkan.

Secara umumnya Yang Berhormat Senator, program ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan tahap pengamalan masyarakat terhadap pengasingan sisa

pepejal telah meningkat. Hasil daripada program ini dan kempen kesedaran yang telah dijalankan, kadar kitar semula negara telah meningkat setiap tahun mulai tahun 2015 daripada 15.7 peratus hingga 28.06 peratus pada tahun 2019 iaitu boleh dikatakan satu kali ganda.

Peningkatannya adalah lebih kurang tahun 2015 meningkat sebanyak 15.7 peratus, tahun 2016 meningkat pada 17.5 peratus, tahun 2017 meningkat pada 21 peratus, tahun 2018 meningkat pada 24.6 peratus dan pada tahun 2019 meningkat pada 28.06 peratus. Tentang pengurangan perbelanjaan, inisiatif ini juga telah memberikan kesan terhadap pengurangan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan.

Pada tahun 2015, jumlah sisa yang dilupuskan adalah sebanyak 3,449,170 tan manakala pada tahun 2018 telah berkurangan kepada 3.096 juta tan. Oleh yang demikian, anggaran minimum penjimatan berdasarkan pengurangan sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan adalah sebanyak RM5.29 juta bersamaan 5.4 peratus pengurangan perbelanjaan. Anggaran minimum kos pelupusan sebanyak RM5 satu tan dan tidak termasuk kos kutipan.

Dalam usaha-usaha pendidikan masyarakat, kita akan teruskan tingkatkan dan pada masa yang sama penekanan bahawa sisa pepejal mempunyai nilai untuk dijadikan pendapatan tambahan akan turut dihebahkan pada orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rabiya binti Ali:** Soalan tambahan kedua saya, Tuan Yang di-Pertua. Sisa makanan dan sisa plastik cukup sinonim dan merupakan penyumbang terbesar jumlah sisa yang perlu diurus untuk pelupusan. Soalan saya, semenjak kewajipan pengasingan jenis sisa di punca, sejauh mana budaya 3R iaitu pengurangan penghasilan sisa ataupun *reduce* atau *reuse* atau menggunakan balik atau *recycle*, kitar semula ini dapat diwujudkan dan perubahan sikap masyarakat dalam membantu kerajaan dalam usaha menguruskan sisa secara profesional? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada mulanya, kategori untuk diasingkan adalah empat iaitu kaca, kertas, dan lain-lain, termasuk satu lagi adalah apa yang dikatakan tadi plastik. Sekarang ini hanya kita telah turunkan kepada tiga kategori sahaja iaitu kaca, plastik dan lain-lain, di mana makanan boleh dimasukkan di dalam kategori lain-lain. Ini telah menimbulkan banyak juga masalah dari segi penguatkuasaan.

Dari segi undang-undangnya, mulai tahun 2016 sebenarnya tindakan boleh diambil pada mereka yang tidak memenuhi kehendak apabila mengasingkan barangan-barangan ini tidak mengikut peraturan. Akan tetapi sehingga sekarang, kita masih belum dapat mencapai tahap yang boleh dikatakan memuaskan. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, kita masih meneruskan kempen untuk memberi pengetahuan dan maklumat supaya banyak

manfaat bersama dan juga manfaat kepada penjagaan alam sekitar kalau usaha ini dijalankan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati untuk mendidik kitar semula ini, ia hendaklah bermula di sekolah. Nampak tidak ada kerjasama yang rapat di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan pihak sekolah. Di sekolah, tiada terdapat tong-tong kitar semula yang disediakan oleh pihak kementerian supaya- khususnya di kantin-kantin. Saya pergi ke kantin-kantin sekolah, tiada tong kitar semula supaya anak-anak ini diasuh untuk mengasingkan sampah-sampah mereka di kantin-kantin sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah program kementerian dengan program Kementerian Pendidikan?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator tadi. Sebenarnya program untuk di sekolah-sekolah telah diadakan. Mungkin dari segi pelaksanaannya atau penghebahannya belum jadi begitu meluas. Sebagai contohnya, di sekolah-sekolah telah diadakan modul latihan kelab kitar semula sekolah rendah dan menengah yang digunakan sejak tahun 2013.

Akan tetapi dari segi pelaksanaannya mungkin belum menyeluruh. Modul pengajaran dan pembelajaran pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R juga merentas kurikulum pra-sekolah yang diguna pakai sejak tahun 2018. Sesi ceramah dan pameran juga diadakan di sekolah-sekolah daripada waktu yang dibenarkan oleh sesi-sesi sekolah masukkan di dalam program kokurikulum dan sebagainya.

Dalam masa yang sama juga, ada juga pertandingan kitar semula sekolah-sekolah peringkat kebangsaan yang telah dianjurkan sejak tahun 2018 dan juga pertandingan membina arca seperti barangan kitar semula dan sebagainya. Sebenarnya program-program ini telah diadakan tetapi dari segi pelaksanaannya dan hebahannya mungkin masih belum menjadi satu publisiti yang boleh membanggakan kita.

Oleh kerana prioriti yang sepatutnya belum diberi oleh pihak-pihak sekolah dan pihak-pihak berkenaan. *In syaa Allah* kita akan memberi penekanan yang berterusan dalam kempen untuk memulakan kesedaran ini di peringkat yang lebih awal. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator, perkara ini mesti dimulakan di sekolah kerana di situlah pokok pemahaman dan budaya perlu ditanam. Sekian, terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan tambahan, boleh? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini. Saya ingin merujuk kepada petikan surat khabar berkaitan dengan Akta 672 iaitu berkaitan dengan sisa pepejal ini akan berkuat kuasa di tujuh negeri. Jadi, kami di Kelantan kami difahamkan sebelum ini pun kami dalam proses menandatangani tetapi kemudiannya mungkin lebih fokus kepada tujuh negeri.

Jadi, persoalan saya ialah pertama, adakah jangka masa daripada pihak kementerian sendiri, selepas tujuh negeri ini berapa lama lagi akan diperluaskan ke negeri-negeri lain, termasuk Kelantan khususnya?

Kedua, apakah persediaan infrastruktur dan sebagainya di peringkat negeri-negeri lain sementara menunggu dikuatkuasakan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan. Sebenarnya kami amat mengalu-alukan penyertaan semua negeri-negeri di Semenanjung dan juga di Malaysia Timur untuk mengambil bahagian di dalam skim ini. Akan tetapi terpulanglah pada negeri masing-masing untuk melibatkan dari segi perjanjian. Sebagai persediaannya, apa yang diperlukan adalah untuk menyediakan tapak-tapak yang bersesuaian yang tidak mengganggu persekitaran dan juga tempat perumahan.

Oleh kerana isu ini boleh menjadi sensitif pada pihak tempatan kalau tidak ditangani dengan sebaik mungkin. Selain daripada itu, teknologi-teknologi yang ada hari ini telah mengurangkan kawasan yang diperlukan untuk tindakan memproses sisa pepejal ini. Apa yang kita perlukan adalah kerjasama dan pengenalpastian kawasan-kawasan ini oleh pihak kerajaan yang belum lagi menandatangani. Kita amat meminta dan mengalu-alukan supaya setiap kerajaan mencepatkan permohonan untuk bersama dalam skim yang kita adakan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan itu ada berkenaan dengan struktur yang sedia ada pada tujuh negeri yang telah bersetuju dalam perjanjian, infrastruktur.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya. Dari segi infrastrukturnya, negeri-negeri yang telah menandatangani telah mengadakan perjanjian dengan syarikat-syarikat berkenaan. Contohnya bagi bahagian utara, ada satu syarikat, di bahagian *middle* semenanjung ialah syarikat berbeza. Ini adalah cara kita membahagikan kawasan-kawasan untuk bertanggungjawab dalam menangani proses mengendalikan sisa-sisa pepejal ini. Saya rasa dari segi *zoning*-nya, kita tidak ada masalah. Kita hanya perlu persetujuan untuk kita memasuki kerajaan-kerajaan tempatan dan negeri-negeri yang berhasrat untuk mengambil bahagian dalam kempen dan juga penguatkuasaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Silakan Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

**3. Tuan Aknan a/l Ehtook** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk mengeluarkan arahan yang setara kepada semua pejabat JPN untuk menetapkan agar hanya istilah “Siam” digunakan sebagai ‘keturunan’ bagi semua rakyat Malaysia berketurunan Siam dan menghentikan penggunaan istilah seperti “*Thai*”, “*Thais*”, “Thailand” atau istilah lain untuk mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon izin untuk jawab soalan secara duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menyelaraskan penggunaan istilah “Siam” sebagai maklumat keturunan pada sijil kelahiran bermula pada 17 Februari 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, individu berketurunan Siam yang telah didaftarkan dengan maklumat keturunan “*Thai*” yakni sebelum tarikh 17 Februari 2012, boleh mengemukakan permohonan pembetulan maklumat di bawah seksyen 27(3) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian tahun 1957 [Akta 299]. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada pengemukakan dokumen sokongan bagi membuktikan perkara seperti mana berikut:

- (i) ibu bapa pemohon adalah warganegara Malaysia berketurunan Siam yang telah dilahirkan dan menetap di negara ini; atau
- (ii) pemohon adalah generasi ketiga kepada individu berketurunan *Thai* yang telah dilahirkan atau menetap di negara atau kemudiannya memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui permohonan.

Bagi individu yang ibu bapa mereka memegang dokumen perjalanan ataupun *passport* dari negara Thailand, maklumat keturunan individu tersebut akan kekal sebagai “*Thai*” iaitu merujuk kepada negara asal mereka. Justeru, setiap permohonan pembetulan maklumat keturunan daripada “*Thai*” kepada “Siam” akan diteliti dengan terperinci bagi memastikan hanya pemohon yang tulen dan berkelayakan sahaja yang diberikan kelulusan.

Sebagai tambahan Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara ada mengadakan program *outreach* untuk membantu komuniti Siam khususnya di negeri-negeri seperti Kedah, Perlis dan Kelantan. Khususnya melibatkan pendaftaran anak, pembetulan dokumen-dokumen perkahwinan dan juga sijil kelahiran.

Jadi, ini di antara usaha Jabatan Pendaftaran Negara untuk membantu komuniti ini kerana kita sedar dan sedia maklum bahawa ada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat ini khususnya yang melibatkan dokumen-dokumen pengenalan diri mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.



**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sampai sekarang kita ada- masih lagi dapati bahawa borang-borang yang digunakan oleh jabatan dan agensi masih lagi ada ruang keturunan atau bangsa lain-lain. Terakhir sekali, kursus usahawan tani di satu negeri masih lagi menggunakan bangsa sebagai saringan.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, bilakah kementerian akan mendapatkan kerjasama daripada KSN? Agar KSN mengeluarkan arahan kepada semua jabatan untuk mengadakan butiran "Siam" dalam *database* ataupun borang yang digunakan agar tidak timbul kekeliruan dan keterangan keturunan "lain-lain" itu digunakan secara berterusan tanpa ada pengakhirannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan soalan tambahan yang telah diberikan tadi, saya sedia maklum soalan tambahan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya isu ini juga sebenarnya pernah suatu ketika dahulu menjadi isu agak panas di negeri Sabah. Ini kerana isu bangsa "lain-lain" itu menjadi isu yang dipertikaikan oleh segelintir masyarakat dan kita mengambil maklum perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan angkat cadangan ini agar Ketua Setiausaha Dalam Negeri mengangkat perkara ini kepada KSN. Ini kerana setakat ini, tidak ada lagi permohonan yang dikemukakan oleh mana-mana kementerian untuk mengubah status ini. *In syaa Allah*, saya akan ambil cadangan Yang Berhormat ini untuk kita angkat kepada KSU Kementerian agar ia di angkat pula kepada Ketua Setiausaha Negara untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Datuk Mustapa Kamal, Yang Berhormat Datuk Mustapa.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perjumpaan pada 22 Julai 2019, beberapa hari yang lepas iaitu Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Segambut yang telah mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk membincangkan isu kewarganegaraan.

Saya hendak tahu sebab dua Menteri, dua Timbalan Menteri dan seorang Ahli Parlimen jumpa, mungkin ada benda yang penting yang dibincangkan isu fasal kewarganegaraan. Apakah isu yang berkaitan dengan perjumpaan Ahli-ahli Yang Berhormat ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu perjumpaan dengan Yang Berhormat Menteri, bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey, saya sedia maklum tentang perjumpaan itu. Sebenarnya perjumpaan yang dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang disebutkan tadi dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan saya juga sedia maklum tentang perjumpaan itu. Sebenarnya, mereka membincangkan tentang SOPs yang perlu ditambah baik dalam proses permohonan kewarganegaraan dan juga dokumen-dokumen lain yang berkaitan, khususnya yang melibatkan rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai *stateless*.

Sebenarnya *stateless* ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tiada dalam istilah Jabatan Pendaftaran Negara isu *stateless*, *because* ia hanya merujuk kepada asal, ibu atau pun bapa dia. Jadi, itulah perjumpaan itu sebenarnya membincangkan tentang perkara-perkara yang boleh kita tambah baik dalam usaha kita untuk memastikan agar mereka yang layak menerima kewarganegaraan itu tidaklah dipertikaikan hak mereka. Jadi, itulah di antara inti pati perjumpaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk soalan tambahan mengenai tentang warganegara. Jadi kita lihat, di negara kita ini ramai pendatang ataupun pendatang di ibu negara kita terutamanya daripada Thailand, Indonesia dan juga Filipina terutama di negeri Sabah, tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi mereka ini kadang-kadang mempunyai dua kad pengenalan, kad KTP.

Jadi, apakah tindakan hasil perkembangan siasatan tentang dakwaan terdapat ribuan rakyat Thailand yakni siamlah ya, yang mempunyai dua kewarganegaraan iaitu Thailand dan juga Malaysia? Apakah bentuk kerjasama antara Malaysia dan Thailand dalam proses siasatan tersebut sekiranya ada? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Sebenarnya isu dua kewarganegaraan ini pada hakikatnya Perlembagaan kita, peraturan undang-undang di negara kita tidak membenarkan seorang individu itu memegang dua kerakyatan. *So*, dalam kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, jika ada maklumat ataupun kita mengesahkan bahawa ada individu yang memegang dua kerakyatan ini *basically* kementerian akan memanggil mereka dan minta mereka untuk melepaskan salah satu daripadanya tanpa kompromi. *Because* itu adalah peraturan yang ditetapkan di dalam peraturan dan undang-undang negara kita.

Dari segi kerjasama pula dengan negara Thailand, *of course* Malaysia dan Thailand ini sentiasa mengadakan kerjasama yang cukup erat. Khususnya bukan sahaja dari segi dokumen-dokumen sebagaimana yang disebutkan tadi, tetapi dari segi sudut keselamatan juga kita sering mengadakan mesyuarat-mesyuarat di antara dua negara ini dalam

memastikan isu-isu yang berkaitan di antara dua negara ini, isu kerakyatan, isu keselamatan dapat kita selaraskan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** *[Bangun]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sudah tiga soalan tambahan Yang Berhormat.

Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

**4. Tuan Manolan bin Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah program-program kesihatan yang dibuat di perkampungan Orang Asli di kawasan pedalaman khususnya berkenaan kesedaran dan langkah-langkah penjagaan kesihatan.

■1030

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad. Soalan yang dibangkitkan berkenaan dengan program-program kesihatan di kalangan Orang Asli. Kebetulan apabila Konvensyen Orang Asli diadakan pada 22 April 2019, saya antara peserta yang menghadiri konvensyen tersebut. Antaranya program-program kesihatan dan masalah kesihatan di kalangan Orang Asli memang menjadi antara tumpuan konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memastikan kecapaian perkhidmatan kesihatan bagi populasi Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia dicapai melalui fasiliti klinik statik dan klinik bergerak. Sehingga kini terdapat sebanyak lima buah klinik kesihatan dan 11 buah klinik desa yang terletak di dalam perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Semenjak Kementerian Kesihatan mengambil alih penyampaian perkhidmatan kesihatan Orang Asli dari pihak JAKOA pada tahun 2012. Kementerian Kesihatan telah menubuhkan 12 buah pasukan bergerak Orang Asli khususnya bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada populasi Orang Asli di pedalaman Pahang, Kelantan, Perak dan Johor. Kementerian juga turut menyediakan pasukan doktor udara bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan ke perkampungan Orang Asli di pedalaman yang sukar dicapai melalui jalan darat atau air.

Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan Negara ini, kebetulan pasukan doktor udara dikendalikan daripada Klinik Kesihatan Gunung Rapat yang terletak di kawasan Parlimen saya, Parlimen Gopeng. Terdapat 81 pasukan kesihatan bergerak yang menyampaikan perkhidmatan kesihatan pesakit luar dan penjagaan kesihatan ibu dan anak di perkampungan Orang Asli di pedalaman dan pinggiran terbabit sekurang-kurangnya setiap empat minggu sekali.

Pelbagai bentuk program kesihatan berkenaan kesedaran dan langkah-langkah pencegahan kesihatan telah dilaksanakan di kalangan Orang Asli seperti program jalinan

mesra kesihatan bersama agensi lain seperti JAKOA, PKD daerah berkenaan dan Asyik FM yang dianjurkan di antara empat hingga enam kali setahun.

Di samping itu, kursus latihan bagi melantik sukarelawan sebagai *first responder* yang dilakukan di Pos Sinderut, Lipis dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan turut dilaksanakan khususnya untuk kes-kes kecemasan seperti *basic life support*, ini untuk *first responder*. Aktiviti mempromosi perubahan gaya hidup dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi serta melibatkan masyarakat Orang Asli turut dilaksanakan di beberapa lokaliti terpilih dari semasa ke semasa.

Selain itu, program *outreach* dan *mass media* di bawah unit bergerak pendidikan kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri juga melibatkan agensi seperti JAKOA dan Majlis Agama Islam turut diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Antara aktiviti yang dijalankan adalah tayangan video yang diselang-selikan dengan mesej kesihatan dan lawatan rumah ke rumah untuk menunjukkan cara-cara menjaga kebersihan individu dan memberi nasihat seperti etika batuk serta cara pencegahan penularan penyakit berjangkit dengan memberi tumpuan kepada lokaliti pedalaman yang mendapat liputan media yang terhad.

Inisiatif ini turut melibatkan penubuhan 29 buah Kelab Doktor Muda di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar Orang Asli seperti di Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri juga kerana menghadiri Konvensyen Orang Asli tempoh hari dan juga turut serta dalam lawatan bersama Timbalan Perdana Menteri ke Kampung Kuala Koh, Gua Musang.

Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan, kita tahu Kementerian Kesihatan banyak mengadakan program kesihatan di perkampungan Orang Asli khususnya di pedalaman dan ada juga menghantar doktor udara. Bagi saya ini memang langkah yang baik cuma kosnya agak tinggi kalau kita menggunakan helikopter dan masuk ke perkampungan Orang Asli.

Soalan saya adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk mewujudkan pembantu perubatan di kalangan belia Orang Asli di kawasan di situ, di kampung tersebut kerana kadang-kadang ada kawasan yang aksesnya agak sukar kerana jalan jauh ke dalam. Seperti di Pos Simpul yang agak berjam-jam untuk sampai ke dalam dan memberi sedikit elaun kepada mereka?

Ini kerana saya yakin ada di kalangan belia ini yang kalau kita latih yang ada kelulusan seperti selepas SPM. Saya yakin mereka boleh memberi- khususnya kesedaran kepada

masyarakat di situ dan juga mereka lebih tahu tentang budaya dan adat suku mereka tersebut. Jadi ini saya rasa bagi memudahkan interaksi di antara orang kampung dan juga Kementerian kesihatan.

Soalan kedua saya, adalah berkenaan dengan, adakah pihak kementerian ingin mewujudkan pos-pos kesihatan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, ada juga beberapa klinik desa di perkampungan Orang Asli tetapi daripada segi jumlah itu saya rasa perlu ditambah. Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi banyak kampung-kampung Orang Asli ini yang memang jauh ke dalam tetapi penduduknya agak ramai. Lebih daripada 1,000 orang ini bagi saya sangat sesuai sekiranya mewujudkan klinik-klinik kesihatan itu? Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sepertimana yang saya sebut sebelum ini memang kita ada latihan untuk sukarelawan sebagai *first responder* di mana mereka boleh dilatih untuk merawat untuk kes-kes kecemasan dan seterusnya *stabilize the patient* dan untuk rawatan seterusnya. Jadi kita menggalakkan pemuda-pemuda ataupun mereka yang berminat untuk turut serta dalam latihan tersebut.

Berkenaan dengan pos kesihatan. Memang kita melalui rangkaian yang kementerian sediakan, melalui klinik kesihatan dan klinik desa, ini merupakan usaha kementerian untuk menyampaikan perkhidmatan. Untuk tambahan pos kesihatan, yang menjadi masalah adalah *accessibility*. Jadi apabila kita ada kesukaran untuk sampai ke situ, ini yang menjadi masalah. Jadi kita adakan khidmat melalui klinik bergerak sama ada melalui *four-wheel drive* ataupun bot ataupun dengan helikopter. Jadi ini cara yang kita perbaiki.

Jadi terpulanglah sekiranya ada masalah *accessibility* ini boleh diselesaikan, sebenarnya kita lebih berminat adakan pos *permanent* seperti klinik desa di kawasan tersebut daripada kita gunakan helikopter. Jadi ini pilihan utamalah. Kalau ada *accessibility* klinik desa adalah diutamakan daripada bekalkan helikopter. Sekian.

**Beberapa Ahli:** [*Berdiri*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan dengan selain penjagaan *general hygiene* ataupun kesihatan am yang dijalankan oleh kementerian. Baru-baru ini saya membaca satu laporan berkenaan dengan kesihatan-kesihatan keluarga di mana wanita-wanita Orang Asli ini diberi pil perancang tanpa kebenaran ataupun keizinan mereka.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah ini sebahagian daripada program yang dijalankan oleh kementerian ataupun cuma ini adalah satu isu-isu yang terpencilah? Jadi saya ingin minta penjelasan sebab terdapat beberapa kebimbangan

daripada masyarakat Orang Asli apabila isu ini ditimbulkan baru-baru ini di akhbar, di mana wanita Orang Asli ini bagaikan di paksa ambil pil perancang. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

■1040

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan *contraception* ini, kebetulan kita akan berbincang dengan ibu yang berkenaan mengenai *contraception* selepas mereka bersalin di hospital, sama ada mereka Orang Asli kah tidak. Ini secara umum. Untuk kalangan Orang Asli, kita ada menghadapi masalah dari segi *accessibility*. Jadi, cara yang digunakan bukan pil tetapi melalui *injection* yang boleh tahan lebih lama.

Akan tetapi, memang saya hendak tegaskan di sini bahawa tidak ada paksaan dari segi *contraception* sebab kita mesti bincang dengan ibu dan kalau dia tidak benarkan, maka kita tidak akan berikan *contraception*. Jadi, memang ada dakwaan bahawa ada paksaan yang berlaku dan siasatan telah dibuat dan kita harap keputusan siasatan itu akan diumumkan secepat mungkin. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan sama yang sudah ditanya dan sudah dijawablah. Terima kasih.

**5. Dato' Fahariyah binti Haji Md Nordin** minta Perdana Menteri menyatakan, hala tuju dan pendekatan yang bakal diambil Kerajaan dalam menentukan pegangan Khazanah Nasional Berhad dalam ekuiti-ekuiti syarikat-syarikat di bawah Malaysia Aviation Group Berhad agar model perniagaan dan pendapatan operasi tidak membebankan pelaburan Khazanah Nasional Berhad.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan juga selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato Hajah Fahariyah atas soalan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab bersama soalan Yang Berhormat Senator Dato Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin berserta soalan-soalan yang dikemukakan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung pada hari ini juga berserta dengan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa pada 31 Julai kerana kesemuanya berkaitan perkara yang sama iaitu perancangan kerajaan dan juga hala tuju syarikat penerbangan negara kita iaitu Malaysia Airlines Berhad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Airlines Berhad merupakan aset strategik negara yang menyumbang kepada pelbagai manfaat ekonomi bagi Malaysia. Selain menjadi duta Malaysia bagi menerbangkan Jalur Gemilang ke seluruh pelosok dunia serta membawa masuk pelancong dan juga pedagang ke Malaysia, Malaysia Airlines Berhad juga turut menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 14,000 anak tempatan.

Sehubungan dengan itu, dalam pada kerajaan komited untuk mencari penyelesaian yang terbaik dan memulihkan kembali Malaysia Airlines Berhad, dua faktor utama iaitu jenama Malaysia dan juga jaminan bahawa pekerjaan kepada warga kerjanya sama sekali tidak akan dikompromi dalam mencari penyelesaian yang bakal dicadangkan bagi Malaysia Airlines Berhad kelak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Pengerusi Khazanah Nasional Berhad ketika menjawab soalan mengenai hala tuju Malaysia Airlines Berhad di Dewan Rakyat pada 10 Julai yang lepas telah menegaskan perkara yang sama. Sekali gus juga memberi bayangan kepada rupa bentuk syarikat penerbangan negara ini pada masa hadapan. Namun, usaha untuk menyelamatkan ikon negara ini sebenarnya bermula jauh lebih awal daripada tarikh tersebut.

Sejak tahun 2001 apabila kerajaan mengambil alih *Malaysia Airlines* pada masa itu sehinggalah pada tahun 2014 di bawah kendalian khazanah, sejumlah lima usaha penstrukturan semula yang menelan belanja sebanyak RM24.4 bilion telah cuba dilakukan untuk memulihkan MAS ataupun MAB.

Sungguhpun kesemua usaha penstrukturan semula dan penambahbaikan yang dilaksanakan telah sedikit sebanyak membawa beberapa hasil positif pada operasi MAB, namun terdapat beberapa faktor yang mengekang kemajuan MAB serta memberi kesan negatif kepada prestasinya. Salah satu daripadanya adalah lebih bekalan di dalam pasaran ataupun *oversupply, overcapacity* dan persaingan yang sengit daripada syarikat penerbangan lain termasuk *AirAsia, AirAsia X* dan *Malindo*.

Walaupun persaingan di antara syarikat-syarikat penerbangan secara amnya membawa kepada penurunan harga tambang yang sekali gus menguntungkan para penumpang, tetapi kesannya kepada keberuntungan syarikat khususnya syarikat penerbangan khidmat penuh, dengan izin, *full carrier service* seperti MAB adalah amat ketara.

Untuk makluman, Malaysia mempunyai antara bilangan syarikat penerbangan tempatan yang tertinggi di rantau ini. Sementara Singapura, Thailand dan Indonesia hanya mempunyai satu atau dua syarikat penerbangan tempatan. Hal ini dijangka bertambah buruk dengan penghantaran pesawat baharu terutamanya di Malaysia.

Walaupun begitu, Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) kini sedang bekerjasama dengan Khazanah untuk menggubal semula strateginya dan menilai semula opsyen strategik untuk memulihkan prestasi syarikat ini. Apabila siap sepenuhnya kelak, ia akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah dan seterusnya kepada kerajaan untuk tindakan selanjutnya berhubung dengan hala tuju dan juga masa depan MAB.

Justeru itu, semua cadangan dan tawaran yang serius serta keupayaan pihak yang mengemukakan cadangan ataupun tawaran tersebut akan dinilai secara teliti daripada segi kewangan dan mekanisme pelaksanaannya. Maklumat lanjut berkenaan tawaran-tawaran tersebut akan diumumkan pada masa yang sesuai kelak. Pada masa ini, tiada tarikh akhir telah ditetapkan bagi mengemukakan sebarang tawaran.

Pada masa yang sama, bagi memastikan kelangsungan operasinya, MAB kini turut melaksanakan usaha bersepadu untuk mengurangkan kerugian melalui peningkatan pendapatan dan inisiatif rasionalisasi kos dan giat meneroka pelbagai peluang strategik serta rangkaian kerjasama yang mampu membawa kebaikan kepadanya. Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, daripada kerajaan, daripada Khazanah dan juga MAB, mudah-mudahan usaha untuk memastikan syarikat penerbangan negara kita kembali terbang tinggi di angkasa akan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang saya kira agak terperinci berkenaan dengan Malaysia Airlines Berhad yang kita tahu sejak sekian lama mengalami prestasi kewangan yang agak suram.

Namun, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, kita tahu bahawa di bawah *Malaysia Aviation Group* ini terdapat banyak lagi syarikat-syarikat lain seperti *Firefly*, *MASwings*, *MAS Cargo*, *AeroDarat* dan sebagainya. Maka soalan pertama saya, saya hendak bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah kerajaan ingin memastikan bahawa penstrukturan semula *Malaysia Airlines* sebagai penerbangan utama ini tidak menjejaskan syarikat-syarikat lain di bawah *Malaysia Aviation Group*?

Sebab, semasa penstrukturan sebelum ini, contohnya seperti *AeroDarat* yang bertanggungjawab tentang operasi *ground handling*, ia dikecilkan. Sebelum ini *AeroDarat* sebagai operasi banyak *airlines* tetapi sekarang ini apabila distrukturkan semula sebelum ini, dikecilkan operasinya seolah-olah *AeroDarat* ini hanya fokus kepada *Malaysia Airlines* sahaja. Sepatutnya dia boleh berkemampuan untuk *handling* syarikat penerbangan yang lain.

Maka, saya hendak bertanya, bagaimanakah kerajaan ingin memastikan supaya penstrukturan semula ini tidak melibatkan syarikat-syarikat yang lain di bawah *Malaysia Aviation Group* yang memang untung? *Firefly* untung, *MAS Cargo* untung dan sebagainya.



Soalan saya yang kedua, berkenaan dengan laporan *Bloomberg News*. Semalam kita semua telah- saya rasa hari ini pun ada dekat dalam surat khabar. *Bloomberg News* telah melaporkan yang Khazanah Nasional Berhad telah melantik *Morgan Stanley* yang merupakan sebuah entiti bank pelaburan untuk mencari penyelesaian bagi memulihkan prestasi syarikat *Malaysia Airlines*.

Maka, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tujuan dan asas pelantikan entiti bank pelaburan ini? Adakah kerajaan bercadang ataupun mempunyai perancangan untuk menjual aset-aset di bawah *Malaysia Airlines Berhad* ini? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat, pertama sekali, kita lihat bagaimana dalam usaha kita untuk memulihkan *Malaysia Airlines Berhad* ini bertahun-tahun dan selepas beberapa proses penstrukturan semula dan sebagainya daripada segi pengurusan dan sebagainya ditukar dan beberapa pelan telah dilaksanakan, tetapi masih lagi belum dapat untuk memastikan bahawa *Malaysia Airlines* ini dapat keuntungan.

#### ■1050

Walau bagaimanapun, kita lihat daripada segi mutu perkhidmatan, ketepatan masa-*punctuality*, pengendalian bagasi dan kepuasan pelanggan terdapat peningkatan dari segi prestasi mereka. Kita lihat juga seperti mana yang dijelaskan tadi, apabila kita melihat *option strategic* yang *available* untuk *Malaysia Airlines Berhad*, kita ingin pastikan seperti mana yang telah dijawab juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terutamanya perkhidmatan-perkhidmatan lain yang menyediakan pengangkutan seperti di Sabah dan Sarawak ini tidak terjejas dalam apa-apa pun perancangan yang kita adakan untuk memastikan bahawa kita mendapat satu penyelesaian yang *viable* untuk *Malaysia Airlines*.

Pada masa ini, memang kita jelaskan bahawa setiap tahun keuntungan itu- kos pengendalian *Malaysia Airlines* ini masih melebihi daripada keuntungan dan masih lagi memerlukan tambahan daripada pihak Khazanah, terutamanya. Kita memang mencari jalan yang terbaik bagaimana untuk memastikan bahawa kalau ada apa-apa perancangan daripada mana-mana pihak untuk memulihkan semula *Malaysia Airlines* ini- seperti yang dikatakan tadi, dua perkara yang memang tidak akan di kompromi adalah dari segi *branding Malaysia Airlines* itu sendiri dan seterusnya kita tidak akan kompromi daripada 14,000 orang pekerja tempatan yang berkhidmat dengan *Malaysia Airlines*. *We do not want any laying off*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan laporan akhbar yang betul, yang seperti mana Yang Berhormat Senator Fahariyah katakan, diterbitkan semalam, berkenaan dengan *Morgan Stanley*. Ini adalah untuk menjalankan proses- untuk *study all the options* yang *available*, dengan izin,

untuk melihat daripada satu pihak yang *independent*, bukan daripada Khazanah, bukan daripada kerajaan, *all the suitest* yang berminat untuk mengemukakan cadangan, mengemukakan *options strategic* bagi membantu memulihkan *Malaysia Airlines* ini. Kita mempunyai satu platform yang *independent* yang untuk dilihat mengkaji secara khusus. Itu sahaja pada masa ini seperti mana yang telah dijelaskan oleh pihak Khazanah. Saya harap jawapan tersebut memadai, Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Senator Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu yang *Malaysia Airlines* sudah berbelas tahun, malah dalam keadaan kerugian. Akan tetapi, kita kena lihat bahawasanya *Malaysia Airlines* adalah satu jenama Malaysia yang berada di mana-mana. Kita sudah ada satu pengalaman di mana contohnya, *Proton*, satu jenama Malaysia tetapi dengan adanya masalah, kerajaan- *government*, sanggup jual *Proton* sehingga kita sebagai pemegang saham yang minoriti.

Ini membuatkan rakyat agak keliru dan ada yang marah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu soalan pendek sahaja. Adakah pihak kerajaan serius untuk menjual *Malaysia Airlines* sehingga sanggup memegang saham minoriti daripada pembeli? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rancangan untuk menjual.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Razali. Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan hanya- seperti mana yang dikatakan oleh jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sebelum ini merupakan salah satu opsyen yang kita lihat. Sebarang syarikat yang berminat untuk datang membantu ataupun mengambil bahagian daripada *stakes* di dalam *Malaysia Airlines* ini, semestinya perlu mempunyai kepakaran dan juga perlu mempunyai kedudukan kewangan yang cukup kukuh.

Ini kerana, kita tahu komitmen yang perlu disalurkan untuk memastikan pengoperasian *Malaysia Airlines* ini berjalan dengan lancar setiap tahun adalah agak tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, bukan ciri-ciri pembeli. Adakah dalam perancangan?

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Itu salah satu daripada opsyen yang memang di-*considered*. Akan tetapi, tidak ada keputusan muktamad pada masa ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Mohan.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Soalan saya pun lebih kurang. Akan tetapi saya tanya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali yang sama juga Yang Berhormat Senator?

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Ya. Baru-baru ini saya tengok Penasihat Media dan Komunikasi Pejabat Perdana Menteri, Datuk A. Kadir Jasin melalui satu penulisan di laman *Facebooknya*. Datuk A. Kadir Jasin, telah mengatakan bahawa selain syarikat penerbangan Singapore iaitu *Singapore Airlines*, syarikat penerbangan Jepun- *Japan Airlines* serta beberapa lagi syarikat penerbangan dari *Europe* dan Australia telah mengatakan minat mereka untuk menerbangkan penerbangan rasmi *Malaysia Airlines*. Adakah betul- untuk membeli?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Mohan, Datuk A. Kadir Jasin itu bukan kerajaan.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tidak, dia penasihat Perdana Menteri- media.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat Senator Datuk Mohan. Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab isu hidangan arak dan juga pakaian pramugari yang telah saya bangkitkan sebelum ini. Saya hendak tahu sama ada perkara ini telah dibincangkan di dalam Lembaga Pengarah Khazanah. Oleh sebab, saya lihat pramugari yang mengiringi jemaah haji sopan pula pakaian dia. Boleh pula berpakaian seperti itu. Maka, sebab itu saya mohon pencerahan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan ini hanya tiga. So, kalau boleh jawab dua-dua sekalilah.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Tuan Yang di-Pertua, *thank you*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, kita lihat bila berlaku seperti ini kepada Malaysia Airlines Berhad, banyak pihak yang mengemukakan pandangan masing-masing. Pihak Khazanah sebagai *the only share holder* untuk *Malaysia Airlines* menilai setiap opsyen yang ada dan memastikan bahawa sebarang keputusan yang dibuat itu adalah berlandaskan kepada *the best practice*, terutamanya.

Berhubung kepada pihak-pihak yang berminat tersebut, *I think we better wait* daripada pihak Khazanah sendiri mengenai dengan pengumuman. Apabila perkara tersebut telah dibincangkan dengan Lembaga Pengarah, Malaysia Airlines Berhad dan benda itu diumumkan, barulah kita boleh tahu siapakah sebenarnya- *at the moment I think, all the information* itu ramai yang- satu spekulasi dan ramai juga yang mungkin bukan daripada sumber yang sepatutnya, *formal* yang sah.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran, rasanya Yang Berhormat Senator juga ada mengemukakan persoalan yang sama kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan jawapan bertulis telah

pun diberikan berkenaan dengan dua isu berkenaan pakaian. Selain itu juga, berkenaan dengan penghidangan minuman keras di dalam syarikat-syarikat penerbangan. Ini agak di luar konteks yang dapat saya berikan input daripada pihak Khazanah.

Saya mohon, kalau boleh saya minta jasa baik Yang Berhormat Senator Laksamana rujuk kepada jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

**6. Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, apakah status terkini tentang pelaksanaan kajian semula Dasar Perhutanan Negara yang telah dilancarkan pada tahun 1992 (NFP 1992).

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) kini masih dalam usaha mengkaji dan menyediakan suatu Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang lebih menyeluruh untuk memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan negara.

Dasar ini dijangka siap pada tahun 2020. Kementerian telah memulakan usaha untuk menggubal sebuah Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) yang akan mengekalkan kepentingan ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, persetujuan secara prinsip telah dicapai di antara ketiga-tiga wilayah mengenai penetapan, kenyataan rasional dan objektif bagi Dasar Perhutanan Malaysia (DPM). Strategi dan pelan tindakan bagi ketiga-tiga wilayah berkenaan dijangka boleh dimuktamadkan pada tahun 2020. Terima kasih.

■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, soalan tambahan.

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat di atas jawapan beliau.

Di sini saya ingin merujuk kembali pada perhimpunan awam yang telah berlaku pada 18 Julai 2019 di Parlimen oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) bersama dengan badan bukan kerajaan lain. Maka, soalan tambahan saya kepada kementerian adalah PEKA melalui perhimpunan tersebut telah mengemukakan satu memorandum kepada kerajaan mengenai tuntutan agar Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya perkara mengenai sumber atau khazanah hutan dikeluarkan daripada senarai negeri.

Adakah kementerian akan menerima cadangan yang dituntut? Sekiranya tidak, mengapa? Tuntutan berikutnya ialah Akta Perhutanan perlu disemak semula dengan segera untuk meningkatkan hukumannya. Adakah kementerian akan mempertimbangkan pandangan tersebut termasuk mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman sebat ke atas orang yang melakukan pemusnahan ke atas khazanah hutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama berkenaan dengan dasar. Soalan yang kedua berkenaan dengan akta. Adakah perlu saya menjawab?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey, tidak apa saya jawab sahajalah secara umum. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang benar pada 18 Julai lepas badan NGO iaitu PEKA ada menghantar memorandum. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kita masih lagi tertakluk di bawah Perkara 74(2) Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan. Di mana ia adalah pemisahan antara kuasa negeri dan juga kuasa *federal* iaitu pusat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga sememangnya di bawah kementerian kami iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, kita dalam proses untuk membawa rang undang-undang iaitu akta berkenaan dengan Akta Perhutanan. *In syaa Allah* mungkin akan dibawa secepat mungkin. Kalau sempat mungkin Ogos ataupun November 2019 di Parlimen yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkaitan dengan Dasar Perhutanan Negara, di mana Kerajaan Malaysia melalui sidang kemuncak di *Rio de Janeiro* pada tahun 1992 menyatakan komitmen untuk mengekalkan hutan. Jadi, ini menjadikan negeri Kelantan ini terpaksa mengekalkan kawasan hutan sekurang-kurangnya 50 peratus dan ia menyebabkan kami kehilangan pendapatan lebih kurang RM7.524 bilion setahun.

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya dalam revisi yang dilakukan berkaitan dengan kajian semula itu, adakah dimasukkan sekali mengenai apakah pampasan ataupun mungkin timbal balik kepada kerajaan negeri yang berusaha untuk komited dengan dasar perhutanan ini. Sebab saya lihat ini juga adalah tuntutan daripada negeri-negeri lain selain daripada Kelantan.

Contohnya kalau di Kedah, mereka pernah menyatakan bahawa kerajaan bersetuju untuk memberikan pampasan dalam bentuk alam sekitar dan kalau di Pahang pula mereka menuntut supaya ia ditukar gantikan dengan menolak hutang negeri. Jadi, apakah tindakan

kementerian untuk menyokong komitmen yang dilakukan oleh negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di sini saya bacakan kandungan dasar berkenaan dengan Dasar Perhutanan Malaysia.

- (i) memastikan kawasan hutan yang mencukupi diuruskan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik untuk konservasi, biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem;
- (ii) memelihara, memulih dan mengurus kawasan hutan simpan kekal atau hutan simpan atau hutan kekal berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan;
- (iii) menjamin sumber bahan mentah yang berterusan dari kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi kelangsungan pembangunan industri berasaskan kayu dan bukan kayu;
- (iv) menggalakkan penyertaan masyarakat Orang Asli, Orang Asal dan tempatan dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan pelindungan hutan; dan
- (v) memperkasakan pembangunan kapasiti penyelidikan pembangunan dan pengkomersilan dan inovasi termasuk menyediakan sumber manusia dan kewangan yang mencukupi bagi menambah baik pengurusan hutan dan penggunaan sumber hutan.

Yang Berhormat Senator, sebenarnya tujuan Dasar Perhutanan Malaysia ini adalah untuk mendapat satu titik persamaan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Itu dia punya *key point*.

Untuk menjawab pertanyaan dengan adakah Kerajaan Pusat untuk memberi pampasan ataupun imbuhan lain sekiranya negeri-negeri yang ada hutan ini tidak mengeluarkan perhutanan ya. Saya boleh menyatakan di sini secara umum dalam bajet yang lepas ada Kementerian Kewangan menyatakan lebih pada RM60 juta yang akan diberi. Akan tetapi, secara spesifik saya tidak boleh bagilah.

Akan tetapi, saya ingin menarik soalan ataupun soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi. Ada menyatakan bahawa kerajaan Kelantan telah kehilangan sumber sebanyak RM7.25 bilion kah *million*?... Bilion ya. *Million*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilion.

**Puan Asmak binti Husin:** Dalam catatan saya buat ini, RM7.524 bilion. Dijangkakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas *Rio de Janeiro*.

**Puan Asmak binti Husin:** Berdasarkan komitmen kita itulah.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey, saya rasa pihak Yang Berhormat Senator kena *check* baliklah *figure* itu yakni RM7.25 bilion. Mengikut statistik yang saya ada dekat sini ya. Pada tahun iaitu diambil pada tahun yang terbaru ya. Pada tahun 2018, kita kena maklum bahawa di dalam *revenue* perhutanan ini dia merangkumi banyak perkara termasuk royalti, premium, ses dan sumber-sumber lain.

Jadi, statistik yang ada saya pada pagi ini hanya Kelantan saya baca dekat sini. Kelantan royaltinya ada hanya lebih kurang RM29.6 juta. Premium adalah RM45.1 juta. Ses ini adalah keperluan tanam semula adalah RM20.5 juta dan sumber-sumber lain adalah RM49.8 juta. Kalau ikut dekat sini RM185 juta sahaja tidak sampai bilion. Jadi, saya rasa semak baliklah *figure* itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Fasal soalan itu agak lebih lama, lebih terkeluar daripada soalan pokok. Ini Yang Berhormat Menteri pun dah menolong banyak. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

**7. Datuk Donald Peter Mojuntin** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah anggaran pendapatan Kerajaan di bawah sistem percukaian SST dan adakah sistem tersebut berkesan dalam usaha mengurangkan kos sara hidup.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sementara Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, menunggu dengan sabar soalan nombor satu menjadi nombor tujuh, saya juga menunggu dengan sabarnya untuk menjawab soalan Yang Berhormat.

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang telah diperkenalkan semula pada 1 September 2018, dianggarkan berjumlah RM22 bilion pada keseluruhan 2019. Pengenalan semula SST bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah membantu meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat ataupun *disposable income* dengan penjimatan daripada Cukai Tidak Langsung yang perlu dibayar oleh mereka berbanding dengan sistem GST.

#### ■1110

Pengenalan semula SST secara amnya, tidak menyebabkan berlaku kenaikan pada harga barang dan perkhidmatan. Sebagai contoh, Indeks Harga Pengguna (IHP) tidak menunjukkan peningkatan ketara. Pada akhir Mei 2019, IHP meningkat sebanyak hanya 0.2

peratus berbanding akhir Mei 2018. IHP bagi kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain meningkat sebanyak 1.8 peratus dan makanan dan minuman bukan alkohol pula meningkat 1.2 peratus dalam tempoh tersebut. Manakala IHP bagi kumpulan pengangkutan, menurun 2.5 peratus. Tiga komponen tersebut merangkumi hampir sebenarnya 70 peratus daripada wajaran keseluruhan IHP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST yang baharu adalah lebih kecil berbanding di bawah sistem GST. Di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti barang makanan asas tidak dikenakan cukai jualan, manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja. Antara barang yang dikecualikan dari cukai jualan termasuklah makanan asasi seperti beras, gula, ikan segar, ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kerajaan juga telah menetapkan sebahagian besar barangan kegunaan industri seperti besi, kayu dan bahan kimia dikecualikan daripada dikenakan cukai jualan.

Kerajaan akan terus menguruskan ekonomi negara dengan cekap dan berkesan dalam usaha memantapkan lagi asas-asas ekonomi negara dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang sihat dan mapan serta berkualiti. Pada masa yang sama, kerajaan juga akan memastikan perbelanjaan negara diurus dengan baik dan berkesan serta produktif. Usaha ini dijangka dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan serta kuasa beli rakyat.

Bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, kerajaan melalui KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran, di samping menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2019 dan melaksanakan langkah penguatkuasaan pencatutan ke atas perniagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan *revenue* atau pendapatan tahunan kerajaan daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, SST hanya- Pendapatan tahunan bagi kerajaan daripada SST hanya RM22 bilion, berbanding dengan GST yang berjumlah kira-kira RM44 bilion pada tahun 2018.

Soalannya, bagaimanakah kerajaan menangani *shortfall* atau kekurangan ini dengan tidak membebankan rakyat kerana jumlah RM20 bilion lebih *shortfall* itu adalah satu jumlah yang signifikan yang boleh digunakan dalam pembangunan di negara kita ini seperti pendidikan, pembayaran hutang negara dan sebagainya? Terima kasih.



**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang diberikan. Ya, *shortfall* memang berlaku kalau kita buat perbandingan. Kita mengharapkan supaya *shortfall* ini tidaklah terlalu besar seperti yang kita anggar kerana pencapaian ataupun prestasi kutipan SST bagi enam bulan yang pertama ini, kita sudah mencapai 60 peratus daripada yang disasarkan RM22 bilion. Sepatutnya 50 peratus saja. Jadi kita harap, kita akan dapat kecilkan lagi *shortfall* itu.

Jadi untuk tujuan memastikan bahawa kerja-kerja pembangunan dan juga di bawah perbelanjaan mengurus itu dapat kita teruskan, seperti yang kita sebutkan tadi, kita mengharapkan bahawa apabila ekonomi diurus dengan secara yang lebih baik, maka kita akan macam telah dibuktikan, apabila kita dapat meyakinkan pelabur untuk masuk, memulakan perniagaan, mewujudkan peluang perniagaan, maka cukai-cukai yang dapat dikutip oleh pihak kerajaan akan bertambah.

Di samping itu, yang tidak kurang pentingnya juga ialah untuk memastikan bahawa peningkatan hasil itu tidak akan menyebabkan berlakunya ataupun *growth* yang berlaku dalam negara kita itu tidak akan menyebabkan berlakunya peningkatan di dalam inflasi dan sebagainya, yang akan menyebabkan lebih pendapatan itu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak *commensurate* dengan *disposable income* yang kita ada. Jadi sebab itu, kawalan terhadap inflasi akan terus kita jalankan.

*Alhamdulillah*, menjelang Hari Raya Aidilfitri itu yang selalunya menjelang perayaan-perayaan besar yang selalu akan rakyat merungut tentang kenaikan harga barang, kali ini senyap. *So, no news is actually good news* Tuan Yang di-Pertua. Barangan-barangan itu dapat dikawal dengan baik dan kita tidak dengar bunyi bising pun. Jadi maknanya, ia telah dapat memberikan suatu perkara yang baik dalam memberikan keselesaan kepada rakyat apabila *disposable income* itu bertambah baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kebetulan dengar bising kah atau apa Yang Berhormat? Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya agak teruja apabila jawapan Timbalan Menteri menyebut bahawa parameternya adalah melihat sejauh mana kebisingan rakyat terhadap harga-harga barang menjelang satu-satu perayaan. Saya harap ini tidak benarlah.

Apa pun saya hendak nyatakan di sini, perhatikan kepada harga minyak dunia yang tidak menentu, *brand* hari ini berada pada kadar USD63 setong. Jadi tadi pun dimaklumkan-terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Donald membangkitkan isu ini iaitu SST pada kadar RM20 bilion anggaran tahunan *collection*, RM22 bilion. Hari ini kita sudah capai 60

peratus. Saya tidak pasti sama ada itu *cash already collected*, dengan izin ataupun anggaran 60 peratus. Jadi saya hendak tanya soalan pertama, apakah 60 peratus yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa daripada RM22 bilion anggaran itu sebenarnya *cash* yang telah dikutip dan berada dalam akaun yang disatukan? Itu pertama.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan keadaan ekonomi dunia tidak menentu dan kita tahu anggaran *collection GST* pada pentadbiran terdahulu, kita boleh *collect* sehingga lebih RM40 bilion. Hari ini kita kekurangan RM20 bilion. Kita tahu kita boleh ambil dividen lebih daripada Petronas.

Akan tetapi saya hendak tanya juga, apakah komitmen kerajaan? Sejauh mana kita hendak memperbetulkan kedudukan fiskal negara kita dengan mengurangkan kadar ataupun menaikkan kadar cukai-cukai yang lain seperti cukai korporat ataupun cukai-cukai yang lain untuk menampung kekurangan daripada GST?

Jadi saya hendak tahu, apakah ada perancangan untuk meningkatkan cukai-cukai yang lain pada belanjawan tahun 2020, memandangkan *engagement* ataupun perbincangan meja bulat belanjawan telah ataupun akan bermula? Jadi, ada perancangan atau tidak dari pihak kementerian? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia dua soalan saja, satu soalan saya ingat sudah jawab dah. Soalan yang kedua, adakah rancangan untuk menaikkan cukai?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul yang membangkitkan tentang perkara tersebut. Sebenarnya *budget consultation* telah pun bermula, dengan kita menjemput semua yang telah pun mengemukakan memorandum kepada kerajaan tentang cadangan untuk bajet ini. Biasanya Tuan Yang di-Pertua, memorandum yang ada ini bukan ke arah untuk meningkatkan hasil tetapi banyak hendak minta supaya cukai yang dikenakan dikurangkan dan sebagainya lah. Tidak apalah. Jadi *consultation, the first consultation* telah kita buat. Penuh dewan hari itu dan kita akan sambung dengan peringkat yang kedua iaitu *focus group discussion* Yang Berhormat untuk mendapatkan input yang lebih teliti dan rapi tentang apa yang ingin mereka cadangkan.

Setakat ini, tidak ada perancangan untuk menaikkan ataupun mengurangkan cukai korporat ataupun cukai kepada individu. Akan tetapi apa yang telah ada, kita telah pun lancarkan iaitu Program *Voluntary Disclosure* yang telah kita buat dengan memaklumkan kepada semua mereka yang individu ataupun syarikat bahawa kita punya maklumat tentang akaun-akaun bank mereka yang berada di luar negara kerana ini hasil daripada OECD, kita ada benda ini.

#### ■1120

Jadi, kita telah beri tawaran untuk mereka membuat *voluntary disclosure* benda-benda yang mereka tidak *disclose* sebelum ini Tuan Yang di-Pertua dengan dikenakan kadar cukai

dan juga penalti yang rendah. Akan tetapi kalau selepas daripada tarikh yang telah dibenarkan itu, maka mereka akan dikenakan cukai dan penalti yang agak *heavy*.

Jadi hasil daripada *voluntary disclosure* ini pun telah memberikan hasil yang agak baik. Saya tidak ingat *figure*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya boleh beri kemudian kepada Yang Berhormat Senator. Akan tetapi itu juga telah memberikan pulangan dan hasil yang baik kepada kita.

Apabila satu lagi ialah kita memudahkan pihak pembayar cukai untuk mereka membuat *disclosure* mereka dan juga ini kita harap lebih ramai yang akan tampil ke hadapan untuk membayar cukai dan apatah lagi apabila mereka yakin bahawa cukai yang mereka bayar itu digunakan dengan baik, dengan mendapat *value for money* dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** 60 peratus itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ya, ya 60 peratus yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator tadi berdasarkan daripada jawapan saya dapat ini disebut sebagai kutipan. Jadi saya yakin, apabila disebut kutipan ini maknanya ia suatu yang telah sampai kepada kita. *I stand corrected* kalau tidak untuk daripada pegawai daripada belakang. Terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya minta itu direkodkan sama ada ia betul-betul sudah masuk dalam akaun yang disatukan ataupun hanya sekadar anggaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Anggaran itu 100 peratus.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya maksud saya anggaran *collection* setakat ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan bahawa kutipan itu telah dibuat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya saya harap ia direkodkan. Kalau 60 peratus *collected* ataupun ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua yang kita bincang di sini dalam *Hansard*.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, okey. Terima kasih. *You stand to be corrected* Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun direkodkan.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** *I stand to be corrected* sekiranya tidak betul. Terima kasih.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang dan ruang kepada saya sebab saya sudah bangun tiga kali. *Alhamdulillah* dapat juga. Saya

cukup tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri apalagi Yang Berhormat Menteri ini seorang yang cukup saya kenali sejak menjadi pegawai kerajaan lagi.

Tadi kita dapati bahawa dengan SST, kerajaan dapat kutip RM22 bilion dan masa SST kita dapat kutip RM22 bilion manakala zaman GST dahulu kita dapat kutip RM44 bilion. Jadi, saya dapati bahawa lebih hasil daripada GST itulah yang kerajaan dapat salur balik kepada rakyat umpamanya kepada petani, nelayan, pekebun dan juga semualah.

Jadi, yang saya nampak apabila kita bagi balik kepada rakyat, bukan rakyat itu sahaja yang dapat faedah. Apa yang lebih penting adalah pusingan ekonomi itu. Kalau kita tengok peniaga-peniaga sekarang ini nampak cukup murah. Saya tidak mahu bagi contoh tempat saya Yang Berhormat. Yang Berhormat tengok sekali di sekitar Masjid India pun sudah cukup. Saya dapati, saya pergi tengok di situ mereka dari segi perniagaan cukup-cukup sukar untuk mendapat pelanggan sebab rakyat ini saya kira agak dari segi pusingan ekonominya jadi semakin kurang.

Ini menyebabkan mereka sekarang ini kalau kita berniaga sama ada di pasar malam, pendapatan mereka agak kurang. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Soalannya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk memberi maksudnya subsidi tidak kiralah kalau tidak boleh dalam bentuk yang begitu, kiranya kita dapat bagilah juga dalam bentuk yang sedikit. Oleh sebab kalau hendak harap kepada BSH pun, bukan semua orang dapat. Kadang-kadang ada ibu tunggal yang tidak ada tanggungan pun tidak dapat. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang dan ruang yang diberi kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat ini duduk ingat soalan nombor 11 tidak sempat hendak sampai. Jadi dia sambung dengan soalan tambahan dialah. Terima kasih. Sebenarnya kalau kita hendak tengok dan katakan bahawa ekonomi kita muram dan suram seperti mana soalan nombor 11 yang mungkin tidak sempat saya jawab sekejap lagi.

Sebenarnya kalau kita tengok kepada petanda, ini ya mungkin jualan di pasar-pasar seperti mana di Jalan Masjid India itu mungkin satu *indicator*. Saya ingin memberikan beberapa *indicator* yang lain. Contohnya jualan kenderaan Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau orang tidak ada duit, dia tidak beli ataupun dia *confident* bahawa belian yang dibuat ini di masa depannya dia mampu dalam keadaan ekonomi yang baik untuk terus membayar kalau sekiranya dia berhutanglah.

Jualan kenderaan bagi bulan Mei 2019, *year on year* perbandingan Tuan Yang di-Pertua meningkat 41 peratus iaitu dengan sebanyak 60,780 unit kereta berbanding pada tahun lepas

bulan yang sama 42,977. Kalau daripada Januari hingga Mei 2019, kenaikan 13 peratus berbanding dengan Januari-Mei tahun lepas iaitu sebanyak 253,808 unit kereta yang dijual.

Kita tengok pula kepada indeks pengeluaran perindustrian. Satu indeks pengukur output kilang tempatan kita di sektor pembuatan, perlombongan dan penghasilan tenaga elektrik. Kita mendapat kenaikan *year on year* sebanyak empat peratus yang mana pihak Bloomberg menjangkakan mungkin hanya dalam sekitar 2.3 peratus hingga 3.5 peratus. Kita naik empat peratus. Akan tetapi negara seumpama Filipina, *contracted* 2.1 peratus kurang. Singapura *contracted 2.4 percent, Thailand contracted minus four percent, contracted in minus four percent.*

Ini menunjukkan bahawa ekonomi sebenarnya bergerak ke arah yang lebih baik. Cuma mungkin sebahagian segmen mereka yang mempunyai pendapatan *disposable income* yang agak terhad, mereka amat berhati-hati untuk membuat perbelanjaan kepada perkara-perkara yang kemudiannya akan menyebabkan *basic needs* mereka itu akan terjejas.

Akan tetapi mereka yang *disposable income* itu agak lebih baik tanpa ragu-ragu akan berbelanja untuk memastikan bahawa mereka boleh hidup dengan lebih selesa dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, *in syaa Allah* kita akan terus memastikan *in syaa Allah* suasana dan keadaan ini akan terus baik.

Mungkin kalau kita tengok harga harum manis pun tahun ini jauh lebih baik daripada tahun lepas kerana pertamanya tidak berlaku dalam bulan puasa. Saya ingat petani-petani di negeri Perlis pun tersenyum lebar kerana harga harum manis baik dan hasil pun agak baik pada tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

**Puan Sopiah binti Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya tanya soalan, saya mengalu-alukan kedatangan delegasi dari Pertubuhan Kebajikan dan Sosial Kaum India Karak, Pahang ke Dewan Negara... [*Dewan Tepuk*] Diharap lawatan ini memberi manfaat kepada tetamu yang hadir. Sekian, terima kasih.

**8. Puan Sopiah binti Sharif** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi penjualan buku di negara kita. Adakah kementerian masih menyalurkan bantuan dana kepada agensi-agensi di bawah Kementerian seperti DBP dan ITBM bagi meningkatkan pasaran industri buku negara selari dengan hasrat pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia 2020.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia turut berperanan sebagai penerbit buku terbesar bagi melaksanakan matlamat mengembangkan bahasa dan

persuratan Melayu serta memartabatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan bagi pembinaan tamadun bangsa.

Bagi menyahut seruan serta saranan KPM supaya Dewan Bahasa dan Pustaka meningkatkan peranan penyebaran ilmu khususnya dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu di peringkat dunia dan antarabangsa, DBP telah membuat penilaian semula terhadap perancangan program dalam Bidang Keberhasilan Utama (BKU) bagi tahun 2016 hingga 2020 dalam Pelan Perancangan Strategik DBP terutama yang berkaitan dengan peningkatan pasaran industri buku.

#### ■1130

Daripada segi pendanaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan peruntukan kepada DBP sebanyak RM10 juta bagi menggerakkan industri buku negara pada tahun 2007. Dana ini dikenali sebagai Dana Penggerak Industri Buku Negara.

Pada tahun 2008, kerajaan menyuntik dana tambahan sebanyak RM7.5 juta sehingga November 2018. Sebanyak RM8,337,115.82 juta telah diagihkan kepada penerbit yang berkeelayakan dan jumlah judul yang telah diterbitkan menggunakan peruntukan dana tersebut ialah sebanyak 430 judul. DBP masih lagi meneruskan pemberian dana ini kepada penerbit yang berkeelayakan.

PIBN telah membantu meningkatkan pasaran industri buku negara selari dengan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

Selain itu, KPM melalui satu lagi agensi di bawahnya iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) telah mengambil inisiatif yang dapat menyumbang kepada peningkatan jualan buku. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh ITBM ialah:

- (i) menggerakkan promosi pemberian dan sumbangan bahan bacaan tambahan kepada pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sempena '*Kempen Membaca 2018-2020*' dan '*Dekad Membaca Kebangsaan 2021- 2030*';
- (ii) menawarkan tawaran pemberian buku secara berpakej kepada kerajaan negeri, agensi kerajaan dan badan korporat dengan konsep '*Satu Demi Satu*' iaitu setiap pemberian satu naskhah buku akan mendapat satu naskhah buku tambahan percuma daripada Kementerian Pendidikan;
- (iii) menganjurkan aktiviti jualan dan pameran buku, aktiviti kesusasteraan, memberi bimbingan penulisan cerpen dan puisi serta memberi tunjuk ajar bagi penulisan ulasan buku kepada murid-murid di sekolah; dan
- (iv) mengadakan pelbagai aktiviti promosi dan jualan buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang dianjurkan pada setiap tahun.

Berhubungan dengan pendanaan kepada ITBM, KPM akan memohon peruntukan dalam Belanjawan 2020 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk memberi insentif kepada ITBM yang berperanan sebagai salah satu badan pengawal kualiti standard bahasa kebangsaan bagi menjayakan Program Kempen Membaca. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat.

**Puan Sopiah binti Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu lebar bagi jawapan kepada saya. Cuma soalan yang saya hendak tanya, dalam kementerian bersiap sedia untuk menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa pada tahun hadapan dan juga Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia, adakah buku-buku yang tertunggak untuk dicetak, sebagai contoh, buku yang telah berada di peringkat akhir penerbitan tetapi disebabkan masalah kewangan, buku-buku tersebut tidak dapat dicetak?

Adakah kementerian sedia menubuhkan jawatankuasa khas dalam membantu mempromosikan dan mengedarkan lebih banyak lagi buku-buku sebelum tiba acara gemilang ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Puan Sopiah, Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebutkan tadi, kalau memang ada buku-buku yang sudah hampir siap sedia untuk penerbitan tetapi menghadapi isu dari segi dana, mereka memang boleh membuat permohonan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapat Dana Penggerak Industri Buku Negara. Walaupun peruntukan sebanyak RM17.5 juta telah diperuntukkan sejak tahun 2007 sehingga sekarang, duit itu, dana itu belum habis dipergunakan lagi.

Setakat November tahun lalu, kita hanya sudah menggunakan RM8.3 juta. Jadi, masih ada satu dana sebanyak RM9 juta yang boleh dipohon oleh penerbit supaya mereka boleh dapat dana daripada DBP untuk membantu mereka untuk membuat penerbitan. Permohonan ini memang terbuka kepada sesiapa penerbit. Asalkan bahan bacaan ini adalah dalam bahasa Melayu. Saya hendak beri contoh di sini, untuk buku ilmiah, mereka boleh pohon dana sebanyak RM30,000. Untuk biografi, autobiografi ataupun memoir, mereka boleh pohon dana sebanyak RM20,000.

Kita juga harap bahawa melalui dana ini, kita boleh membantu bukan sahaja penerbit tetapi pada masa yang akan datang, kita akan memperluaskan lagi supaya penerbit yang menerbitkan buku itu juga akan daripada dana yang mereka dapat ini boleh memberi sedikit sumbangan kepada penulis sebagai satu galakan kepada mereka.

Jadi, saya rasa hasrat kita setakat 2017, Malaysia menerbitkan, penerbitan kita adalah sebanyak 19,713 judul pada tahun 2017. Hasrat kita ialah untuk tahun depan, kita berhasrat untuk menerbitkan 31,700 judul buku.

Jadi, ini adalah selaras dengan hasrat kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota buku dan pada masa yang sama meningkatkan penerbitan kita. Jadi, di sini saya memang menggalakkan penerbit-penerbit untuk membuat permohonan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mereka boleh dapat Dana Penggerak Industri Buku Negara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawatankuasa Yang Berhormat?

**Puan Teo Nie Ching:** Jawatankuasa setakat ini kita tidak ada kerana ini memang tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi, di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian?

**Puan Teo Nie Ching:** ...Mereka akan membantu penerbit-penerbit. Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Minta laluan.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Boleh satu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kita bagi Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad, belum tanya soalan lagi [*Ketawa*]

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja. Sejauh manakah peranan kerajaan dalam memanfaatkan dan memasyarakatkan tesis sama ada *Masters* atau PhD yang banyak dihasilkan sama ada dalam negeri atau luar negeri? Setahu saya, tesis-tesis ini tidak dimasyarakatkan. Jadi, terbiar begitu saja. Sejauh manakah peranan kementerian dalam memasyarakatkannya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad. Saya rasa, saya menyambut baik cadangan tersebut. Saya rasa ini juga salah satu cara di mana Dana Penggerak Industri Buku Negara ini boleh digunakan. Ini kerana di dalam kategori buku ilmiah, tesis ini memang terjatuh dalam kategori ini.

Jadi, kalau penulis tesis ini boleh mencari penerbit supaya tesis ini boleh diterbitkan dalam bilangan yang lebih besar supaya kita boleh hantar kepada Perpustakaan Negara, hantar kepada perpustakaan di universiti-universiti, saya percaya ini adalah salah satu cara untuk membantu atau memasyarakatkan tesis-tesis kita. Saya rasa tesis-tesis ini tidak dapat diterbitkan dalam jumlah yang besar kerana untuk penerbit mungkin dia tidak ada keuntungan yang besar.



Jadi, dengan bantuan daripada Dana Penggerak Industri Buku Negara ini, sekurang-kurangnya penerbit dapat subsidi daripada kerajaan. Mereka menggunakan subsidi ini, jadi kos yang mereka perlu tanggung adalah kecil, lebih kecil. Ini supaya mereka boleh *consider*, mereka boleh mempertimbangkan untuk menerbitkan tesis-tesis ini. Jadi, saya memanglah menggalakkan. Jadi, ada tesis-tesis yang memang berhasrat untuk buat pendapatan yang lebih besar, jadi bolehlah mencari penerbit. Juga, menyuruh penerbit ini untuklah membuat permohonan untuk dana ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Yaakob kena sabarlah [*Ketawa*] Ini Dato' Haji Mohd Suhaimi belum lagi. Kita bagilah semua Yang Berhormat untuk tanya soalan. Kalau tidak dapat peluang, jumpa Menteri dekat luar [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat Ini Dato' Haji Mohd Suhaimi.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada Yang Berhormat Menteri. Saya melihat kepada statistik *titles* yang dikeluarkan setiap tahun oleh negara-negara di dunia.

Pengeluar terbanyak sekali adalah negara China, di nombor satu. Tahun 2013 sahaja, ia mengeluarkan 440,000 *titles*. Kedua, *United States* sebanyak 304,912 *titles per year*. Ketiga, *United Kingdom*, dan keempat *Japan*. Kemudian *Russia*, dan nombor ke-25 ialah Malaysia. Tahniah kerana kita di bawah 30.

#### ■1140

Jadi soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau begini banyaknya *titles*, apakah insentif yang diberi oleh kerajaan? Ini supaya *translation* buku-buku daripada negara-negara ini dapat dibawa masuk ke negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya hendak bagi satu contoh kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik baru pergi ke China. Semasa lawatan kerja beliau pergi ke China, memang kita wujudkan satu kerjasama di antara IKBN dan juga *counterpart* kita di negara China. Maknanya, kita akan bagi buku yang dalam terbitan Bahasa Melayu kepada negara China supaya mereka boleh *translate*, terjemah buku itu, supaya buku itu boleh juga dijual di pasaran negara China.

Pada masa yang sama, kita juga akan dapat buku daripada negara China untuk datang ke Malaysia. ITBN dipertanggungjawabkan untuk membuat *translation*- terjemahan supaya buku itu juga boleh dijual di dalam negara kita. Jadi, saya percaya dengan kerjasama di antara negara ini adalah satu contoh yang bagus supaya kita bolehlah membawa buku-

buku yang ditulis dalam bahasa asing ke Malaysia supaya rakyat Malaysia mempunyai pilihan yang lebih banyak apabila mereka hendak pilih buku untuk bacaan mereka.

Jadi, saya harap ini adalah satu contoh yang bagus. Kita memang berhasrat untuk tengok bahawa kerjasama sebegini bolehlah kita wujudkan dengan negara-negara yang lain. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terakhir, silakan Yang Berhormat Dr. Yaakob.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih [*Ketawa*] Kalau kita lihat menghadiri pesta-pesta buku di negara ini, ia dikuasai oleh buku-buku import dan kekurangan buku-buku tempatan. Satu, apakah menjadi KPI kepada pensyarah-pensyarah universiti sekurang-kurangnya menulis sebuah buku sepanjang kariernya dan ia dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat?

Keduanya, dalam dana tadi- saya pernah menulis buku, tidak untung tulis buku. Masa yang lama tetapi tidak menjadi satu ganjaran yang baik untuk saya menulis buku. Apakah ada geran disediakan kepada- kalau saya hendak menulis buku- sebab ramai pensyarah yang banyak dan sarat dengan ilmu dan pengalaman tetapi tidak direkodkan pengalaman mereka. Apakah ada dana disediakan untuk *researcher* kepada saya untuk menulis buku ini?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih. Seperti yang saya sebut tadi, KPM memang telah menetapkan satu hasrat ataupun untuk menerbitkan sebanyak 31,700 judul buku pada tahun 2020 berbanding dengan penerbitan kita pada tahun 2017 hanya 19,713 judul. Jadi kita memang ada satu KPI di mana kita hendak meningkatkan penerbitan buku Malaysia.

Mengenai *research*, dana ataupun geran kepada penulis, setakat ini kita tidak ada. Akan tetapi semasa perbincangan saya dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, kita memang berhasrat untuk memperluas kegunaan Dana Penggerak Industri Buku Negara. Oleh kerana setakat ini, dana ini hanya diberi kepada penerbit. Sama ada penerbit kongsi dana tersebut dengan penulis memang terpulang kepada penerbit.

Jadi sekarang kita hendak wajibkan bahawa dalam perjanjian kita akan mewajibkan penerbit- kalau mereka dapat geran daripada DBP, jadi sebahagian daripada geran tersebut akan diberi kepada penulis sebagai salah satu galakan kepada mereka supaya mereka lebih rajin untuk menulis. Mengenai syarat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator, sama ada kita hendak wajibkan pensyarah untuk sekurang-kurangnya menerbitkan sebuah buku sepanjang karier mereka ini, kami perlu kajian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia bukan syarat.

**Puan Teo Nie Ching:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tanya syarat kah?

**Puan Teo Nie Ching:** Dia hendak cadangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, cadangan.

**Puan Teo Nie Ching:** Cadangan untuk kita wajibkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Puan Teo Nie Ching:** ...Pensyarah kita untuk menulis buku. Cadangan ini saya perlu membawa balik untuk perbincangan yang lebih teliti kerana saya rasa impaknya cukup besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching:** Jadi sama ada kita hendak wajibkan atau tidak, saya perlu masa yang lebih panjang untuk *stakeholder engagement*. Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawab lisan selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri.

**11.45 pg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum saya membaca rang undang-undang ini, izinkan saya mengalu-alukan rombongan daripada Jabatan Penerangan Bandar Tun Razak berserta dengan beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Cheras, Sekolah Menengah Sungai Besi, Sekolah Menengah Seri Tasik dan juga Sekolah Menengah Seri Mulia ke Dewan yang mulia pada hari ini... *[Tepuk]* Mereka merupakan pemimpin negara masa depan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nescaya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhimpunan Aman tahun 2012 (APA 2012) *[Akta 736]* ialah suatu akta yang digubal selaras dengan Fasal 1(b) dan Fasal 2(b) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Kepada tetamu kita pada hari ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri cedera tidak boleh berdiri. Kita bagi dia *exemption*, dengan izin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Pertama, selagi wajar untuk berbuat demikian bahawa semua warga negara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata.

Kedua, bahawa penggunaan hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata adalah tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini digubal bagi menggantikan seksyen 27, Akta Polis 1967 [Akta 344] yang berkuat kuasa pada 23 April 2012 bertujuan untuk memudah cara sesuatu penganjuran perhimpunan aman di negara ini.

Selain itu, APA 2012 juga merupakan akta yang bersifat prosedur kerana tiada peruntukkan di dalamnya yang menjejaskan hak seseorang warganegara untuk berhimpun secara aman. APA 2012 hanya memperuntukkan suatu siri langkah prosedur yang perlu diambil untuk memastikan dan memudahkan pelaksanaan hak untuk berhimpun yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Salah satu perkara yang dinyatakan oleh kerajaan dalam manifestonya semasa Pilihanraya Umum Ke-14 yang lepas ialah mengenai pemansuhan dan pindaan beberapa undang-undang yang dianggap zalim. Jawatankuasa Khas Kajian dan Jawatankuasa Khas Teknikal Undang-undang Berkaitan Keselamatan telah pun ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertujuan untuk menjalankan kajian terhadap enam undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian termasuklah Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012).

Kementerian berpandangan bahawa terdapat dua perkara asas yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Khas Kajian dan Jawatankuasa Khas Teknikal yang boleh dipertimbangkan iaitu takrifan “perhimpunan” dan “protes jalanan” yang kurang jelas dan notis pemberitahuan kepada pihak polis untuk berhimpun tidak kurang daripada 10 hari yang dilihat terlalu lama sekiranya sesuatu perhimpunan diadakan dengan segera. Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 yang dicadangkan ini akan melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) memansuhkan peruntukkan mengenai larangan protes jalanan, dengan izin, *street protest* dan perbuatan ini tidak lagi menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012;
- (ii) memendekkan tempoh notis pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan aman oleh penganjur kepada pegawai yang menjaga daerah ataupun OCPD daripada 10 hari kepada lima hari sahaja; dan
- (iii) mengadakan peruntukkan mengenai pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 9, iaitu Notis Pemberitahuan Perhimpunan Aman dan 15 Sekatan dan Syarat Perhimpunan Aman (APA 2012).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhimpunan Aman 2012 perlu dipinda bagi memberi lebih ruang kepada rakyat terhadap hak kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman selaras dengan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

#### ■1150

Selain itu, pindaan ini juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengimbangi keperluan antara hak asasi manusia dan sistem penyampaian kerajaan. Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini bertujuan untuk memansuhkan larangan bagi melakukan protes jalanan atau *street protest*, dengan izin, dan perbuatan ini tidak lagi menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012. Ini bagi membolehkan penganjur untuk menganjurkan sesuatu perhimpunan atau membolehkan orang awam menyertai sesuatu perhimpunan secara aman dan tanpa senjata yang sebelum ini termasuk dalam kategori *street protest*, asalkan perbuatan tersebut tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam hal ini, sekiranya berlaku kesalahan *street protest* yang boleh menimbulkan kekacauan, kekerasan jenayah dan menjadi tidak aman, pihak PDRM akan mengambil tindakan di bawah peruntukan Bab VIII, *Offences Against the Public Tranquility*, Kanun Keseksaan [Akta 574] terutamanya seksyen 143, dan 147, Kanun Keseksaan.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini juga bertujuan memendekkan tempoh bagi penganjur mengemukakan notis pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan kepada pegawai yang menjaga daerah polis daripada 10 hari kepada lima hari. Pindaan yang dicadangkan ini jelas melambangkan hasrat murni kerajaan untuk mengimbangi hak kebebasan bersuara rakyat dengan sistem penyampaian kerajaan.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini turut mengadakan peruntukkan mengenai kesalahan yang boleh di kompaun di bawah APA 2012. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan ini diberikan kepada pegawai yang menjaga daerah polis dengan keizinan pendakwa raya. Kesalahan yang boleh di kompaun ialah kesalahan di bawah seksyen 9 berhubung dengan kegagalan mematuhi kehendak pengumuman notis

pemberitahuan perhimpunan dan kesalahan di bawah seksyen 15 berhubung dengan kegagalan mana-mana orang untuk mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan oleh pegawai yang menjaga daerah polis untuk menganjurkan perhimpunan.

Jumlah kompaun yang diberikan bagi kedua-dua kesalahan ini ialah tidak melebihi RM5,000. Oleh itu, Ahli-ahli Parlimen tidak perlu bimbang kerana kesalahan di bawah APA dianggap satu kesalahan yang ringan dan bukanlah suatu kesalahan jenayah yang menyebabkan seseorang hilang kelayakan untuk bertanding pada pilihan raya yang akan datang.

Selain pindaan-pindaan yang dinyatakan, Kementerian bercadang untuk menambah tempat perhimpunan yang ditetapkan. Ini adalah salah satu komitmen kerajaan dalam memudah cara penganjuran sesuatu perhimpunan, di mana penganjur tidak perlu mengemukakan notis pemberitahuan dalam tempoh 10 hari kepada pegawai yang menjaga daerah polis.

Pada masa ini, hanya satu tempat telah diwartakan sebagai tempat berhimpun di bawah seksyen 25 APA 2012 iaitu Stadium Darul Makmur. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri bercadang mewartakan Padang Merbok dan Jalan Raja, Kuala Lumpur dalam masa terdekat selain mengenal pasti lebih banyak tempat untuk sering menjadi tumpuan sesuatu perhimpunan untuk diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini mengandungi 10 fasal seperti berikut.

Fasal 1 memperuntukkan bagi perkara yang berhubungan dengan tajuk ringkas akta dan tarikh permulaan kuat kuasa.

Fasal 2, 3 dan 7 bertujuan untuk meminda seksyen 3, 4 dan 21 bagi meniadakan kesalahan yang berhubungan dengan protes jalanan dan perbuatan ini tidak lagi menjadi suatu kesalahan di bawah APA 2012. Disebabkan terdapat perubahan dasar kerajaan, kerajaan berpandangan bahawa hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata bolehlah termasuk hak untuk menganjurkan atau menyertai sesuatu protes jalanan selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberi kesan terhadap keselamatan persekutuan atau ketenteraman awam.

Protes jalanan itu juga hendaklah diadakan dengan cara yang mengambil kira perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Jika sesuatu protes jalanan menyebabkan apa-apa kacau ganggu atau melibatkan apa-apa perbuatan ganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah, perlakuan itu bolehlah ditangani di bawah undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 9 untuk memendekkan tempoh pemberitahuan sesuatu perhimpunan daripada 10 hari kepada lima hari sebelum tarikh perhimpunan itu untuk memudahkan lagi perhimpunan aman diadakan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 12, berbangkit daripada pindaan yang dibuat pada seksyen 9 bagi memendekkan tempoh pemakluman kebimbangan ataupun bantahan orang yang mempunyai kepentingan terhadap sesuatu perhimpunan kepada pegawai yang menjaga daerah polis daripada 48 jam kepada 24 jam.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) untuk memendekkan tempoh respons pemberitahuan sesuatu perhimpunan oleh pegawai yang menjaga daerah polis daripada lima hari kepada tiga hari.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 16, berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 9 bagi memendekkan tempoh masa rayuan oleh penganjur yang terkilang dengan pengenaan sekatan dan syarat di bawah seksyen 15. Tempoh masa bagi keputusan rayuan tersebut oleh Yang Berhormat Menteri turut dipendekkan kepada 24 jam dari penerimaan rayuan oleh penganjur.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 21A bagi mengadakan peruntukan mengenai kuasa untuk mengkompau kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 dan 15.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian iaitu:

- (i) kehendak mengenai tempoh yang berhubungan dengan pemberitahuan di bawah seksyen 9, 12 dan 16 sebagaimana yang dipinda oleh akta ibu bagi sesuatu perhimpunan yang belum diadakan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini, hendaklah terpakai pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini; dan
- (ii) apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ibu yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini, diteruskan seolah-olah akta ibu tidak dipinda oleh akta ini. Akta ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri melalui pemberitahuan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak. Saya terharu atas ucapan daripada Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Datuk Mohd Azis bin Jamman. Jadi ibaratnya seorang tentera itu ya, Jeneral sudah kena tembak itu tetapi demi kepentingan negara, lawan. Terima kasih. Berikan tepukan sedikit kepada dia... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dalam senarai saya ini ada 15 orang tokoh-tokoh Senator yang hendak bercakap, 15 orang. Hendak tambah boleh.

Kita bermula dengan didahulukan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan.

**11.59 pg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012). Sepatutnya saya kena yang keenam tetapi diminta untuk yang pertama. Jadi, saya terima.

Terlebih dahulu saya adalah menyambut baik pindaan Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012) bagi memastikan hak rakyat menikmati kebebasan bersuara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita yang terpelihara.

■1200

Saya bersetuju bahawa perubahan positif dalam pindaan rang undang-undang ini adalah dengan memberikan rakyat bebas berhimpun secara aman tanpa senjata selagi tidak menimbulkan kekacauan dan bahaya kepada ketenteraman awam. Ini juga sebahagian daripada Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang ini juga melibatkan perkara yang memendekkan tempoh, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, notis pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan aman oleh penganjur kepada pegawai yang menjaga daerah polis daripada sepuluh hari- kalau kita tengok dalam buku biru, sepuluh hari yang dicadangkan kepada tujuh hari. Akan tetapi apabila dibahaskan di Parlimen, kerajaan bersetuju memendekkan lagi kepada lima hari. Akan tetapi hari ini saya hendak minta supaya kerajaan menurunkan lagi kepada tiga hari untuk memudahkan kepada mereka untuk membuat sesuatu perhimpunan aman.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara demokratik yang mengamalkan demokrasi, selain daripada hak mengundi, hak untuk berhimpun secara aman adalah salah satu cara untuk rakyat menyampaikan mesej kepada kerajaan mengenai sebarang tindakan



kerajaan yang mentadbir. Dalam erti kata lain, perhimpunan aman ini juga boleh dianggap sebagai nadi pentadbiran negara.

Dalam masa yang sama juga, kerajaan perlu berusaha untuk membuang rasa takut rakyat untuk berhimpun secara aman. Ini harus datang daripada polis dan pihak berkuasa tempatan untuk membantu melancarkan perhimpunan dan bertepatan dengan peranan polis sebagai pelindung rakyat. Kesabaran pihak berkuasa seperti polis mesti berada di aras yang tinggi semasa mengendalikan setiap himpunan protes. Kadang-kadang ada yang menjadi punca haru-biru adalah kerana tembakan air gatal di tengah-tengah kesesakan.

Saya mempunyai beberapa pengalaman dan saya dapat lihat kaedah yang diamalkan sebelum ini tidak menepati sasaran dan ramai yang tidak bersetuju dengan cara pengendalian perhimpunan aman sebelum pada ini. Jadi, pandangan saya, ia memerlukan satu kaedah yang sesuai supaya perhimpunan menjadi satu tempat menyampaikan mesej kepada kerajaan. Kalau kita tengok beberapa perhimpunan sebelum pada ini, pihak polis menghantar orang-orang yang mungkin daripada polis tetapi mereka berambut panjang, badan begitu besar dan menakutkan rakyat yang hendak berhimpun.

Jadi, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk memperkasakan anggota RELA yang lebih lembut supaya diberi latihan khusus untuk mengendalikan perhimpunan aman selepas pada ini? Ini saya rasa RELA sudah begitu ramai dan RELA ini tidak sepertimana polis. Polis ini nampak macam dia *gedebe* sikit lah, kata orang sebelah Terengganu. Akan tetapi RELA, dia dilatih secara lembut dan dia boleh menguasai situasi perhimpunan kalau kita hendakkan perhimpunan itu tidak diprovokasi dan diterjemahkan dengan cara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat banyak sebab yang boleh membawa kepada tunjuk perasaan atau demonstrasi antara yang popular. Perhimpunan aman ini juga terbabit dengan seperti kita meraikan kematian, sebagai contoh. Akan tetapi yang saya hendak tekankan dekat sini ialah perhimpunan protes, demonstrasi tapi secara aman.

Yang pertama yang menjadikan kita kepada perhimpunan adalah suara untuk menentang pemerintah yang berkuasa kerana tidak bersetuju dengan sesuatu perkara. Menentang kenaikan harga barang atau kos sara hidup sehingga mencengkam kehidupan masyarakat. Berlaku ketidakadilan dan satu-satu keputusan mahkamah di mana mereka yang merasakan diri mereka dizalimi akan menentang. Bagi menunjukkan protes besar-besaran atas sebarang polisi yang dianggap berat sebelah atau tidak adil supaya pihak pemerintah memberi kecahnaan kepada apa yang dilaungkan oleh pembela hak petani, hak nelayan dan golongan marhaen.

Inilah yang menyebabkan orang ramai mengambil bahagian dalam satu-satu protes ataupun himpunan secara aman untuk menunjukkan bahawasanya ini perlu diambil berat oleh

pihak kerajaan. Mungkin pada hari ini parti pembangkang ataupun pertubuhan bukan kerajaan yang menganjurkan perhimpunan aman bagi menyampaikan mesej. Mungkin pada masa akan datang parti pemerintah atau badan-badan yang berkaitan pula akan menganjurkan perhimpunan secara aman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya, hak ini adalah hak semua. Maka, selagi mana tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada, hak ini harus dihormati. Apa yang penting dalam memastikan roh Perlembagaan Persekutuan ini hidup dan dihormati, ia memerlukan proses pendidikan, kesedaran dan rasa hormat kepada Perlembagaan kita itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tekankan supaya akta ini dapat digunakan sebaik mungkin dengan tidak ada niat balas dendam kepada sesiapa dan sesama kita. Kita mesti pastikan, yang pertama, tidak menggugat ketenteraman dan merosakkan harta awam serta menjaga adab dan akhlak yang baik.

Yang kedua, tidak menimbulkan rasa kebencian, permusuhan terhadap pemerintah serta tidak menimbulkan rasa provokasi dan fitnah melalui ucapan, tingkah laku dan juga tulisan.

Juga, tidak mengambil kesempatan dengan memohon untuk membuat perhimpunan secara aman tapi bertukar menjadi perhimpunan secara ganas ataupun tajuk dia bertukar. Contoh, kalau tak silap saya tahun lepas, ada perhimpunan Hari Wanita. Ditukar Hari Wanita kepada perhimpunan LGBT. Jadi, itu menyusahkan pihak kerajaan dan juga pihak rakyat jelata. Jadi, orang jadi pelik. Inilah yang menyebabkan perhimpunan aman akan menjadi perhimpunan ganas. Salah satu contoh.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perhimpunan juga perlu mengikut undang-undang yang digariskan oleh pihak yang berautoriti seperti pasukan keselamatan sebelum mengadakan ataupun sebelum memulakan demonstrasi, semasa dan selepas mengadakan demonstrasi. Ini juga dapat kita lihat. Saya risau sebenarnya kepada pendemonstrasi daripada parti pembangkang. Kalau PAS, saya rasa dia sudah faham. Dia sudah lama, dia tertib. Akan tetapi saya tengok sahabat saya UMNO ini, dia tak pernah jadi pembangkang, jadi apabila dia berdemonstrasi ini, dia agak emosional. Jadi kalau dapat, yang menjaga demonstrasi itu mestilah orang yang lembut sedikit. Yang Berhormat Abbas, saya rasa Yang Berhormat Abbas setuju dengan saya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sedikit, boleh?

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya. Sebab sebut nama saya, saya kena bangunlah. Macam terpanggil-panggil pula.

Sejarah telah memperlihatkan kita, Tuan Yang di-Pertua, dua demonstrasi. Yang pertama, BERSIH yang dibuat oleh BERSIH. Kita lihat Bersih buat tak bersih sebenarnya. Kereta polis ditunggang langgang dan sebagainya. Semua orang tahu.

Yang keduanya yang dibuat oleh UMNO dan PAS- ICERD. Kita buat dengan cara yang aman. Malah, PAS dengan UMNO, selepas sahaja perhimpunan, kita bersih. Jalan-jalanan kita bersih, sampah tak ada. Jauh berbeza dengan yang dibuat oleh kerajaan hari ini yang dahulunya pembangkang. Jauh berbeza.

Saya hendak minta penjelasan. Lembut ini, apa erti lembut ini, lembut macam mana? Sekarang ini, lembut-lembut ini bahaya, tahu? Jangan main-main. Orang lembut-lembut hendak jaga demonstrasi, mana boleh. Lembut-lembut ini hanya sesuai dalam bilik. Minta komen sahabat saya. Terima kasih.

■1210

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih sahabat saya saudara Yang Berhormat Datuk Abbas. Itulah perbezaan di antara kerajaan dahulu dan kerajaan hari ini. Masa BERSIH-kerajaan dahulu, caranya menguruskan demonstrasi keras, itu yang saya nak katakan. Maksud saya lembut ini bahasa Terengganu dengan Kelantan, “lembut” ini bukanlah kata macam manusia lembut itu, berhalus, menguruskan dengan baik, itu maksud lembut.

Jadi kalau kita lihat perhimpunan yang dibuat oleh PAS dan UMNO dalam ICERD baru-baru ini, itu pemerintahan baharu, cara pengendaliannya baru, cara pengendaliannya lebih baik daripada pengendalian yang terdahulu. Jadi sekarang, perubahan akta ini untuk lebih baik daripada yang sebelum ini. Jadi kita kena setuju dengan akta ini.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Mohon laluan.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, boleh-boleh.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Di awal bicara hujah, Datuk Razali ada sebut pengalaman beliau di sembur dengan air gatal, air kuning. Saya ketika itu pun ada pengalaman tetapi pengalaman melihat, tak adalah kena sembur. Cuma nak tanya dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali, adakah maksud Yang Berhormat tadi tentang beza antara kerajaan dahulu dengan sekarang, menangani perhimpunan ini, adakah Yang Berhormat sebutkan yang di sembur dengan air gatal tadi itu yang dimaksudkan ganas. Kalau ya, itu tahun bila? Siapa pula PM ketika itu? Terima kasih.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua, sekejap. Saya di sini.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, tambah lagi.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Bolehkah kalau saya bagi umpama. Mungkin agaknya yang lembut itu macam Unit Amal kot. Terima kasih [*Ketawa*]

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, tidaklah seperti yang saudara kita sebut ganas. Akan tetapi menguruskan. Kita nak lihat hari ini pihak kerajaan memberi ruang sepenuhnya untuk rakyat menunjuk rasa kalau mereka satu kelompok tidak merasakan ianya tidak mampu lagi dengan cara lain.

Justeru itu, oleh sebab itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menambah nilai RELA tadi sebab RELA ini lain tapi dia sebahagian daripada anggota-anggota kementerian. Jadi apa yang dikatakan oleh sahabat PAS kita itu, itu sebenarnya ada kebenarannya. Itu sebab saya kata perbezaan di antara PAS dengan UMNO ini lain. Jadi saya minta supaya kerajaan baharu memberi ruang dan tidak ada prasangka dan tidak ada hendak membalas dendam kepada pembangkang sekarang.

Jadi justeru itu kita mesti memelihara adab dan tatasusila yang tinggi tanpa memfitnah serta melontarkan kata-kata kesat yang boleh melukakan atau menjatuhkan maruah seseorang. Kita juga wajib dan mesti tidak membawa senjata dan alat-alat seperti senjata yang kita ingin menakutkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengimbangi keperluan hak asasi manusia dengan sistem penyampaian yang terbaik yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan meminda akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Untuk kerjasama, minta kerjasama saya memberi peluang kepada setiap Senator mempunyai 7 ke 10 minit ya. Minta kerjasama ya, kita mengejar masa.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

### 12.15 tgh.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang ini untuk terlibat dalam perbahasan rang undang-undang pindaan terhadap Akta Perhimpunan Aman. Pertama sekali saya menyambut baik pindaan ini kerana sudah tiba masanya kita sebagai rakyat Malaysia dapat diberikan peluang untuk melaksanakan hak kita seperti yang ada dalam Perlembagaan.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya timbulkan di sini berkenaan dengan pindaan ini dan saya harap pihak kementerian dapat melihat perkara ini dengan serius. Pertama sekali saya menyambut baik pindaan ini di mana notis 10 hari itu telah dikurangkan kepada lima hari sebab saya pernah ada pengalaman juga menganjur

beberapa perhimpunan dan juga aktiviti kemasyarakatan. Akan tetapi notis 10 hari ini sebenarnya terlalu lama dan saya rasa pengurangan kepada lima hari ini sebenarnya satu perkara yang baik.

Akan tetapi saya ingin mengatakan di sini bahawa masih banyak kekeliruan berkenaan notis dengan permit. Oleh sebab apabila kita berdepan dengan pihak-pihak penguasa ataupun pihak berkuasa tempatan, banyak kali kita ditanya, adakah kita mempunyai permit. Malah akta ini sebenarnya tidak memerlukan apa-apa permit pun tetapi saya rasa terdapat *misconception*, dengan izin, berkenaan dengan notis ini. Jadi, perlulah saya rasa satu perkara yang ini diterangkan dengan sejelas-jelasnya dengan adanya akta yang baru ini.

Perkara kedua ini adalah berkenaan, dengan izin, daripada pemilik tempat. Pada pengalaman saya, beberapa tempat ini kita tidak tahu siapa sebenarnya pemilik ataupun pemegang amanah ini. Jadi kadang-kadang itu yang menjadikan perkara ini menjadi lebih teknikal, apabila kita berdepan ataupun pergi berjumpa dengan pihak OCPD mereka minta kita keluarkan surat izin daripada pemilik tempat ataupun padang ataupun tempat yang kita mahu buat perhimpunan itu. Jadi ini menjadikan ini satu perkara yang rumit. Saya rasa surat izin daripada pemilik ini sepatutnya tidak dijadikan sebagai satu syarat untuk kita melaksanakan ataupun menganjurkan perhimpunan tersebut.

Perkara ketiga yang saya ingin timbulkan di sini adalah tempat-tempat yang ditetapkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan hanya satu tempat yang telah digazet ataupun ditentukan sebagai tempat yang ditetapkan di mana tempat ini kita tidak perlu mendapat notis, kita terus boleh pergi dan berhimpun secara aman di tempat ini. Ini hanya setakat ini di Stadium Darul Makmur.

Akan tetapi bagi saya tempat-tempat strategik haruslah diberikan juga peluang sebab tujuan perhimpunan kita ini adalah untuk menarik juga perhatian daripada segenap pelosok masyarakat, bukan untuk berhimpun di satu tempat yang tertutup seperti stadium. Jadi saya rasa tempat-tempat seperti Dataran Merdeka, Padang Merdeka Kota Kinabalu, Padang Merdeka Kuching itu sebenarnya satu tempat yang sesuai dan haruslah diberikan keutamaan untuk dijadikan tempat-tempat untuk berhimpun.

Ini adalah satu perkara yang penting sebab bukan sahaja tujuan kita berhimpun itu untuk menyatakan ketidakpuasan hati terhadap apa-apa isu tetapi juga kita mahu menarik minat dan juga perhatian masyarakat umum berkenaan isu yang kita ingin timbulkan. Jadi, inilah saya rasa perkara-perkara ini tempat yang ditetapkan ini haruslah dipercepatkan dan haruslah tempatnya yang strategik, selamat dan juga mempunyai akses untuk *public transport*, perhubungan awam sebab kadang-kadang stadium ini agak terpencil. Jadi saya rasa tidak sesuai juga kalau ini hanya dihadkan ke tempat untuk stadium-stadium yang ada.

Perkara yang terakhir yang saya ingin timbulkan di sini adalah berkenaan dengan bagaimana pihak kementerian dapat memastikan bahawa apabila satu-satu perhimpunan, khususnya untuk *street protest*, perkara ataupun aktiviti itu tidak mengganggu kesesakan ataupun menyebabkan kesesakan lalu lintas.

■1220

Saya menyokong cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Razali tadi di mana kita libatkan RELA sebagai sebahagian daripada petugas-petugas untuk mengawal setiap perhimpunan awam ini. Jadi dengan ini saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang tepati masa terima kasih banyak. Kurang daripada tujuh minit terima kasih banyak.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**12.20 tgh.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 hari ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan di atas usaha menaikkan taraf kebebasan bersuara di negara kita.

Saya melihat pindaan ini adalah baik kerana perhimpunan aman ini adalah salah satu kaedah untuk menyuarakan pandangan sekiranya segala medium interaksi telah ditutup atau tidak dilayan. Begitu juga pindaan yang membolehkan pemberitahuan perhimpunan dipendekkan kepada lima hari. Malah protes jalanan juga tidak menjadi kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman selepas akta ini dipinda.

Namun, yang menjadi kebimbangan saya adalah terdapat kelompok yang cuba membawa agenda-agenda yang bertentangan dengan budaya negara kita. Timbalan Menteri Undang-undang dalam menjawab pertanyaan berkenaan perarakan Hari Wanita telah menggunakan hujah mengikut Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa untuk bebas bersuara, berhimpun dan berpersatuan.

Selain itu jawapan tersebut juga menyebut bahawa perarakan ini tiada sebarang unsur dan insiden yang bercanggah dengan undang-undang. Saya melihat ia bertentangan dengan seksyen 15(2)(f). Pada pendapat saya sepatutnya kerajaan melihat seksyen ini bersekali dengan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Menurut seksyen ini, Akta Perhimpunan Aman 2012 berkaitan dengan sekatan-sekatan dan syarat-syarat dikenakan jika perhimpunan

berkait dengan apa-apa faktor alam sekitar, sensitiviti budaya, atau agama dan kepentingan sejarah yang ada pada tempat perhimpunan.

Sehubungan dengan itu kebebasan berhimpun ini terletak kepada faktor sensitiviti agama, budaya dan sejarah negara kita. Perhimpunan ini secara asasnya tidak salah yang menjadi masalah adalah apabila ianya disalahgunakan. Persoalan saya adalah sejauh mana penguatkuasaan yang dilakukan oleh kerajaan dan agensi yang berkaitan dalam memastikan perhimpunan aman tidak disalahgunakan dengan mengadakan perhimpunan yang bertentangan dengan seksyen 15(2)(f).

Dalam isu perhimpunan aman yang turut mempromosikan LGBT ini, jawapan Menteri seolah-olah memandang enteng undang-undang sedia ada di negara kita. Jawapan ini menunjukkan Akta Perhimpunan Aman sebenarnya masih tidak dikuatkuasakan sepenuhnya dalam konteks himpunan menyentuh faktor sensitiviti, budaya dan agama. Apatah lagi Perlembagaan Persekutuan juga memberi takrifan dalam Perkara 3, apa-apa yang bercanggah dengan Islam sebagai Agama Persekutuan sepatutnya tidak menjadi perjuangan kita.

Jika perarakan Hari Wanita telah dimaklumkan kepada pihak berkenaan berdasarkan seksyen 9(1), Akta Perhimpunan Aman 2012 berkenaan pemberitahuan perhimpunan, adakah pihak berkuasa tidak dimaklumkan mengenai perhimpunan kelompok LGBT yang mengangkat slogan-slogan songsang yang bertentangan dengan agama, budaya dan norma masyarakat di negara ini. Jika tidak dimaklumkan, jelaslah penganjur melanggar peruntukan di bawah seksyen berkenaan.

Syariat telah meletakkan kebebasan bersuara adalah untuk mencapai tujuan umum iaitu membebaskan fikiran manusia daripada segala bentuk belenggu, taklik dan khurafat. Membimbing fikiran manusia ke arah pilihan dan pandangan yang terbaik serta kebebasan berfikir di bidang keilmuan. Saya merujuk salah seorang ulama Islam, Sheikh Mustafa Al-Siba'i yang mengatakan bahawa kebebasan bersuara mengandungi hak-hak seperti:

- (i) kebebasan untuk memilih tampuk pemerintahan;
- (ii) bebas menyatakan pandangan atau pertimbangan kepada pemimpin selaras dengan asas syura;
- (iii) bebas mengkritik kerajaan dalam lingkungan adab-adab Islam serta untuk kemaslahatan umum bagi memastikan kelancaran;
- (iv) bebas untuk mengadu kepada pihak bertanggungjawab sekiranya terdapat ketidakadilan yang berlaku ke atas dirinya;
- (v) bebas untuk tidak mematuhi arahan yang bertentangan dengan peraturan dan perundangan; dan
- (vi) ruang kebebasan untuk khalifah mentadbir urus negara.

Kesimpulannya, saya menyokong pindaan ini dengan syarat akta ini dikuatkuasakan mengikut undang-undang demi mencapai hak-hak yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Malah saya mengharapkan suatu perubahan yang baik kepada negara mengikut Perlembagaan Persekutuan. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Tepat pada masanya dan sekarang nombor empat pula.

Sila Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair dipersilakan.

### 12.26 tgh.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi laluan kepada saya dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman 2012.

Saya terima pindaan yang dicadangkan pada kali ini kerana pada keseluruhannya ada satu pindaan yang sangat munasabah. Saya juga menyambut baik usaha murni kerajaan untuk mengembalikan hak perhimpunan secara aman yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, inti pati penting pindaan rang undang-undang ini cukup jelas. Jika diluluskan kesalahan bersabit dengan perhimpunan aman tidak lagi akan diklasifikasikan sebagai satu kesalahan jenayah. Di mana pelaku kesalahan boleh dipenjarakan atau didenda sehingga terlucutnya hak mereka untuk menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Hak untuk berhimpun dengan aman diiktiraf sebagai hak asasi manusia. Hak politik merupakan kebebasan sivil. Perkara 11, Konvensyen Hak Asasi Manusia di Eropah jelas melindungi hak kebebasan berhimpun tetapi juga tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu yang sesuai dengan undang-undang sebuah negara dan sebuah masyarakat demokratik.

Kerajaan Pakatan Harapan menyedari hakikat bahawa kebebasan berhimpun adalah proses biasa dalam demokrasi di mana orang ramai boleh menyuarakan pandangan mereka kepada pemimpin mereka dan kepada anggota masyarakat yang lain. Ia menggalakkan wacana umum dan kepelbagaian dan ia juga merupakan saluran yang boleh diterima untuk mencapai perubahan dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, kebebasan berhimpun secara aman tidaklah mutlak, perlu ada batasannya sesuai dengan tuntutan demokrasi dan dipantau supaya kepentingan negara tidak terancam. Maka wajarlah bagi kerajaan menetapkan beberapa kawasan tertentu dan



pada waktu tertentu untuk tujuan perhimpunan aman. Harus diterima bahawa kebenaran kadangkala dinafikan dengan alasan bahawa perhimpunan itu akan mengundang risiko keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, bantahan jalanan atau *street protest* adalah sebahagian daripada kebebasan untuk berhimpun di bawah Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan dan merupakan saluran untuk rakyat meluahkan ketidakpuasan mereka.

#### ■1230

Akan tetapi berita baik untuk rakyat adalah kerajaan telah memutuskan untuk meniadakan atau *decriminalize* demonstrasi jalanan dan perhimpunan aman tanpa senjata sebagai suatu perlakuan jenayah di bawah pindaan Akta Perhimpunan Aman 2012. Dengan pindaan baharu itu, tidak ada lagi perbezaan antara protes yang aman dan jalanan. Ini sejajar dengan aspirasi rakyat untuk meluahkan ketidakpuasan mengikut selera mereka.

Dengan pindaan ini juga, kompaun bagi kedua-dua kesalahan jika bersabit, tidak melebihi RM5,000. Jadi, anggota Parlimen tidak perlu bimbang kerana kesalahan di bawah akta ini tidak lagi dianggap serius dan bukan kesalahan jenayah yang boleh menyebabkan mereka kehilangan kelayakan mereka sebagai Ahli Parlimen atau daripada bertanding dalam pilihan raya umum yang akan datang pada tahun 2023.

Harus dipuji di sini kerana kerajaan sentiasa menerima idea-idea dari orang ramai dan tidak bertindak sendirian dalam cadangan pindaan ini. Ia telah mengadakan banyak konsultasi dan banyak badan termasuk Majlis Peguam, peguam untuk kebebasan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM) sebelum bertindak.

Oleh itu, kami mengalu-alukan keputusan kerajaan dalam usaha pindaan Akta Perhimpunan Aman 2012, memandangkan peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang sebelum ini ada kekangan tertentu untuk berhimpun secara aman. Sedangkan hak untuk berhimpun membantah secara aman merupakan hak asas kemanusiaan dan bukanlah suatu jenayah jika dilakukan dengan aman.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB berpendapat bahawa adalah suatu keperluan untuk memberitahu polis atau agensi keselamatan tentang himpunan yang dimaksudkan di tempat umum enam jam sebelum permulaan, selaras dengan had yang dibenarkan, yang ditetapkan dalam fasal 21 Konvensyen Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik.

Negara-negara seperti Perancis hanya memerlukan tempoh pemberitahuan tiga hari, manakala Sweden memerlukan pemberitahuan hanya bergantung pada jenis perhimpunan. Di Moldova dan Poland, perhimpunan kecil tidak memerlukan apa-apa pemberitahuan, sekali pun pemberitahuan itu boleh membatalkan perhimpunan spontan dan yang mendesak.

Larangan mengadakan perhimpunan aman spontan atau terancang jika tidak berasas adalah dijamin dalam perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Namun demikian, dalam konteks negara kita, perlu kita berhati-hati kerana ada golongan yang akan menggunakan isu-isu sensitif seperti kaum dan agama untuk mencetuskan masalah yang boleh menyebabkan pergolakan dalam masyarakat. Pindaan kepada seksyen 9 untuk memendekkan tempoh pemberitahuan perhimpunan dari 10 hari hingga lima hari sebelum tarikh perhimpunan itu adalah munasabah bagi negara seperti Malaysia.

Tentang notis ini, dari 10 hari ke lima hari, saya dengan rendah diri, memohon untuk pihak berkuasa menggunakan budi bicara kepada situasi-situasi yang akan timbul secara spontan. Sekiranya kita mempunyai keperluan untuk mengadakan *spontaneous*, dengan izin, perhimpunan, misal kata bagi tunjukkan *solidarity* untuk membantah penembakan di sebuah masjid di Christchurch.

Semasa warga Muslim tengah bersolat atau letupan bom di sebuah gereja semasa kaum Kristian tengah berkumpul, bolehkah pihak-pihak berkenaan memberi penganjuran cuma satu atau dua hari untuk mengadakan penganjuran perhimpunan? Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan untuk cadangan ini, *spontaneous approval depending on the situation*, dengan izin.

Di peringkat antarabangsa, laporan khas PBB mengenai hak untuk berhimpun secara aman mendapati bahawa sesebuah negara tidak boleh mengenakan syarat kebenaran dengan pihak penganjur kerana keperluan tersebut menjadikan hak itu sebagai satu keistimewaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks negara kita, harus diterima secara prinsip bahawa keperluan pemberitahuan ini seperti yang dicadangkan dalam pindaan adalah untuk membolehkan pihak berkuasa memenuhi kewajipan mereka untuk memudahkan perhimpunan, untuk melindungi keselamatan awam, mencegah sebarang gangguan atau jenayah yang mungkin berlaku dan untuk mengawal kesesakan lalu lintas awam.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Akta Perhimpunan Aman yang sedia ada, kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dilarang menyertai perhimpunan aman dan di bawah umur 21 tahun daripada menganjurkannya.

Ini bertentangan dengan Artikel 15 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), di mana Malaysia adalah penandatangan, di mana kanak-kanak mempunyai hak kebebasan berhimpun, bersuara dan bersekutu. Kanak-kanak tanpa mengira usia harus dibenarkan untuk melafazkan ketidakpuasan mereka secara aman dan mereka tidak boleh dilarang daripada menganjurkan atau mengambil bahagian dalam protes atau demonstrasi secara aman. Ini hanya jika perhimpunan itu berkait dan memberi kesan langsung kepada mereka. Sebagai contoh, mereka berhak bersuara membantah unsur-unsur pencabulan hak asasi

kanak-kanak seperti amalan buruh bawah umur, pencabulan seks, penderaan dan pornografi yang melibatkan kanak-kanak.

Terdapat juga kebimbangan kepada pindaan akta yang sedia ada di mana boleh membawa kepada demonstrasi jalanan ganas, sama seperti yang berlaku di sesetengah negara. Walau bagaimanapun, jika terdapat unsur yang boleh menyebabkan gangguan, kekerasan atau kehilangan keamanan, tindakan masih boleh diambil di bawah Kanun Keseksaan terhadap mereka yang terlibat. Keselamatan negara tidak sama sekali boleh di kompromi.

Iklim sosial akan menentukan ekonomi negara. Perhimpunan jalanan kadang-kadang ada kesannya seperti menjejaskan perniagaan dan menyebabkan kegelisahan di kalangan pelabur. Oleh itu, kerajaan negeri dan majlis-majlis tempatan harus mengenal pasti kawasan-kawasan yang khusus, yang jauh daripada pusat bandar yang sibuk untuk mengadakan perhimpunan aman. Lokasi-lokasi ini kemudian boleh diwartakan sebagai tempat perhimpunan yang ditetapkan.

Demonstrasi jalanan dan perhimpunan protes tidak lagi menjadi jenayah sekiranya pindaan aman Akta Perhimpunan Aman 2012 diluluskan. Pindaan yang dicadangkan ini berikutan perubahan dasar kerajaan yang berpendapat bahawa hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata harus juga termasuk protes jalanan, selagi mereka menimbulkan ancaman atau menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan.

Akta Perhimpunan Aman tidak boleh dimansuhkan sama sekali seperti yang dicadangkan oleh sesetengah pihak kerana kerajaan perlu memastikan ketenteraman dan keamanan. Walaupun berada dalam negara demokrasi, kita tidak mampu mengadakan kebebasan secara mutlak, apatah lagi dalam masyarakat pelbagai bangsa dan berbilang agama seperti Malaysia. Menghapuskan terus akta ini hanya akan membawa kepada kebebasan mutlak dan ia boleh membawa kesan yang buruk kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 disokong untuk menegakkan Perlembagaan Persekutuan dan untuk memastikan ia lebih adil kepada rakyat untuk berhimpun secara aman. Sebelum saya undur, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair. Pandangan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

■1240

12.40 tgh.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

Akta Perhimpunan Aman 2012 [*Akta 736*] bertujuan menyediakan satu akta yang memperuntukkan hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata dan memperuntukkan sekatan-sekatan tertentu demi ketenteraman awam. Perlindungan hak dan kebebasan orang lain selaras dengan perkara 10(1)(b) dan perkara 10(2)(b) Perlembagaan Persekutuan. Akta ini memperuntukkan bidang kuasa dan tanggungjawab penuh kepada pihak polis, bidang kuasa Ketua Polis Daerah telah diperuntukkan di bawah seksyen 15. Pada umumnya saya menyambut baik RUU Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 walaupun ke arah penambahbaikan, walaupun ada perkara-perkara yang masih mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta yang lama terdapat dua pengertian. Yang pertama, perhimpunan jalan aman dan yang satu lagi, protes jalanan. Akan tetapi pada hari ini perkataan protes jalanan ini telah pun dikeluarkan. Saya bimbang bahawa apabila protes jalanan ini tidak diterangkan dengan jelas, walaupun di dalam akta ini disebut suatu protes jalanan selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberi kesan terhadap keselamatan Persekutuan ini di bawah seksyen 10(b). Saya ingin menyarankan apa sahaja sama ada undang-undang ataupun apa-apa pindaan undang-undang yang hendak dilakukan, perlulah dibuat kajian yang terperinci supaya apa yang dilakukan tidak menimbulkan protes di kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh lah. Kita sedia maklum bahawa kertas siasatan berhubung dakwaan provokasi melibatkan kumpulan penyokong Datuk Seri Najib dan pelajar Universiti Malaya di sebuah restoran telah pun diserahkan kepada pihak Peguam Negara pada 26 Mei 2019. Sehingga hari ini, kita tidak tahu apakah kesan kepada mereka yang buat provokasi. Sedangkan mereka yang mempertahankan Yang Berhormat Pekan telah pun dibawa ke mahkamah. Mereka yang membuat provokasi di luar dengan membawa karikatur yang menghina Yang Berhormat Pekan tidak diambil tindakan.

Ketika ini, penganjur perhimpunan perlu memberi notis 10 hari sebelum berhimpun kepada polis untuk memaklumkan tempat perhimpunan. Notis ini juga perlu disertakan dengan salinan kebenaran daripada pemilik tempat perhimpunan diadakan, jika ada.

Dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 9(1) itu, tempoh untuk menyerahkan notis disingkatkan kepada tujuh hari sebelum perhimpunan. Ketika menerima notis, polis dibenarkan untuk menetapkan syarat tertentu bagi tujuan keselamatan selain melindungi hak dan kebebasan individu lain. Akta tersebut ketika ini menyatakan bahawa penganjur yang tidak bersetuju dengan larangan dan syarat di bawah seksyen 15 boleh menyerahkan rayuan kepada kementerian dalam tempoh 48 jam.

Di bawah pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 16(1), tempoh untuk membuat rayuan disingkatkan kepada 24 jam. Polis juga perlu dimaklumkan sebarang bantahan terhadap perhimpunan dalam tempoh 24 jam selepas menerima notis penganjur melalui pindaan seksyen 12(2). Adakah dengan memendekkan masa pemberian notis dan tempoh membuat rayuan ini tidak menjejaskan aspek pengurusan pihak Polis Diraja Malaysia. Akta ini dianggap lompong misalnya dalam seksyen 6, 7 dan 8 Akta Perhimpunan Aman ada menyatakan tanggungjawab pihak yang terlibat.

Namun tidak dinyatakan pada mana-mana bahagian dalam akta tersebut tentang hukuman yang akan dikenakan terhadap pihak yang terlibat dalam Perhimpunan Aman sekiranya tanggungjawab yang dikenakan tidak digalas dengan sempurna. Ketika peruntukan ini akan menyebabkan tindakan selanjutnya sukar dilaksanakan walaupun wujud tanggungjawab statut. Namun sekiranya tiada hukuman yang spesifik, tindakan lanjut tidak boleh diteruskan. Sewajarnya pindaan dibuat dengan memasukkan hukuman spesifik terhadap perkara yang terlibat sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab.

Seperti contoh pada 25 Januari 2015, Mahkamah Tinggi menolak tuntutan saman Kerajaan Malaysia terhadap Pengerusi BERSIH 3.0 Datuk S. Ambiga dan 14 jawatankuasa penganjur berhubung kegagalan mengawal perhimpunan yang menyebabkan 15 kenderaan milik kerajaan rosak. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusof. Silakan.

**12.46 tgh.**

**Tuan Ismail bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Tuan Ismail bin Yusof:** Sekali lagi saya ambil peluang ini untuk turut sama terlibat dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman [Akta 736]. Secara peribadinya, saya bersetuju dan menyambut baik pindaan Akta Perhimpunan Aman ini sebagai satu lagi komitmen yang bersepadu dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam memberikan ruang kepada rakyat terhadap hak kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman selaras dengan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang juga selari dengan janji Manifesto Pakatan Harapan berkenaan pemansuhan dan pindaan undang-undang yang dianggap zalim. Tahniah saya ucapkan di atas keberanian dan iltizam politik yang tinggi untuk melakukan agenda reformasi berlandaskan Perlembagaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, antara impak atas pindaan ini ialah protes jalanan bukan lagi menjadi suatu kesalahan susulan daripada pindaan seksyen 3 dan 4 dengan memotong takrif protes jalanan selagi ia tidak melanggar kesalahan di bawah seksyen 9, dan 15, Akta 2012. Ini bermakna tiada lagi peruntukan atau istilah protes jalanan dan hanya diguna pakai adalah perhimpunan aman. Kita dapat lihat ini merupakan satu pelarasan sebagai panduan di mana perhimpunan yang dianjurkan di tempat awam hanya ada satu takrif sahaja yang diguna pakai iaitu perhimpunan aman. Oleh itu, ia merupakan suatu pindaan untuk membina semula nilai yang perlu difahami oleh rakyat bahawa hak asasi yang diberikan perlu dimanfaatkan seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikuti perbahasan di Dewan Rakyat berkenaan terhadap cadangan menurunkan takrif had umur 21 tahun ke 18 tahun bagi menganjur ataupun penyertaan perhimpunan aman berdasarkan seksyen 4(1)(d), Akta 2012. Secara peribadinya saya bersetuju untuk dicadangkan juga kepada Yang Berhormat Menteri untuk pertimbangkan pada masa yang akan datang kerana ia sejajar dengan hasrat kerajaan menurunkan had umur undi kepada 18 tahun atau Undi18 kerana ia juga merupakan salah satu pendedahan hak dan demokrasi kepada golongan ini.

#### ■1250

Namun begitu, cadangan ini perlulah diiringi bersama asas bahawa perlu ada satu mekanisme yang kuat terhadap pendedahan pendidikan dan nilai tanggungjawab berlandaskan Perlembagaan seperti program pendidikan politik, pendidikan demokrasi dan sebagainya.

Pindaan terhadap Fasal 4, 5, 6, 7 dan 8 secara amnya bagi saya tiada masalah selagi ia mampu memudahkan bukan sahaja kepada penganjur tetapi kepada pihak-pihak berkuasa bagi pengurusan memudahkan cara perhimpunan aman ini dapat dilaksanakan sejajar dengan matlamat dan objektif pindaan ini dibuat.

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan hak kebebasan yang diberi ini agar ia tidak disalahgunakan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Secara keseluruhannya, kita melihat pindaan ini merupakan hasrat kerajaan untuk meraikan hak asasi manusia berlandaskan Perlembagaan yang selama ini hak ini dinafikan oleh undang-undang. Ini pada saya merupakan satu perubahan besar bagi rakyat terbanyak.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, tanpa pendidikan dan pendedahan yang secukupnya, khususnya pemantapan dan penghayatan demokrasi dan Perlembagaan, nilai pindaan ini kemungkinan besar boleh disalahgunakan oleh sesetengah pihak. Sebagai contoh, Kerajaan Pakatan Harapan kita mengamalkan prinsip keterbukaan dengan memberikan platform kebebasan bersuara kepada setiap lapisan masyarakat.

Namun, kita lihat kini ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan platform yang diberi dengan menyebarkan fakta, berita atau data yang boleh dimanipulasikan dengan niat untuk memupuk kebencian terhadap kemakmuran yang ingin kita bina bersama. Saya mengambil pendekatan yang lebih berkaitan dengan perhimpunan aman seperti Perhimpunan LGBT yang diadakan di Kuala Lumpur tempoh hari.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan agenda jahat yang sebenarnya menyalahgunakan kebebasan bersuara yang diberi kerana kebebasan yang diberi seharusnya diraih dan dihayati dengan berlandaskan prinsip-prinsip demokrasi berperlembagaan. Kes ini pula berlarutan apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang untuk mempolitikkan isu ini sebagai agenda untuk menjejaskan pentadbiran kerajaan yang sedia ada.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Ada atau tidak kajian atau penyelidikan yang dibuat oleh pihak kementerian sendiri ataupun mana-mana kementerian tentang tahap kesedaran penghayatan nilai pendidikan demokrasi berperlembagaan ini? Apakah usaha-usaha dari pihak kementerian sendiri dalam menyelesaikan masalah penyalahgunaan platform yang diberikan ini sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan saya menyokong pindaan ini dengan asas bahawa penghayatan nilai demokrasi berperlembagaan itu dapat diteliti dan didalami agar agenda reformasi yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan yang ada sekarang menjadi kenyataan dalam kawalan ataupun paradigma dengan maksud untuk memberi keadilan dan kesejahteraan rakyat yang terbanyak. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, tepat pada masanya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Silakan.

**12.54 tgh.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas kesempatan daripada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2012.

Saya lihat usaha ini ialah usaha untuk mengembalikan hak kebebasan rakyat untuk berhimpun seperti mana Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan yang telah dinafikan selama ini. Sebelum ini rakyat tidak dibenarkan untuk berhimpun, bahkan perhimpunan ini dianggap sebagai satu jenayah dan pihak polis telah dikerah seluas-luasnya untuk menghalang

perhimpunan-perhimpunan ini. Jadi, akta ini telah mengembalikan semula hak rakyat untuk bebas berhimpun secara aman. Istilahnya ialah secara aman tidak bersenjata yang saya rasa ini memberi kebaikan kepada negara, di mana rakyat berhak untuk *express* perasaan mereka dalam satu perhimpunan.

Dengan adanya akta ini, pihak polis tidak perlu dikerah untuk mengawal, mengepung, bahkan menggunakan *water cannon* ataupun sebagainya untuk menghalang rakyat untuk berhimpun. Memadai hanya kawalan yang agak terhad. Memastikan supaya tidak berlaku sebarang pelanggaran pada kesalahan-kesalahan jenayah yang lain. Dengan itu, pihak polis boleh di *explore* untuk tugas-tugas yang lain.

Pengalaman saya menyertai Perhimpunan Bersih 1, 2, 3 dan 4. Saya lihat bilamana pihak polis digunakan untuk mengerah, maka berlaku pertempuran di antara para berhimpun dengan pihak polis. Mereka seronok bila berhimpun dan ditentang oleh polis. Akan tetapi bilamana perhimpunan tidak ada polis mengawal, aman dan mereka boleh berjalan dengan baik dan akhirnya boleh balik ke tempat masing-masing.

Saya hendak berkongsi pengalaman saya di negeri Selangor. Satu ketika dahulu ada seorang pimpinan pembangkang suka berhimpun depan pejabat SUK. Ada ketikanya berhimpun pakai baju mandi, pakai tuala mandi sahaja, dikerah kereta jenazah datang ke SUK. Akan tetapi kita hanya mengawal mereka dengan baik, akhirnya mereka pulang dengan aman. Rupa-rupanya mereka bertindak begini hanya ditolak oleh rakyat. Baru-baru ini parti pembangkang hanya dapat empat kerusi sahaja di negeri Selangor. Akhirnya, rakyat yang akan mengadili, melihat apakah gerak geri perhimpunan ini berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua sekalian, saya melihat ada tuduhan dikata perhimpunan ini ada kesan kepada ekonomi, menjejaskan ekonomi. Mungkin ada sebahagian pengendali *public transport* yang terkesan. Akan tetapi saya lihat dari segi ekonomi meningkat.

Selepas berhimpun, kedai-kedai restoran penuh di Kuala Lumpur dan *sale* meningkat. Ada sebahagian menempah hotel awal untuk berhimpun. Dari segi ekonomi, dia jadi pelancong pula datang Kuala Lumpur ini untuk berhimpun. Jadi, kalau boleh buat *event*, perhimpunan aman jadi *event* pelancongan untuk orang datang Kuala Lumpur untuk berhimpun, untuk berbelanja di Kuala Lumpur. Selepas itu, dia boleh *shopping*, jalan-jalan di Kuala Lumpur. Satu lagi yang saya hendak nyatakan ialah teguran kita kepada penganjur-penganjur ini kena bertanggungjawab:

- (i) menjaga sensitiviti perkauman, sebab saya nampak ada kecenderungan kelompok tertentu yang mengapi-apikan semangat perkauman berlebihan, ini agak membahayakan kepada kedamaian, ketenteraman di negara ini;
- (ii) menyemai semangat keagamaan yang sempit; dan



(iii) memastikan bahawa kemurnian Raja-Raja Melayu dipertahankan.

Ada perhimpunan yang menghina kemurnian Raja-Raja Melayu. Saya juga setuju supaya perhimpunan- saya baru ini tidaklah tengok sangat. Saya nampak di US, perhimpunan bogel. Ini sudah melampau, kalau boleh tidak ada lah perhimpunan aman yang bogel di Kuala Lumpur.

Oleh sebab baru ini LGBT- kena ada akhlak yang perlu dikawal, sesuai dengan tatacara, budaya orang-orang Timur di Malaysia ini. Saya rasa kalau perhimpunan ini dibenarkan dengan baik dan ia bukan tujuan jenayah, rakyat boleh berhimpun secara aman, secara baik. Saya bandingkan di negara lain, Perhimpunan Aman Bersih juga berlaku di luar negara. **Anak saya di UK kata**, seronok berhimpun di sini. Polis kawal dan tiada masalah.

Dan perhimpunan aman di sini juga kalau dapat dikawal dengan baik, saya rasa tidak ada masalah daripada segi jenayah. Dan satu lagi yang saya hendak tegur penganjur. Lepas sahaja perhimpunan aman, sangat kotor. Sampah bertaburan. Kalau boleh pihak penganjur kena bertanggungjawab. Sehabis itu kena dibersihkan dan mereka boleh kena saman kerana tidak- membuat kotoran di kawasan Bandaraya. Selepas berhimpun kena *collect* sampah masing-masing, bersihkan.

Saya difahamkan bahawa selepas berhimpun itu, bertan-tan sampah bertaburan di Bandaraya Kuala Lumpur. Dan ini memberi gambaran buruk bahawa Bandaraya Kuala Lumpur ini sangat kotor...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak sambung atau...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya rasa, saya berhenti di sini dan saya menyokong penuh agar diterima untuk kita lakukan, laksanakan untuk beri balik hak kepada rakyat untuk berhimpun. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Patuh kepada kita punya peraturan ini. Dan jam sudah pukul 1.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat ini dan kita sambung nanti jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**2.32 ptg.**

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya terlibat di dalam perbincangan rang undang-undang untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebenarnya pindaan ini 100 peratus. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab ada rakan-rakan tadi yang mengatakan bahawa tempoh daripada 10 hari turun ke lima hari. Akan tetapi bila saya tengok di sini pindaan seksyen 9, nombor (iv), tempoh 10 hari kepada tujuh hari. Jadi, saya hendak kepastian daripada Yang Berhormat Menteri untuk mendapat penjelasan.

Berkenaan dengan pindaan seksyen 3 memang saya bersetuju sebab saya pernah juga melihat dan terlibat dahulu dalam perhimpunan seperti Bersih, Bersih 1 sehingga Bersih 5. Kita tengok akta terdahulu ia menggunakan perkataan yang agak negatif iaitu “protes jalanan” tetapi yang sekarang ini ia menggunakan perkataan yang agak lembut iaitu “perhimpunan aman”.

Keduanya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri juga berkenaan dengan notis dan permit ini. Saya pernah memohon dahulu untuk mengadakan perhimpunan, ceramah politik kebanyakannya, perhimpunan aman ini lebih kepada ceramah politik. Mereka minta- polis minta kadang notis atau permit seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Lasimbang, mereka minta notis dan permit. Sebenarnya adakah seperti dulu memang kita memerlukan permit daripada polis sebelum kita mengadakan apa-apa perhimpunan? Akan tetapi apa yang saya faham sekarang ini kita hanya perlu memaklumkan pada polis daerah berkenaan dengan perhimpunan tersebut. Jadi, notis atau permit itu perlu penjelasan.

Ketiga, berkenaan dengan kawasan perhimpunan ini. Saya rasa perhimpunan aman ini memang baik dikhususkan tempat seperti di Kuantan, seperti disebutkan tadi di Stadium Darul Makmur, Kuantan. Akan tetapi saya rasa perlu juga pihak kerajaan untuk melihat perhimpunan ini, kita tidak perlu khusus sangat kepada suatu tempat itu. Kadang-kadang tempat ini kalau di kawasan luar bandar tidak ada tempat yang disediakan. Jadi, bagaimana untuk orang ramai hendak berhimpun untuk menyuarakan apa-apa perkara? Oleh sebab ini perhimpunan aman. Jadi, saya rasa mungkin tempat itu perlu diperjelaskan secara terperinci.

Keempat, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan keizinan untuk mendapatkan permit atau notis ini tadi. Kadang-kadang kita hendak dapatkan permit ini perlu mendapatkan surat kebenaran Tuan Yang di-Pertua daripada penduduk di sekitar tersebut, tempat yang akan diadakan perhimpunan tersebut dan juga pemilik premis tersebut ataupun tempat tersebut. Kadang-kadang tempat tersebut memang sesuai tetapi dimiliki ataupun kepunyaan kerajaan. Jadi, bagaimana untuk kita hendak mohon

tempat tersebut? Jadi, ini saya rasa perlu- ini kerana saya pernah mengalami Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan kesukaran untuk mendapatkan permit perhimpunan aman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan dan juga merasa perlu perkara ini diberi perhatian yang serius berkenaan dengan pengisian program sesuatu perhimpunan tersebut. Ini kerana penganjur ini kadang-kadang mereka memohon permit tersebut dengan tujuan yang baik tetapi pengisian itu tidak baik. Kadang-kadang lebih menyentuh berkenaan dengan sensitiviti kaum dan juga sudah lari daripada tujuan asal untuk mengadakan perhimpunan tersebut. Jadi, saya kira saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah mereka memberi garis panduan kepada penganjur tersebut? Sekiranya mereka melanggar garis panduan ataupun tujuan asal permohonan tersebut, apakah tindakan mereka? Adakah pihak polis boleh mengarahkan untuk memberhentikan perhimpunan tersebut?

Saya rasa pindaan perhimpunan aman ini memang ada yang melahirkan rasa macam kita menyekat kebebasan orang ramai untuk berhimpun. Akan tetapi, saya berpandangan ini adalah satu hak asasi seperti dalam Perlembagaan Perkara 10 dan juga dalam Akta SUHAKAM bahawa di mana semua rakyat itu ada hak untuk berhimpun dengan aman, dengan syarat aman dan tidak membawa apa-apa senjata. Saya juga ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah orang yang berhimpun ini boleh dibawa sebab ini perhimpunan aman- membawa kanak-kanak? Ini kerana kadang-kadang ada yang membawa kanak-kanak dan juga budak kecil, anak mereka untuk menyertai perhimpunan tersebut sebab mereka beranggapan bahawa perhimpunan tersebut adalah aman.

Jadi, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua 100 peratus pindaan Akta Perhimpunan Aman ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**2.39 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya mengambil perbahasan ini, saya ingin mengalu-alukan tetamu daripada Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malik, Melaka ke Dewan Negara...  
[Tepuk] Terima kasih.

■1440

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua kerana apa yang saya hendak perkatakan telah pun disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Jadi, inti pati utama pindaan ini adalah

memansuhkan larangan protes jalanan dan memendekkan tempoh notis pemberitahuan penganjuran kepada pihak berkuasa daripada 10 hari kepada lima hari sahaja.

Walaupun polisi kerajaan Pakatan Harapan ini dikatakan selari dengan aspirasi hak-hak asasi manusia, saya amat berharap pihak penguatkuasaan memastikan protes-protes jalanan ini tidak akan menjejaskan aliran trafik dan ketenteraman awam. Kita tidak mahu memansuhkan sesuatu atas nama menghormati hak asasi manusia tetapi kesanya mengganggu aliran trafik, keselesaan dan ketenteraman awam sedangkan ini juga merupakan komponen hak asasi manusia.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah dengan lulusnya Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini, sebarang kelulusan sesuatu perhimpunan aman perlu mengambil kira apa-apa risiko sedia ada dan ancaman bagi kawasan tertentu terutamanya di kawasan ESCOM di Sabah ataupun kawasan-kawasan strategik yang perlu diberikan perlindungan pada tahap maksimum? Sejauh manakah kerajaan mengambil langkah dan persediaan agar permohonan-permohonan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi tidak diberikan kemudahan kelulusan dengan sewenang-wenangnya demi kepentingan awam?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini juga, kerajaan meminda agar kuasa mengkompaun diberikan kepada Ketua Polis Daerah jika sekiranya penganjur melakukan kesalahan di bawah apa-apa peraturan dan kehendak di bawah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Soalan saya, berapa lama kah jangka masa yang diberikan sesuatu tawaran kompaun untuk dimuktamadkan penyelesaian bayaran kompaun agar pindaan bagi tujuan mengkompaun ini benar-benar berkesan? Sekian, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

#### **2.43 ptg.**

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah lebih setahun Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Pakatan Harapan telah mentadbir negara ini dan rakyat dapat melihat perubahan dan cara tadbir urus yang baharu terutamanya dalam usaha memperkasakan sistem demokrasi dalam negara. Kelulusan pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 baru-baru ini merupakan satu pencapaian Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan kuasa demokrasi dan hak kebebasan untuk berhimpun kembali kepada rakyat jelata.

Buat pertama kali dalam sejarah Malaysia, rakyat diberikan kebebasan untuk berhimpun di jalanan memperjuangkan isu-isu tertentu tanpa ditekan oleh undang-undang.

Buat pertama kali, rakyat boleh mengekspresikan idea dan pendirian mereka tanpa takut diserang gas pemedih mata dan dipenjarakan. Buat pertama kali, maruah dan kuasa rakyat diberikan sebagai warganegara untuk berjalan di jalanan dalam perhimpunan aman membantah kerajaan. Semua ini dilaksanakan apabila Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan. Pakatan Harapan memberikan kuasa kepada rakyat. Rakyat tidak lagi patut takut kepada kerajaan tetapi kerajaan kali ini patut takut dengan rakyat.

Ini menunjukkan bahawa, kerajaan baharu ini komited mendengar masalah daripada rakyat. Ini juga menunjukkan bahawa kerajaan baharu ini komited yang memperbaiki sistem demokrasi di negara ini. Berdasarkan Indeks Demokrasi 2018 yang telah diterbitkan oleh majalah *The Economist*, Malaysia telah naik tujuh anak tangga dan menjadikan Malaysia berada di tempat ke-52 pada tahun ini daripada tempat ke-59 tahun lepas. Berdasarkan Indeks Kebebasan Media Dunia, Malaysia telah melonjak 22 anak tangga dan telah berada di tempat ke-123 pada tahun ini.

Kayu pengukur ini adalah bukti kepada dunia dan rakyat bahawa Pakatan Harapan sedang bekerja keras untuk membaik pulih proses demokratik di Malaysia. Di bawah kerajaan baharu, rakyat mempunyai hak dan kebebasan dengan keabsahan undang-undang untuk menganjur dan menyertai perhimpunan aman di jalanan. Ini adalah hak asas untuk demokrasi yang sihat. Kerajaan Pakatan Harapan mengangkat dan melindungi hak asasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bermakna bahawa kelulusan pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 menjadikan demokrasi Malaysia sempurna. Malahan, masih terdapat banyak perkara yang perlu dilakukan. Demokrasi ialah satu proses yang berterusan dalam mana-mana negara sekalipun. Sebagai sebuah kerajaan yang dipilih, tujuan kita perlu memaksimumkan kebebasan dan ruang demokrasi kepada rakyat tanpa berkompromi keselamatan awam.

Walaupun kita telah mengambil langkah penting dengan membenarkan protes secara aman, kita mesti terus bekerja keras untuk membina Malaysia baharu menjadi demokrasi penuh. Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong penuh rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

**2.46 ptg.**

**Puan Sopiah binti Sharif:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Akta digubal bagi menggantikan

seksyen 27 Akta Polis 1967, iaitu Akta 344 yang berkuat kuasa pada 23 April 2012 yang bertujuan untuk memudahkan sesuatu penganjuran perhimpunan aman di negara ini.

Selain itu, Akta Perhimpunan Aman ataupun APA juga merupakan akta yang bersifat prosedur kerana tiada peruntukan di dalam- menjejaskan seseorang warganegara untuk berhimpun secara aman. Saya masih ingat sesuatu yang dinyatakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, manifesto yang bersempena Pilihanraya Umum ke-14 iaitu mengenai hasrat mereka untuk memansuhkan undang-undang ini kerana dengan alasan undang-undang ini bersifat zalim dan mengalang hak asasi manusia termasuk juga undang-undang ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Namun, di sebalik semua ini, kerajaan baharu masih mengguna pakai undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membenarkan undang-undang masih berterusan. Walaupun begitu saya difahamkan satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk mengkaji secara mendalam undang-undang ini. Soalan pertama saya, saya ingin tahu ahli-ahli jawatankuasa ini, siapa Pengerusinya, siapa ahli-ahlinya? Adakah ia akan melibatkan kos pentadbiran kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mahu berbahas panjang. Akan tetapi, saya cuma ingin menyentuh mengenai perkara yang pernah saya bangkitkan semasa perbahasan Titah Diraja semasa Mesyuarat yang lepas. Saya telah mengemukakan perkara ini tetapi malangnya semasa sesi jawapan tidak dijawab.

#### ■1450

Perkara yang saya sentuh ialah mengenai perhimpunan Hari Wanita yang tiba-tiba bertukar menjadi perhimpunan LGBT. Saya juga menegaskan sekali lagi bahawa sepanjang hidup saya, saya tidak menyangka bahawa bumi Malaysia ini akan dinodai dengan berkibarnya bendera LGBT keseluruhannya.

Baru-baru ini juga, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membuat pernyataan bahawa mereka yang terlibat dengan perhimpunan LGBT tidak menyalahi apa-apa kesalahan, malah turut menyatakan bahawa ini merupakan hak asasi mereka untuk perhimpunan.

Satu perkara yang saya ingin Menteri perjelaskan iaitu bahawa dalam pindaan menyatakan sekiranya berlaku kesalahan demonstrasi jalanan ini boleh menimbulkan kekacauan, kekerasan, jenayah, menjadi tidak aman, pihak Polis Diraja Malaysia akan mengambil tindakan di bawah peruntukan Bab VIII di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] terutamanya seksyen 143.

Maka dengan ini, saya ingin bertanya berkaitan dengan perhimpunan Hari Wanita tiba-tiba bertukar menjadi perhimpunan LGBT. Walaupun ia adalah secara aman tetapi menyalahi

segala budaya Islam dan melanggar etika manusia. Soalan saya, adakah sebarang tindakan dikenakan? Adakah perhimpunan ini boleh dianggap sebagai perhimpunan aman?

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat suatu ketika dahulu apabila rang undang-undang ini dibawa masuk ke Parlimen, ramai pihak berkaitan undang-undang ini ada juga yang mempertikaikan bahawa rang undang-undang ini akan menjadi satu beban politik terhadap Barisan Nasional dan kerajaan. Akan tetapi, kini tidak boleh dinafikan bahawa ia memang memerlukan undang-undang seperti ini. Kita tidak boleh nafikan bahawa rang undang-undang ini mula dibawa di bawah Dewan Rakyat kerajaan dahulu. Kemudian pada 29 November 2011, ia diluluskan di Dewan Rakyat dan dibawa ke dalam Dewan Negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ramai kah bilangan kes telah ditangkap di bawah Akta Perhimpunan Aman ini? Berapa jumlah denda yang dikenakan dan berapa yang telah dipenjarakan?

Seterusnya, saya ingin bertanya, adakah pindaan dalam rang undang-undang ini akan memberi lebih kuasa kepada polis untuk menjalankan pengintipan, pengawalan, penangkapan? Adakah undang-undang ini juga memihak kepada mana-mana pihak, maknanya tidak memilih warna politik dan fahaman? Maksudnya sesiapa yang didapati bersalah, akan dibawa ke muka pengadilan.

Sesungguhnya langkah memperkenalkan rang undang-undang ini adalah tidak lain dan tidak bukan untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Itulah perkara yang saya ingin bahaskan. Sesungguhnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi bin Mohd Yusoff.

## **2.52 ptg.**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Saya tidak punya perkara yang banyak.

Cuma, saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa akta ini ialah satu akta perjuangan yang panjang iaitu sebelum ini kita menggunakan Akta Polis terutama seksyen 27 untuk menguruskan perhimpunan aman. Sehingga perkara ini diperjuangkan bertahun-tahun, maka ia telah dipinda dan sehinggalah Akta Ibu ini diperkenalkan.

Kebetulan ketika ia diperkenalkan, saya di Dewan Rakyat dan sempat berbahas. Seperti yang diujahkan oleh rakan saya tadi, betul, ada pandangan-pandangan mengatakan bahawa akta ini pun sebenarnya tidak patut ketika itu dan sekarang, seperti diujahkan, ada relevansinya.

Walaupun begitu- ini saya menyambut pandangan Yang Berhormat Senator tadi. Di lapangan, apa yang berlaku kadang-kadang akta-akta yang sebaik ini pun untuk memastikan keberkesannya ialah bergantung kepada pengamalannya itu, terutamanya di peringkat seawal-awal di peringkat balai ketika mana sesuatu perhimpunan itu dimohon.

Di sini saya ingin menarik perhatian pihak kementerian terutama Menteri- tidak ada di sini ya. Saya sebenarnya dalam menyokong akta ini atau rang undang-undang ini, saya tidak bersetuju, untuk tujuan rekod, bahawa ia perlu diganti daripada 48 jam kepada 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam proses menguruskan suatu perhimpunan, kita memohon di peringkat OCPD, di peringkat balai. Apabila permohonan itu ditolak, dulu di kala-tadilah, kata Barisan Nasional punya naskhah rang undang-undang, dia bagi 48 jam. Tiba-tiba di bawah Pakatan Harapan yang katanya patutnya lagi demokrasi, lagi progresif, dia bagi 24 jam. Jadi, saya susahlah hendak terima kata di bawah Pakatan Harapan ini lagi progresif.

Jadi saya hendak Menteri berkenaan, Timbalan Menteri, pegawai di belakang kaji balik. Tempoh 24 jam ini untuk kembali kepada- katakanlah permohonan ditolak sebab tuan tanah tidak benarkan. Untuk kita hendak jumpa balik tuan tanah hendak minta balik kata hendak *submit* balik dalam masa 24 jam, bagi saya agak tidak berpatutan. Apatah lagi dalam keadaan tertentu, kadang-kadang- katakanlah kita hendak buat perhimpunan di Dataran Merdeka, tiba-tiba DBKL tidak bagi, ditolak, katakan petang. Hendak buat permohonan semula dalam masa 24 jam, bagi saya ialah satu perkara yang tidak munasabah.

Jadi, saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri, akta ini perlu diperbaiki. Yang lain-lain itu saya rasa itu boleh diuruskan tapi yang ini saya rasa perlu. Kita mahu Pakatan Harapan ini lebih progresif, bukan regresif. Jadi saya mohon, benda ini boleh diperbetulkan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya tarik perhatian, walaupun tidak ada di sini, ialah apabila Akta Polis seksyen 27 itu diganti dengan akta ini, satu perkara yang diperkenalkan yang tidak pernah ada dulu ialah dalam Akta Perhimpunan Aman ini diperkenalkan juga ada tempat-tempat tertentu, Yang Berhormat Datuk Megat, kita tidak boleh berkumpul. Dulu tidak. Bawah Akta Perhimpunan Aman bawah Barisan Nasional dulu, dia senaraikan- saya setuju, dia senaraikan lapangan terbang kita tidak boleh berkumpul, dia senaraikan empangan. Saya tahu. Saya tidak hendaklah jadi macam di Thailand tiba-tiba lapangan terbang dikontrol. Empangan. Empangan ini tempat bahaya. Hospital. Saya setuju.

Tiba-tiba ada satu perkara yang saya rasa menyalahi Perlembagaan. Dia juga menyenaraikan tempat beribadat pun tidak boleh berkumpul. Kenapa? Apa masalah di sini? Pertama sekali, tempat ibadat ini ialah benda di bawah pengurusan- Yang Berhormat Datuk Razali, pengurusan kerajaan negeri. Hal ehwal ibadat, agama ialah negeri. Kita tidak mahu pihak polis pula akan mengurus, boleh tentukan pula dekat masjid ini hendak berkumpul



tujuan apa. So, bagi saya, di masjid ini biarlah orang yang dilantik di bawah akta pentadbiran negeri. Majlis agama yang lantik Tok Imam, Tok Siak- semua itu. Jadi, dialah tentukan.

Tadi saya bagi tahu rakan saya, bayangkan kalau hal ehwal rumah adat, tidak akan kita hendak bagi polis pula tentukan. Saya bagi contoh. Kalaulah katakan saya dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak lah katakan, saya dekat situ hendak bincang fasal katakan undang-undang...

**Seorang Ahli:** Wanita.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Bukan wanita. Kita panggil undang-undang yang hari itu fasal rang undang-undang PAS hendak buat itu, hudud itu. Bagi saya, itu adalah satu perbincangan program ilmiah tetapi kalau polis kata itu program politik, dia kata tidak bolehlah.

Kenapa saya cakap begini? Kerana ada satu kes yang mana ada seorang ditahan didakwa kononnya mengadakan perhimpunan di Masjid Ar-Rahman. Di masjid. Dia pergi ke situ, kita tidak tahu hendak sembahyang kah, hendak apa kah, tetapi kita tidak hendak andaikan tidak boleh berhimpun di situ. Jadi apabila dia pergi bersembahyang di situ, polis kata dia pergi hendak berhimpun. Jadi dituduhlah berhimpun di tempat larangan.

#### ■1500

Jadi, bagi saya, perkara ini pun tidak dibuat di negara-negara yang lain, walaupun ketika mana Akta Perhimpunan Aman ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan itu, dikatakan kita hendak mengikut aspirasi yang sangat *advanced*. Dikatakan kita ikut ketika itu OSCE, satu amalan daripada Eropah. Apabila saya kaji semula, dalam OSCE ini pun dia tidak *classified*-kan, senarai pendekkan tempat-tempat tersebut. Tiba-tiba di Malaysia, negara majmuk ini, yang mana kita tahu aturan Perlembagaan yang meletakkan dengan khusus hal ehwal *Federal* apa, hal ehwal negeri apa, hal ehwal agama apa. Tiba-tiba kita, semuanya kita hendak bagi kepada undang-undang *Federal* masuk sehinggakan ke dalam rumah ibadat...

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh sedikit mencelah?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Saudara Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan himpunan di masjid, rumah ibadat. Jadi, setuju tidak kalau saya kata perhimpunan bukan yang berbentuk pengajaran, ini perhimpunan, kalau bentuk pengajaran dia lain, ceramah agama, perhimpunan protes. Setuju tidak kalau saya kata semua rumah ibadat tidak boleh dibenarkan untuk perhimpunan protes. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Secara prinsip saya bersetuju. Akan tetapi saya hendak bidang kuasa itu diberikan kepada pentadbir masjid. Okey, katakanlah saya hendak buat perhimpunan di Masjid Wilayah Persekutuan, jadi saya memohon di Masjid

Wilayah Persekutuan, saya hendak buat program. Jadi, pentadbir Masjid Wilayah Persekutuan itu yang lebih arif lah, hal ehwal agama dan hal ehwal bukan agama ini. *You* hendak buat program apa? Hendak buat program politik, tidak boleh, ini tempat untuk kita hendak belajar agama.

Jadi, biarlah bidang kuasa tersebut di bawah seperti dibahagi di bawah Akta Pentadbiran. Ini kerana, kalaulah katakan dahulu *federelisme* ini bermaksud hal ehwal agama pun Kerajaan Pusat hendak kontrol, saya rasa Sultan-sultan mungkin tidak bersetuju. Oleh sebab dia hendak hal ehwal agama ini, dia yang buat keputusan, terutamanya hal ehwal masjid.

Jadi, yang saya cadangkan, ini bukanlah satu pindaan yang besar, sebab itu dalam senarai negeri yang mana Menteri boleh mendiklifikasikan. Ini bermaksud Menteri boleh buat keputusan, ini tidak sesuai, ini negara majmuk. Di dalam rumah ibadat di sini untuk rakan-rakan yang bukan agama Islam, dia juga terpakai bukan sahaja masjid, dia terpakai juga kepada rumah-rumah ibadat yang lain.

Bagi saya, biarlah hal ehwal agama ini orang yang arif agama yang buat keputusan. Akan tetapi, hal ehwal seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali, hal ehwal keselamatan, hal ehwal jenayah, biarlah diuruskan oleh orang yang diamanahkan. Jadi dalam saya bersetuju pindaan ini, saya ingin menggesa bahawa pindaan ini ditambah baik daripada 48 jam yang kerajaan Datuk Megat bagi dahulu pun, saya tidak puas hati, ini kerajaan saya pula bagi 24 jam, tidak patut Datuk Mahfuz, tidak patut *[Ketawa]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** *[Ketawa]* Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya tertarik dengan Yang Berhormat Yusmadi ini, dalam ramai-ramai orang dalam Kerajaan baharu ini, dia seorang sahaja perangai macam Yang Berhormat Yusmadi ini. Yang mengaku ada benda yang betul Kerajaan Barisan Nasional buat dahulu yang lain semua hendak menyalahkan kerajaan dahulu sahaja.

Saya hendak menambah sedikit apa yang Yang Berhormat sebut, selain daripada ditambah pindaan soal rumah ibadat dan sebagainya, saya juga terkejut apabila tengok – kita setujulah di Dewan Rakyat baru-baru ini, kita ucap tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat. Baik ia kerajaan dan pembangkang semuanya telah bersetuju supaya hak mengundi ini diberi kepada yang berumur 18 tahun. Apabila kita telah sudah bagi hak mengundi kepada mereka, anak-anak kita yang tadi ramai dalam Dewan ini boleh mengundi, mengundi ini adalah satu perkara yang besar, maknanya dia boleh menentukan masa depan negara, dia boleh memilih kerajaan dan sebagainya.

Akan tetapi, dalam soal perhimpunan aman ini, umur 18 tahun tidak boleh menyertai, dia macam *something wrong somewhere*-lah. Umur 18 tahun kita bagi hak untuk dia mengundi, memilih kerajaan dan semua bersetuju. *In syaa Allah* di Dewan Negara pun kita

akan bersetuju tetapi di dalam Akta Perhimpunan Aman ini tidak boleh. Umur 18 tahun duduk rumah diam-diam, maknanya *you have no right* untuk duduk menyatakan suara kepada perkara-perkara yang dia rasa tidak kena dengan dia. Akan tetapi untuk memilih kerajaan boleh. Jadi, apa pandangan?.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey. Datuk Megat ini kadang-kadang bagus Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan yang *fundamental* Yang Berhormat. Kalau kita baca Akta Perhimpunan Aman ini, memang dia kata berbeza dengan dahulu. Kata kuncinya adalah Perhimpunan Aman, jadi dalam definisi dia di bawah seksyen 2 itu, menyatakan apa maksud perhimpunan aman, tidak ada senjata, tidak ada apa.

Jadi secara hukumnya ialah, semua itu boleh, melainkan sebaliknya. Akan tetapi kita tidak hendak, semua itu tidak boleh sekiranya dibuktikan sebaliknya. Maksud saya itu, selagi mana dia adalah perhimpunan aman, bolehlah. Akan tetapi yang saya pertikaikan ialah dalam banyak kes-kes di mahkamah, apabila akta ini diguna pakai, dia tidak pergi ke maksud asal, dia pergi ke maksud kedua. Memang terbukti contohnya, kalau dekat masjid itu, dia hendak sembahyang kah, dia hendak berceramah kah yang pastinya aman, tidak ada senjata, itu perlu dipastikan dahulu. Akan tetapi dia tidak, dia pergi ke teknikal dahulu. Maksudnya apa tadi, ada kanak-kanak atau tidak, ada benda-benda lain tidak?

So, yang saya ingin tarik perhatian kementerian ialah Perlembagaan secara asas bagi kita kebebasan bersuara, kebebasan berkumpul tetapi di sini bukan kita minta kebebasan mutlak, tidak ada urusan mutlak di dunia ini, kebebasan yang diurus. Jadi apa yang saya maksudkan di sini, saya hendak Kementerian Dalam Negeri di bawah Pakatan Harapan ini, punyalah aspirasi yang, dengan izin, *human right based*, maksudnya hak asasi itu diangkat, bukan *technicality* perundangan. Kadang-kadang dia sudah jadi macam *black letter*, ada tidak dalam ini? Kita bukan, kita okey berhimpun, tujuan apa, aman, beri, bukannya teknikal.

Dalam konteks ini Yang Berhormat Datuk Megat, saya bersama Yang Berhormat, maksud saya itu, kita turunkan walaupun kita hendak bahas hari lain, esok tetapi ini penting. Kita pinda umur 18 tahun itu bukan dia untuk hendak jadi tukang sorak, bukan dia hendak jadi tukang tampal poster. Kita hendak dia jadi pemimpin dan pemimpin hanya akan menjadi pemimpin kalau dia terlibat dalam proses. Saya nasib baiklah dahulu, sebab Yang Berhormat punya fasal saya jadi reformis, dapat peluang jadi YB, *by default*. Jadi proses itu mematangkan kita.

Di dalam konteks ini Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya saya soalan ini, saya tidak setuju kenapa? Hendak jadi tukang sorak pun tidak boleh, hendak jadi tukang ikut pun tidak boleh? Oleh sebab dia kata, itu pun tidak layak.

Jadi di sini, untuk Kementerian Dalam Negeri, ini kita telah mencabuli hak asasi asas yang dijanjikan di dalam Perlembagaan. Di dalam konteks ini, saya bukan *naive*, kita hendak

mengimbangi isu *fundamental liberty* dan juga isu keselamatan, saya faham benda itu. Benda itu pun kadang-kadang kita sudah terlebih apabila George Bush, hari itu sebab *terrorisme*, satu dunia jadi susah. Semua dibuat *terrorisme*, kena ambil hak-hak *fundamental liberty*, hak asasi rakyat. Ini pun tidak boleh, kononnya nanti berhimpun nanti ada- kita faham benda itu. Akan tetapi benda itu dalam Kerajaan PH ini, saya hendak gesa, dia hanya *based on*, dengan izin, keterangan, mesti dengan *evidence base*. Jikalau betul, kata ada dalam laporan SB kata perhimpunan ini kan jadi macam ini, mana keterangan tersebut, tidak boleh andaikan.

Saya setuju dengan rakan saya tadi, kalau dia pergi ke masjid itu saya sudah tahu, polis ini biasa cekap. Malam itu dia sudah *recee*.. Kita memohon, esok dia sudah pasang orang sudah. Akan tetapi tunjukkan lah bukti itu. Jangan lah cakap dia orang hendak buat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perhimpunan aman itu lain daripada perhimpunan politik.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Jadi maksud saya, apa yang dimaksudkan dengan Perhimpunan Aman ini, dia orang cuba buktikan aman dan politik. Akan tetapi di situlah masalahnya bermula. Di Malaysia ini hak berpolitik dia bahas, mana boleh kata tidak boleh buat perhimpunan politik. Memang di Malaysia ini hak berpolitik inilah, dengan izin, *political rights is a fundamental rights*, dengan izin. Kita tidak boleh tiba-tiba atas sebab *convenience* kita kata ini perhimpunan politik.

Ini bukan politik, Perlembagaan pun tidak buat macam itu, sebab itu saya kata naskhah undang-undang ini perlu dipertimbangkan semula apabila dia cuba buat satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua. Dia bahagi perhimpunan agama dengan perhimpunan tidak agama, saya kata perlembagaan pun tidak cakap macam itu. Perlembagaan dalam definisi setahu saya tidak mengasingkan perhimpunan agama dan tidak beragama. Dia hanya asingkan apa dia? Perhimpunan yang dibenarkan mengikut fasal 10. Jadi maksud saya ialah dalam kita hendak memperkenalkan naskhah undang-undang ini, di sini saya rasakan agak ke belakang kerana kita memperkenalkan daripada 48 jam kepada 24 jam itu saya tidak setuju.

Jadi saya, untuk tujuan rekod bersetuju secara prinsip menyokong naskhah rang undang-undang ini tetapi saya menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan- baru sampai Yang Berhormat Menteri, kawan saya. Kesian dekat dia, sakit. Terima kasih kerana datang. Yang Berhormat Menteri saya ulang sedikit sahaja saya punya *point*. Naskhah undang-undang ini bagus, saya sokong, cuma minta sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, daripada 48 jam itu, apabila kita tukar 24 jam, bagi saya ada kekangan *administrative*. Contohnya, kita apabila hendak *summit* semula dalam 24 jam ini, hendak *summit* semula ini Yang Berhormat Menteri, susah Yang Berhormat Menteri.

## ■1510

Contohnya, katalah saya hendak buat perhimpunan, hantar dekat OCPD, dia kata ditolak sebab tuan punya tanah tidak benarkan. Saya hendak dapatkan permohonan semula, hendak dapatkan kebenaran kah atau apa itu, mengambil masa. Saya khuatir, 24 jam ini tidak bagus walaupun saya tidak setuju- macam saya kata dengan Yang Berhormat Senator Datuk Megat banyak benda, tetapi untuk pertahankan 48 jam ini saya setuju.

Kalau kita, Kerajaan Pakatan Harapan kurangkan 24 jam ini saya rasa agak ke belakang, agak *regressive*. Jadi, saya mohon perhatian Yang Berhormat Menteri, boleh bincang balik dengan rakan-rakan di KDN. Saya rasa benda ini boleh diperbetulkan sebelum ia dimuktamadkan. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk tidak berbahas. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak mahu bahas tolong umumkan kepada saya terlebih dahulu. Kalau macam ini, nanti saya tidak bagi bahas pula.

Silakan Yang Berhormat Senator.

**3.10 ptg.**

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 dalam Dewan yang mulia ini. Akta Perhimpunan Aman 2012 ataupun Akta 736 merupakan satu legasi peninggalan Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri Malaysia yang keenam yang digubal bagi memperuntukkan hak kepada seluruh Warganegara Malaysia untuk berhimpun secara aman tanpa menggunakan senjata ataupun kekerasan.

Tergubalnya akta ini adalah sebahagian daripada komitmen Perdana Menteri keenam dan kerajaan terdahulu untuk memberikan lebih banyak ruang dan kebebasan kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat dan pandangan masing-masing dalam ruang lingkup sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ke atas Akta Perhimpunan Aman yang dicadangkan oleh pihak kerajaan sekiranya ia bertujuan untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan supaya sentiasa berwaspada tentang kemungkinan-kemungkinan yang bakal

timbul kesan daripada pindaan ini. Langkah memendekkan tempoh pemberitahuan bagi suatu perhimpunan dari tujuh hari kepada lima hari umpamanya. Apakah pihak kerajaan telah mengambil kira kesiapsiagaan pihak polis untuk melaksanakan perkara ini?

Kita mengambil maklum beban dan tugas pihak polis yang sedia berat dan mencabar sudah tentunya akan menjadi lebih terkesan dengan pindaan tersebut di mana mereka perlu membuat persediaan yang diperlukan dalam tempoh lima hari berbanding tujuh hari sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil maklum tentang langkah menghalalkan protes jalanan di bawah pindaan ini. Saya menghormati bahawa ini adalah kehendak pihak kerajaan selari dengan konsep Malaysia baharu yang dilaung-laungkan.

Walau bagaimanapun, suka saya mengingatkan pihak kerajaan bahawa langkah membenarkan protes jalanan ini tidak seharusnya dijadikan lesen besar oleh mana-mana pihak untuk mempromosikan gaya hidup yang songsang dan tidak selari dengan sensitiviti masyarakat majmuk di negara ini. Bagaimanapun, jika sekiranya selepas ini ada pihak-pihak tertentu yang ingin mengadakan protes jalanan, *anti-monarchy* contohnya, apakah kita ingin membiarkan anasir-anasir sebegini menjadi kebebasan berhimpun ini sebagai satu batu loncatan untuk merosakkan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat majmuk negara ini?

Saya berharap, pihak kerajaan akan mempertimbangkan dengan sedalam-dalamnya sebelum membuat pindaan ini. Hak untuk berhimpun secara bebas dan aman tidak seharusnya mengatasi hak rakyat umum untuk hidup secara bermaruah dan bertamadun. Sesungguhnya, keamanan dan kesentosaan yang wujud di negara ini terlalu mahal harganya untuk dimusnahkan semata-mata atas nama hak untuk berhimpun secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan pihak kerajaan untuk meminda akta ini sudah berapa banyak kah sesi libat urus yang diadakan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan atau adakah pihak kerajaan hanya mengambil maklum pandangan daripada pihak-pihak tertentu sahaja khususnya golongan pro Pakatan Harapan seperti BERSIH? Seharusnya BERSIH dan NGO pro Pakatan Harapan bermuhasabah diri dan belajar daripada gabungan pembangkang pasca PRU14 yang telah berjaya mengadakan perhimpunan raksasa membantah ICERD pada 8 Disember 2018 lalu secara aman dan penuh berhemah.

Perhimpunan yang dihadiri puluhan ribu orang manusia ini bukan sahaja berlangsung tanpa sebarang elemen provokasi bahkan tidak ada langsung sebarang unsur-unsur keganasan dan melampau seperti membakar dan memusnahkan harta benda awam. Jika kita- juga tidak kelihatan sewaktu perhimpunan ini tindakan provokasi dan kebudak-budakan seperti memijak atau menghina gambar-gambar pemimpin tertentu seperti yang berlaku semasa perhimpunan BERSIH yang dahulunya. Malahan, selesai perhimpunan sampah sarap juga dikutip bersih oleh para peserta. Seolah-olah mengingatkan kita bahawa mereka inilah sebenarnya yang layak untuk digelar “bersih” dalam erti kata yang sebenarnya.

Tahniah diucapkan kepada para penganjur dan rakyat Malaysia yang telah menghadiri perhimpunan ini atas kematangan dan kebijaksanaan yang telah dipamerkan oleh mereka. Sewajarnya mereka menjadi contoh teladan kepada seperti perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak sekalipun selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa saya tidak menentang apa jua pindaan yang dibawa oleh pihak kerajaan sekiranya ia bertujuan untuk membawa pembaharuan dan penambahbaikan. Sebaliknya, saya hanya ingin memberikan pandangan dan peringatan kepada pihak kerajaan agar tidak mensia-siakan keamanan dan kesentosaan yang menjadi kebanggaan negara kita selama ini semata-mata untuk mencari keuntungan politik.

Sesungguhnya kita harus meraikan perbezaan pendapat sesama kita dan mewujudkan budaya politik dan demokrasi yang matang dan Akta Perhimpunan Aman 2012 yang ditinggalkan oleh Perdana Menteri Keenam merupakan legasi berharga buat generasi mendatang. Tidak ada lagi operasi lalang, mahupun semburan gas pemedih mata yang menjadi saksi sejarah wujudnya demokrasi dipimpin ala Malaysia pada zaman Perdana Menteri keempat dahulu. Semoga demokrasi di Malaysia lebih subur dan mekar dengan pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**3.17 ptg.**

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran tetamu di dalam Dewan ini daripada pelajar Multimedia Universiti (MMU), Cyberjaya... *[Tepuk]*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap pemansuhan kesalahan berkaitan dengan proses jalanan atau bantahan jalanan yang melibatkan aktiviti perarakan dalam Akta Ibu manifestasi Kerajaan Pakatan Harapan sebagaimana yang dijanjikan dalam PRU Ke-14 yang lalu.

Justeru, melalui pindaan rang undang-undang ini, bantahan jalanan bukan lagi satu kesalahan atau larangan di bawah akta ini. Pindaan juga mengambil kira tempoh pemakluman atau pemberitahuan mengenai notis perhimpunan aman dan demonstrasi protes jalanan dipendekkan kepada lima hari. Pada pandangan saya, perkembangan ini amat baik seiring dengan reformasi urus tadbir demokrasi negara dan kehendak sekumpulan rakyat dan

NGO yang sering menuntut hak keistimewaan rakyat untuk menterjemahkan bantahan dan ketidakpuasan hati melalui protes jalanan secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan urusan PDRM dan juga pihak berkuasa tempatan mengendalikan ketenteraman awam dan hak individu lain serta tidak menyertai proses jalanan ini, pada pandangan saya pertama, saya inginkan penjelasan supaya bagaimana dan sejauh mana PDRM dan pihak berkuasa tempatan dapat memastikan tempoh lima hari notis yang diberikan oleh penganjur mencukupi untuk urusan *road division* dan juga pelan tindakan mengatasi kesesakan?

■ 1520

Kedua, bagaimana dapat sekiranya pihak berkuasa membuat suatu ketetapan peraturan agar urusan bantuan dan kerjasama sukarelawan, khidmat RELA, yang mana kos yang dibayar oleh pihak penganjur dapat membantu kelancaran dan ketertiban penganjuran dalam sesuatu demonstrasi jalanan?

Ketiga, bagaimanakah syarat dan peraturan ditetapkan agar segala momokan bersifat negatif, tata kelakuan yang bersifat provokatif, yang melanggar prinsip sivik dan kesopanan, dapat dielakkan dalam perhimpunan ini?

Keempat, adakah kerajaan mempunyai satu bentuk peraturan yang boleh dikuatkuasakan secara pentadbiran atau kod etika pemakaian dikuatkuasakan agar peserta demonstrasi jalanan benar-benar bersih dan tidak menggunakan penutup muka bagi mengelak pihak berkuasa menangkap peserta yang bertindak secara individu, melanggar ketetapan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012?

Bagaimana mungkin atau pihak PBT dapat mendapatkan semua fi ataupun kos bagi menyenggara khidmat pemeriksaan awam setelah demonstrasi jalanan ini dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya, semoga pindaan dan usaha kolektif kerajaan memurnikan pindaan akta ini difahami dan diikuti secara baik oleh semua rakyat dan kumpulan-kumpulan NGO di Malaysia. Kita usahlah terus berpolemik dan mempolitikkan isu-isu sensitif yang akan merencatkan ketenteraman apabila pindaan akta ini membuktikan bahawa semua rakyat Malaysia mengalu-alukan reformasi demokrasi dan meraikan perbezaan pendapat secara bijaksana dan berhemah menurut prinsip Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.



### 3.22 ptg.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan perbahasan saya yang ringkas pada petang ini, ingin saya juga ambil kesempatan hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejak mendengar perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, notis yang diberikan- Notis yang dipinda daripada 10 hari kepada lima hari yang disebutkan oleh ramai Yang Berhormat Senator tadi, sebenarnya kalau saya buat perbandingan rang undang-undang yang lama dengan yang baharu ini, ia adalah tujuh hari dan bukannya lima hari. Betul atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Jadi, pindaan ke atas Akta Perhimpunan Aman dikatakan untuk memudahkan lagi perhimpunan aman diadakan apabila pindaan ini meminda perkataan "*10 hari*" kepada "*tujuh hari*", "*empat puluh lapan jam*" kepada "*dua puluh empat jam*", membatalkan perkataan "*protes jalanan*". Dengan itu, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan penting serta pandangan terhadap pindaan ini.

Persoalan pertama, apakah dengan pemansuhan perkataan "*protes jalanan*", ini bermakna ia seolah-olah kerajaan memberi lampu hijau atau meraikan lebih banyak protes jalanan untuk dilakukan pada masa akan datang?

Kedua, apakah kerajaan bersedia untuk berhadapan dengan mana-mana protes jalanan yang boleh disifatkan dengan sah dan tidak melanggar mana-mana undang-undang?

Kemudian, pindaan telah memperuntukkan kuasa pihak berkuasa atau polis untuk mengkompaun tetapi had maksimum jumlah kompaun itu cukup mampu menyebabkan kelayakan seorang Ahli Parlimen sekiranya menyertai perhimpunan aman atau diletakkan kepada budi bicara pihak penguat kuasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan yang jelas daripada kementerian, adakah pihak seperti *government backbenchers* atau anggota kerajaan serta Jemaah Menteri yang melaksanakan perhimpunan aman serentak atau balas terhadap sesuatu perhimpunan-perhimpunan aman lain juga tertakluk kepada pengehadan dan sama mengikut seksyen 9(4) seksyen 15 sekatan-sekatan dan syarat-syarat atau Akta Perhimpunan Aman secara keseluruhan?

Dalam pada itu, saya juga bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat mengenai umur pemuda. Seperti kita sedia maklum, kerajaan telah mencadangkan pindaan Perlembagaan dengan penurunan had umur pengundi seperti yang telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat baru-baru ini. Namun agak peliknya di sini, apabila kerajaan tidak

pula meminda had umur untuk membolehkan mereka yang berusia 18 tahun untuk menyertai mana-mana perhimpunan. Jika 18 tahun sudah didefinisikan sebagai sudah dewasa atau matang, mengapakah mereka masih tidak dibenarkan untuk menyertai mana-mana perhimpunan kerana had umur 21 tahun masih lagi termaktub di dalam akta ini? Saya minta pihak kerajaan untuk menjelaskan persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, nama yang dikemukakan sebelum kita mula pada sesi petang ini sudah selesai. Akan tetapi tiba-tiba ada tiga pula nama lagi. Lima minit seorang *speaker*, boleh? Kita ada lagi dua rang undang-undang. Tidak apalah kita bagi peluang sahajalah. Semua balik lambat.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abbas.

### 3.28 ptg.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Sesungguhnya, saya berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang begitu panjang seperti selalu-selalunya. Hari ini lima minit, mungkin tidak sampai lima minit sebab dua isu sahaja saya hendak bawa dan satu isu itu sudah dibawa oleh rakan-rakan, banyak telah dibawa. Kita boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar nanti.

Isu pertama yang hendak saya bawa pada perbahasan saya pada petang ini iaitu penglibatan kanak-kanak di dalam perhimpunan. Jika mengikut akta ibu, kanak-kanak hanya boleh menyertai perhimpunan keagamaan, perarakan, pengebumian, perhimpunan berhubung dengan adat dan perhimpunan yang diluluskan oleh Menteri. Namun, terdapat banyak insiden di mana penganjur dan peserta perhimpunan yang tidak mengambil endah tentang undang-undang ini. Mereka tanpa rasa bersalah membawa anak-anak mereka menyertai perhimpunan serta memberi sepanduk ataupun kain rentang yang tertulis perkataan bersifat kebencian yang dipegang oleh anak-anak tersebut.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian melihat akta sedia ada ini dan pindaan yang dilakukan mencukupi daripada membendung penglibatan kanak-kanak daripada terlibat dalam perhimpunan aman ini?

#### ■1530

Kedua, semenjak akta ini diwujudkan, berapakah jumlah penganjur yang telah dikenakan tindakan kerana melanggar peraturan dengan membenarkan anak-anak terlibat dalam perhimpunan mereka. Adakah pihak kementerian melalui Polis Diraja Malaysia

mempunyai satu *database* yang merekodkan senarai nama kanak-kanak dan ibu bapa yang terlibat dalam perhimpunan aman ini.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, banyak perhimpunan-perhimpunan yang telah kita lalui sekian lama. Sejak daripada Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Pakatan Harapan dan kita lihat perhimpunan-perhimpunan tersebut ramai kanak-kanak terlibat. Kalau perhimpunan aman mungkin tidak ada masalah, anak-anak selamat. Akan tetapi, yang kita lalui sebelum ini perhimpunannya banyak yang mencetuskan huru-hara. Jadi, kanak-kanak sudah tentu tidak selamat. Jadi, saya harap pihak kementerian boleh memberi jawapan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana rakan-rakan kita membicarakan tadi bahawa umur iaitu had umur 21 tahun boleh menyertai perhimpunan. Akan tetapi, saya hendak tanya kementerian adakah dengan kelulusan umur 18 tahun boleh mengundi dan apakah ada juga diberi kebenaran oleh pihak kementerian bawah 18 tahun atau 21 tahun umpamanya boleh menyertai mana-mana perhimpunan aman.

Saya harap sebagaimana yang saya beritahu tadi, di awal pagi tadi bahwasanya amat berbeza yakni perhimpunan yang ada hari ini yang kita buat hari ini contohnya, ICERD tidak pernah ada gangguan dan sebagainya. Banyak lagi perhimpunan-perhimpunan selepas itu berbanding dengan perhimpunan yang dibuat dahulu. Tidur tengah jalan- ya Allah, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari pun tahu. Dia pun pernah menyertai. Tunggang langgang. Kereta polis dan...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Dia sebut nama saya itu.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** ...saya ada masa lima minit sahaja Datuk. Tunggang kereta polis, terajang polis dan saya tidak menafikan. Mungkin ada sedikit provokasi daripada anggota dan sebagainya. Jadi, perkara ini harus kita hindar supaya kesejahteraan kehidupan dalam negara kita dapat kita nikmati bersama. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

**3.33 ptg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah syukurillah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan perbahasan saya dengan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri. *Flash mob* di *traffic light*. Perlu ikut APA 12 atau sebaliknya?

Sebenarnya, saya menyokong pindaan dan juga undang-undang APA 2012. Oleh sebab saya tidak mahu lihat berlaku di Malaysia seperti yang berlaku di Hong Kong. Berhari-

hari mereka adakan perhimpunan. Menyerang Dewan *Senate* mereka. Ini kita memang tidak mahu berlaku maka sebab itu, saya sokong sepenuhnya supaya akta ini kekal dan pindaan-pindaan ini dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan saya dalam membahaskan rang undang-undang ini adalah dengan mengajak Dewan mengajar atau bertanyakan macam mana hendak mengadakan *rally* berdasarkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, warga Malaysia memang kenal sangat dengan hal-hal berkenaan demonstrasi, protes, perhimpunan, *rally* dan sebagainya sejak kebelakangan ini. Dari perhimpunan BERSIH ke Perhimpunan Anti-ICERD warga Malaysia telah berhimpun di jalanan ibu kota kita. Di samping itu, kita telah membaca berita di mana pihak berkuasa telah memberi kebenaran untuk berhimpun Anti-ICERD diadakan. Isu ini membawa kita ke soalan yang amat penting iaitu macam mana rakyat hendak menganjurkan *rally* yang berdasarkan undang-undang dan apa faktor-faktor yang akan diambil kira oleh pihak berkuasa sebelum diberi kebenaran.

Cuba kita lihat apa maksud *rally* ataupun perhimpunan. Ini macam perhimpunan yang besar. *Rally* ini bermaksud *public meeting of large group of people especially supporters of a particular opinion*. Kalau diterjemahkan kepada Bahasa Melayu ia bermaksud mesyuarat awam dengan kumpulan yang besar terutamanya penyokong-penyokong kepada suatu pendapat. Mengikut definisi ini, bermaksud bahawa kecuali keluarga yang mempunyai beratus-ratus orang masa berjumpa bila balik kampung bukan dianggap *rally* ataupun perhimpunan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun terdapat sesetengah perhimpunan yang tidak wajib dinotifikasikan kepada pegawai ataupun pegawai yang mengawal daerah polis ataupun PDRM dan ia terdiri daripada satu- ini mungkin menjawab soalan Yang Berhormat Senator Yusmadi tadi. Perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan melalui gazet oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. *Alhamdulillah*, akta atau rang undang-undang yang dipinda akan menggazetkan tempat-tempat tertentu.

Kemudian, perhimpunan keagamaan. Ini tidak perlu notifikasi. Sebab itu, sembahyang Jumaat kalau hendak notifikasi teruk kita Tuan Yang di-Pertua. Setiap minggu kena bagi notis kepada polis. Perhimpunan pengebumian, ini tidak perlu. Kemudian, perhimpunan majlis perkahwinan. Rumah terbuka semasa perayaan. Pertemuan keluarga. Hari Keluarga yang dianjurkan pihak majikan dan mesyuarat tahunan pertubuhan ataupun persatuan. Ini semua tidak memerlukan notifikasi. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengesahkannya.

Ketika ini, tiada mana-mana tempat perhimpunan yang telah diwartakan oleh Menteri. Benar. Baharu hendak diwartakan. Oleh itu, sebagai peraturan setiap perhimpunan memerlukan pemberitahuan kepada pihak PDRM ataupun *notification*.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang wajib dinotakan ialah seksyen 9. Hanya memerlukan pemberitahuan kepada pihak PDRM dan seksyen ini tidak memberi kuasa kepada PDP untuk membenarkan atau tidak membenarkan sebarang perhimpunan. Ini bermaksud semua yang diperlukan untuk suatu perhimpunan diadakan ialah untuk memberi pemberitahuan kepada pihak PDRM dan bukan meminta izin.

Tambahan pula, seksyen 14 menyatakan bahawa pihak PDRM perlu memberi respons mereka kepada sebarang pemberitahuan dalam tempoh lima hari dan kalau mereka gagal memberi respons, maka perhimpunan yang ingin dianjurkan boleh diadakan seperti mana yang dicadangkan. Saya harap ini juga dapat pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Seksyen 14(2) APA, jika pegawai yang mengawal menjaga pegawai pengawal daerah polis tidak memberi respons terhadap pemberitahuan itu mengikut seksyen (1) perhimpunan itu hendaklah diteruskan sebagaimana yang dicadangkan dalam pemberitahuan itu. Bermaksud kalau kita tidak dapat respons daripada pihak polis, kita boleh teruskan perhimpunan itu. Oleh itu, kelihatan pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menghalang sebarang perhimpunan dari diadakan dan dari logik ini, maknanya setiap perhimpunan yang hendak diadakan adalah sah dari sisi undang-undang.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, PDRM boleh mengenakan syarat-syarat dan sekatan. Walaupun pihak PDRM tidak boleh menolak cadangan rakyat untuk berhimpun, mereka mempunyai kuasa untuk memberitahu macam mana perhimpunan itu boleh diadakan. Di bawah seksyen 15(1) pihak polis berkuasa untuk mengemukakan sebarang sekatan atau syarat kepada cadangan perhimpunan rakyat itu untuk memastikan keselamatan atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain yakni yang tidak terlibat dalam perhimpunan itu.

#### ■1540

Sekatan dan syarat ini boleh dikenakan terhadap tarikh, masa, tempat perhimpunan, kelakuan peserta. Dalam hal ini, peserta Tuan Yang di-Pertua, bukan 18 tahun. Mengikut Akta Ibu, 15 tahun. Lebih daripada 15 tahun, tidak ada masalah. Bukan 18 tahun. Sebarang sensitiviti budaya, sejarah dan juga meliputi pembayaran kos pembersih akibat perhimpunan tersebut. Terdapat juga sub seksyen yang luas untuk membolehkan PDP mengenakan sebarang sekatan syarat yang beliau berpendapat perhimpunan tersebut memerlukan. Sebagaimana ilustrasi, banyak syarat-syaratnya.

Contoh sebenar yang berlaku dalam tahun 2017 ialah bila PDRM mengubah lokasi satu perhimpunan oleh kerana lokasi yang dicadangkan tidak mampu menyokong bilangan peserta dan setelah menerima beberapa aduan daripada penduduk-penduduk kawasan tersebut.

Maknanya, PDRM berkuasa untuk memindahkan lokasi. Penganjur juga boleh mengemukakan rayuan kepada sekatan syarat yang dikenakan dalam tempoh 48 jam seperti yang ada sekarang. Selepas menerima sekatan tersebut dan hak ini boleh ditemui dalam seksyen 16. Betul Yang Berhormat Menteri?

Soalan yang seterusnya, apa yang akan berlaku sekiranya penganjur tidak mematuhi Akta Perhimpunan Aman ataupun APA 2012?

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk berhimpun diberi kepada warga Malaysia melalui Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan. Ini tidak boleh dinafikan. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa hanya kerana suatu hak diberi, tidak menjadikannya mutlak. Walaupun hak diberi tapi tidak mutlak.

Oleh sebab itu, Malaysia mempunyai satu lagi akta yang mentadbir macam mana perhimpunan boleh diadakan. Akta ini dikenali sebagai Akta Perhimpunan Aman 2012. Seksyen 3 memberi kita definisi yang lebih mendalam kepada perkataan "perhimpunan". Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh penganjur bagi mengadakan perhimpunan di Malaysia? Iaitu kita menggunakan borang permohonan yang disediakan. Di bawah seksyen 9, APA 2012, pihak penganjur sebarang perhimpunan wajib memberi notifikasi tentang perhimpunan tersebut kepada pegawai yang menjaga daerah polis sepuluh hari sebelum perhimpunan itu diadakan.

Tempoh sepuluh hari merupakan peraturan yang ada di dalam APA sekarang ini. Diharap dengan pindaan- kalau pindaan yang dikemukakan adalah lima hari. Akan tetapi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya ia dipendekkan lagi, bagi notis tiga hari, polis bersedia untuk menghadapi perhimpunan itu.

Saya percaya rakyat Malaysia sekarang ini lebih matang, berdisiplin dan pihak polis saya rasa tidak perlu bimbang dengan perhimpunan-perhimpunan yang akan diadakan di masa-masa akan datang. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019, APA 2012. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah.

### 3.44 ptg.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang saya hormati, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kerana memberi peluang sekali lagi kepada saya untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya memang menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Ia satu rang undang-undang yang cukup baik, berdasarkan kepada hasrat kerajaan dalam proses mereformasikan sistem negara kita pada hari ini. Saya perhatikan segala perbincangan yang telah dijalankan pada petang ini cukup baik. Semua rakan-rakan saya memberikan hujah yang cukup *solid* dan rata-rata saya sokong, ya saya setuju dan kita terima. Tuan Yang di-Pertua, perhimpunan aman. Kalau kita lihat, konsep perhimpunan aman ini bukan satu perkara baru. Rata-rata bukan di Malaysia sahaja, bahkan di luar negara.

Selalunya apabila mereka mengadakan perhimpunan, mereka akan mulakan dengan konsep permohonan, matlamat, bertajuk permohonan untuk mengadakan perhimpunan aman. Akan tetapi selalunya juga perhimpunan aman ini akan bertukar kepada satu perhimpunan yang berbentuk demonstrasi jalanan yang cukup tidak aman. Bakal menimbulkan cukup banyak masalah kepada negara.

Pada saya, di negara kita saya patut memberikan tahniah dan terima kasih pada pihak polis. Rata-rata saya rasa beberapa tahun yang lepas, apabila dimulakan dengan BERSIH, polis telah memainkan peranan yang cukup baik, cukup tegas. Tanpa tanggungjawab kepada polis saya rasa keadaan menjadi lebih teruk. Saya pun berkesempatan berada di tempat berkenaan walaupun saya tidak terlibat. Saya lebih merupakan seorang pemerhati.

Ingin saya tegaskan, pada pandangan saya polis negara ini cukup bijaksana di dalam menyelesaikan masalah demonstrasi jalanan yang telah berlaku selama ini. Cuma apabila berlaku provokasi, maka polis terpaksa mengambil tindakan. Bahkan saya patut- saya masih teringat dalam salah satu BERSIH, mereka yang telah ditangkap, bahkan telah diberi teh tarik. Saya pernah berkata pada isteri saya, "Kalau aku jadi polis, aku pelempang dia!". Oleh sebab mereka tendang polis, terbalik kereta polis, berbagai-bagai, *insult*, hina, kutuk. Akan tetapi mereka diberi peluang untuk teh tarik. Bahkan, diberi peluang untuk mengambil wuduk untuk sembahyang. Bukan kesalahan terletak di tangan polis.

Apa yang saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita sokong akta ini yang saya cukup, cukup, cukup bimbang kalau ada campur tangan pihak-pihak tertentu memberi *instruction*, *dictate*, arah, paksa pihak polis untuk mengambil ataupun tidak mengambil tindakan tertentu. Ini bahaya.

Kalau kita mengatakan tadi dengan seksyen 3, kita menolak akta dipinda supaya proses jalanan dipotong. Okey, kita setuju kerana kita mengatakan kita ada Akta Polis. Kita serahkan tugas ini, tanggungjawab ini kepada polis. Kita setuju. Akan tetapi apabila kita

serahkan kepada polis, dengan syarat kita sendiri mesti profesional. Kita ingin mengamalkan konsep *transparency* lah, telus, profesional, reformasi. Kita kena betul-betul lakukan kerana rakyat sedang memerhatikan.

Saya bagi contoh. Contoh ini masih di hati kami, di kalangan majoriti orang Melayu cukup susah hati, kes pegawai bomba- Adib. Apabila ia berlaku, Perdana Menteri sendiri membuat *statement*, ini merupakan satu kes pembunuhan. PM sendiri tetapi apa jadi pada hari ini? Saya percaya polis telah mengambil tindakan yang cukup baik tetapi saya percaya ada tangan-tangan di belakang itu yang hinggakan hari ini, kes doktor pakar pun telah dipanggil satu persatu dan rakyat sedang memerhatikan. Maksudnya, ada benda-benda yang tidak kena di situ.

Kebelakangan ini pun, saya tidak mahu sebut kes-kes tertentu, sudah jelas. Ketua Polis Negara pun saya rasa cukup pening kepala pada hari ini. Saya yang sebenarnya, saya tidak marah kepada Ketua Polis Negara, saya kasihan dekat dia. Sebagai rakyat biasa, pemerhati politik, saya cukup kasihan kepada Ketua Polis Negara. Kalau benar-benar kita ikhlas ingin melakukan reformasi untuk kepentingan negara dan rakyat, betul-betullah ikhlas. *Be professional*. Macam saya katakan hari itu, kita ada tiga cabang, eksekutif, *judiciary*, legislatif- ikut *separation of powers*.

#### ■1550

Jangan dipermainkan. Kalau *start* kita permainkan, ia bermula dengan kecil-kecilan, ia akan menjadi satu barah yang tidak boleh di-*stop* lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian, saya percaya ia diluluskan dan kita akan jalankan. Saya minta *implementation enforcement* akta ini dibuat dengan betul. Ini kerana kalau tidak dibuat dengan betul, saya cuma hendak bagi contoh apa yang berlaku. Sebuah buku yang ditulis yang bertajuk, "*Translating Thailand's Protest's, an Analysis of Red Shirt Rhetoric*", yang membincangkan satu demonstrasi secara besar-besaran yang berlaku di Thailand oleh kumpulan baju merah pada tahun 2010 di Bangkok yang telah bertukar menjadi ganas. Demonstrasi jalanan yang dikatakan sepatutnya *peaceful* telah bertukar menjadi ganas menyebabkan kematian, kecederaan, kerosakan bandar, kerugian berbilion Ringgit, lumpuhnya kawasan Ratchaprasong di Bangkok.

Dengan lumpuhnya kawasan itu telah berlakunya kerugian lebih kurang RM10 bilion dalam masa tersebut, RM10 bilion. Kita bayangkan dimulakan dengan satu, demonstrasi *peaceful*. Kemudian ia bertukar menjadi ganas. Saya cuma hendak bagi amaran, nasihat *be careful*. Negara kita cukup aman, cukup baik tetapi untuk memastikan perkara ini berlaku, beberapa perkara kriteria mesti dipastikan, dijalankan dengan baik.



Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pengguna- saya hendak kata apa yang berlaku di Bangkok, perbelanjaan pengguna jatuh sebanyak RM2 bilion hingga RM3 bilion dalam masa beberapa bulan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, dua minit rumuskan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey. Saya hendak katakan bahawa perkara ini satu perkara yang serius. Saya- tidak usah mengatakan memang kami rata-rata setuju, sebab Tuan Yang di-Pertua pun rasa saya kena *stop*. Kalau saya hendak *quote*-kan dari segi pelancongan, pelaburan seperti yang berlaku di negara kita semasa Bersih juga terlibat berbilion ringgit. Saya pun ada *figure* yang itu tetapi masa tidak cukup.

Maksudnya kerugian kepada negara, ini kita mesti elakkan. Maka dengan itu, saya katakan tadi walaupun kita dengan ikhlas meluluskan rang undang-undang ini, kita juga dengan ikhlas merayu kepada pihak kerajaan jalankan hasrat kita ini dari segi *implementation enforcement* dengan ikhlas, dengan jujur dan jangan ada perkara-perkara yang menyeleweng daripada dasar keadilan. Jangan ada kezaliman, jangan ada pilih bulu dan jangan kacau tugas pihak polis. Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

### 3.53 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 18 Ahli Senator yang dikasihi kerana telah menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua yang mulia dan bijaksana, Ahli-ahli Senator pula cekap dan berpengetahuan. Pindaan Akta Perhimpunan Aman demi keamanan Malaysia. So, izinkan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf kerana ada Usul.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****3.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR 13/2019 Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019, dan DR 12/2019 Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 seperti yang tertera sebagai No. 1 dan No. 2 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 25 Julai 2019”.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So, izinkan saya menggulung perbincangan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman sebagaimana yang telah kita sebutkan sebentar tadi.

Akan tetapi sebelum itu, izinkan saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan tidak dilupakan juga Tuan Yang di-Pertua, kepada pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri yang telah berada di dalam Dewan ini, di sekitar Dewan ini untuk mendengar perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha mereka untuk menyediakan jawapan-jawapan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini merupakan janji Pakatan Harapan dalam manifesto mereka dalam usaha untuk memansuhkan dan meminda beberapa undang-undang yang dianggap zalim. Rang undang-undang APA 2019 ini merupakan salah satu rang undang-undang yang kita pinda selaras dengan aspirasi untuk meminda apa yang telah dijanjikan di dalam manifesto.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, siri perbincangan dan mesyuarat bersama dengan *stakeholder* dalam usaha kita untuk meminda rang undang-undang ini telah pun kita adakan. Kita ambil pandangan kesemua pihak khususnya Polis Diraja Malaysia dalam usaha kita untuk meminda rang undang-undang ini dan hasilnya sebagaimana apa yang saya telah bentangkan tadi pagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad membangkitkan tentang perhimpunan yang menyentuh sensitiviti agama dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 10(1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiap-tiap warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun demikian, hak ini adalah tertakluk kepada apa-apa sekatan melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen yang didapati perlu atau sesuai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau demi ketenteraman awam.

Jika diteliti kepada perkataan yang ada dalam Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan dimulakan dengan ayat, "Tertakluk kepada Fasal 2, 3 dan 4", yang memberi penekanan bahawa sesuatu perhimpunan aman itu adalah dibenarkan bagi perhimpunan yang dianjurkan dan disertai oleh setiap warganegara tanpa diskriminasi iaitu terbuka kepada semua warganegara.

Akan tetapi sekatan dan syarat boleh dikenakan bagi maksud memelihara kepentingan dan ketenteraman awam. Dalam hal ini, OCPD boleh mengenakan syarat dan sekatan berhubung kelakuan peserta semasa perhimpunan dan sensitiviti budaya dan agama. Ini bagi mengelakkan peserta perhimpunan berkelakuan tidak senonoh dan melakukan perkara-perkara yang di luar norma kebiasaan dan budaya masyarakat Malaysia.

Maknanya di sini walaupun ada kebebasan tetapi kita masih ada lagi undang-undang ataupun peraturan yang boleh dikuatkuasakan bagi memastikan agar penganjur-penganjur ini perlu mengikut peraturan-peraturan dan juga mengambil maklum tentang sensitiviti masyarakat budaya Malaysia yang ada pada hari ini.

Selain itu juga, sekiranya peserta tidak mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan, pihak polis boleh mengeluarkan arahan untuk bersurai di bawah seksyen 21(1)(e) akta ini. Ia merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 15 akta ini sekiranya syarat itu dilanggar. Tindakan-tindakan lain juga boleh diambil di bawah undang-undang lain seperti Enakmen-enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri bagi perhimpunan yang melanggar sensitiviti agama Islam.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris membangkitkan perkara tentang pemendekan notis dan perhimpunan secara spontan.

## ■1600

Tuan Yang di-Pertua, tempoh ini perlu bagi pihak polis menyelenggarakan perhimpunan yang berskala besar dan di tempat terbuka yang menjadi tumpuan awam. Selain itu juga, persediaan akan menjadi lebih rumit sekiranya perhimpunan diadakan serentak iaitu seksyen 17 dan adanya perhimpunan balas iaitu seksyen 18.

Antara tindakan awal yang perlu dilaksanakan oleh pihak polis adalah membuat persediaan bagi mendapatkan bantuan daripada kontinjen luar. Ini kerana ia penting Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang perhimpunan itu polis tidak tahu bilangan yang akan hadir. Jadi, kalau kita tidak menyediakan tempoh masa yang cukup bagi mereka, bayangkan bilamana perhimpunan itu di luar jangkaan ataupun kapasiti pihak polis yang boleh mengawal tempat perhimpunan itu. Ia akan memberikan kesukaran kepada PDRM dalam membuat persiapan.

Kedua, membuat persediaan dari segi logistik. Ini juga perlu Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, membuat *area study* bagi persediaan kawalan kawasan perhimpunan dan kawasan persekitarannya.

Keempat, penentuan lokasi perhimpunan.

Dan kelima, membuat *engagement* bagi mendapatkan maklum balas daripada pemilik *premises*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang yang si penganjur ini dia bercerita hadnya. Akan tetapi, dalam satu sudut, pihak polis juga perlu mengambil maklum dan mengambil kira hak premis-premis ataupun pekedai-pekedai yang berada di persekitaran itu yang mungkin bagi mereka, mereka merasakan mereka juga punya hak untuk membantah.

Jadi, oleh sebab itulah, perkara-perkara ini perlu diambil perhatian dan selain itu membuat *engagement* serta mendapatkan maklum balas daripada penduduk setempat. Sehubungan itu, didapati bahawa tempoh lima hari itu dianggap relevan dan munasabah kepada kedua-dua pihak dalam memastikan perancangan berhubung ketenteraman dan keselamatan awam adalah terjamin.

Kehendak pemberitahuan notis kepada pihak polis merupakan satu standard antarabangsa yang telah dilaksanakan di kebanyakan negara. Sebagai contoh di United Kingdom memerlukan enam hari, Singapura maksimum 28 hari dan Brunei tujuh hari. Akta ini adalah terpakai bagi semua perhimpunan aman oleh warganegara dan semua organisasi yang terdiri daripada warganegara termasuk penganjur perhimpunan oleh kerajaan. Selain...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Turbo* sudah naik panas, tiba-tiba kena *stop*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** *So, kena mula semula [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sabar, sabar *[Ketawa]*

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk mewartakan lebih banyak kawasan sebagai tempat perhimpunan yang ditetapkan yang tidak memerlukan notis tujuh hari. Perhimpunan-perhimpunan spontan boleh diadakan di tempat yang ditetapkan ini di bawah seksyen 25, APA 2012.

Jadi, maknanya di sini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri akan cuba berhubung dengan negeri-negeri yang ada, semua PBT yang ada di negeri-negeri ini agar mereka dapat memberikan kita tempat-tempat yang boleh kita wartakan agar membolehkan mereka-mereka yang ingin membuat perhimpunan aman ini tanpa notis, bolehlah diadakan di tempat-tempat ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, membangkitkan tentang adakah dengan memendekkan tempoh memberi notis pemberitahuan dan keperluan untuk pihak PDRM memberi respons tersebut akan menjejaskan operasi PDRM? Tuan Yang di-Pertua, PDRM merupakan pasukan yang profesional dan terlatih untuk menangani sebarang isu mengenai keselamatan dan ketenteraman awam.

Oleh itu, operasi PDRM tidak akan terjejas walaupun notis pemberitahuan dipendekkan daripada 10 hari kepada lima hari. Sebagaimana saya sebutkan tadi, sebelum rang undang-undang ini pun kita pinda, kita telah berbincang secara panjang lebar dengan pihak PDRM dan mereka telah memberikan kepastian dan juga komitmen bahawa tempoh yang diberikan itu mencukupi. Di samping itu juga, pihak kementerian sentiasa menambah baik keperluan logistik PDRM, mempertingkatkan latihan-latihan yang bersesuaian dan menjaga kebajikan anggota agar pasukan PDRM akan sentiasa dalam keadaan siap-siaga.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang membangkitkan tentang terdapat kekeliruan sama ada perhimpunan memerlukan permit atau tidak? Tuan Yang di-Pertua, APA 2012 digubal untuk memudah cara sesuatu penganjuran perhimpunan aman di negara ini. APA 2012 merupakan suatu akta yang bersifat prosedur kerana tiada peruntukan dalam APA 2012 yang menjejaskan hak seseorang warganegara untuk berhimpun secara aman.

Dalam APA 2012, tiada langsung disebut mengenai keperluan penganjur perhimpunan untuk mendapatkan permit. Akan tetapi, hanya memerlukan dan memperuntukkan mengenai keperluan penganjur untuk memberi notis untuk berhimpun.

Setelah pihak PDRM menerima notis tersebut daripada penganjur, pihak PDRM akan memberikan respons atau maklum balas kepada notis pemberitahuan yang diberikan oleh penganjur.

Sekiranya, pihak PDRM tidak memberikan respons ataupun maklum balas kepada notis perhimpunan yang telah diberikan oleh penganjur, perhimpunan tersebut tetap boleh diteruskan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 14(2), APA 2012. Oleh itu, tidak timbul langsung isu perhimpunan aman memerlukan permit polis bagi membolehkan perhimpunan aman dijalankan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga telah membangkitkan mengenai pemotongan '*street protest*' dan hanya diperuntukkan takrif 'perhimpunan' sahaja, adakah akan menimbulkan kekeliruan? Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan APA 2012 *street protest* bukan lagi menjadi satu kesalahan di bawah APA 2012. Walau bagaimanapun, apa-apa perhimpunan atau *street protest* yang mengganggu-gugat keselamatan dan ketenteraman awam, tindakan masih boleh diambil di bawah undang-undang sedia ada yang lain seperti berikut:

- (i) Bab VIII, *Offences Against the Public Tranquility*, Kanun Keseksaan [Akta 574] terutamanya seksyen 143 dan seksyen 147, Kanun Keseksaan;
- (ii) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) tahun 1971; dan
- (iii) akta-akta di bawah pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Sekali lagi Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang ada membangkitkan ada membangkitkan bagaimanakah kementerian dapat memastikan sesuatu perhimpunan khususnya *street protest* tidak mengganggu lalu lintas dan sebagainya. Kementerian dapat memastikannya melalui notis yang diberikan penganjur mengenai perhimpunan. Itu yang pentingnya perlu ada notis ini kerana kita perlu memaklumkan kepada orang awam tentang perhimpunan yang bakal dianjurkan.

Seterusnya pihak polis akan menyusun semula perjalanan dan laluan bagi membolehkan orang awam yang tidak terlibat dengan perhimpunan itu untuk mengatur dan merancang perjalanan mereka. Dengan notis tersebut, pihak polis membuat persiapan yang sewajarnya bagi maksud mengawal lalu lintas dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas ada membangkitkan tentang meluaskan hak untuk berhimpun kepada kanak-kanak dan bukan warganegara dibenarkan untuk menyertai perhimpunan.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk menyertai perhimpunan tidak meluas kepada seseorang kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun selain perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, APA 2012 iaitu:

- (i) perhimpunan keagamaan;
- (ii) perhimpunan pengebumian;
- (iii) perhimpunan berhubung dengan adat; dan
- (iv) perhimpunan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri mempunyai budi bicara untuk meluluskan sesuatu perhimpunan yang melibatkan kanak-kanak.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri boleh meminda Jadual Kedua dengan memasukkan perhimpunan-perhimpunan lain yang difikirkan sesuai disertai kanak-kanak. Sebagai contoh, sekiranya perhimpunan ICERD dan BERSIH diluluskan Yang Berhormat Menteri di bawah Jadual Kedua maka kanak-kanak juga boleh menyertai perhimpunan itu.

Hasrat akta ini adalah untuk melindungi hak dan kebajikan kanak-kanak selaras dengan prinsip *the best interest of the child* di bawah *Convention on the Rights of the Child* (CRC) daripada insiden-insiden yang berkemungkinan berlaku semasa perhimpunan aman tersebut diadakan. Sebagai contoh, perhimpunan aman bertukar menjadi ganas boleh mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak.

Kedua, perhimpunan yang sesak boleh menyebabkan kanak-kanak hilang dan membawa kecederaan kepada mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, membangkitkan tentang hak untuk mengajurkan perhimpunan diturunkan kepada 21 tahun kepada 18 tahun. Kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan tersebut untuk mengurangkan had umur penganjur daripada 21 tahun kepada 18 tahun berikutan cadangan pindaan had umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun. Pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai pindaan tersebut masih belum diluluskan di Dewan Negara.

Dalam hal ini, kementerian mengambil pendirian untuk mengekalkan had umur 21 tahun bagi maksud penganjuran perhimpunan aman. Sekiranya had umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun, kerajaan juga akan mempertimbangkan untuk membolehkan had umur penganjur perhimpunan dikurangkan kepada 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop ada menyebut tentang adakah telah dilaksanakan sebarang kajian penyelidikan tentang tahap penghayatan demokrasi berperlembagaan? Apakah usaha kerajaan dalam menangani penyalahgunaan platform yang diberikan?

■1610

Tuan Yang di-Pertua, KDN akan menjalankan *engagement* bersama kementerian-kementerian berkaitan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya dalam memberi

penerangan kepada masyarakat tentang hak-hak individu warganegara terutamanya mengenai hak serta batasan-batasan untuk menganjur dan menghadiri sesuatu perhimpunan aman. Selain itu, pengertian demokrasi berperlembagaan dalam konteks negara majmuk seperti Malaysia ini akan terus diberi perhatian dan diuar-uarkan kepada masyarakat bagi mengekalkan keharmonian kaum dan agama di negara kita Malaysia ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas bertanya berhubung dengan tempat perhimpunan yang ditetapkan, *designated place of assembly* seperti negeri perlu ada tempat yang digazet dan tempat yang strategik, perlu selaras antara PBT dan PDRM dan lebih banyak kawasan diwartakan sebagai tapak untuk berhimpun secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya perjelaskan dalam ucapan saya tadi, selain Stadium Darul Makmur di negeri Pahang, Kementerian Dalam Negeri bercadangewartakan Padang Merbok dan Jalan Raja, Kuala Lumpur dalam masa terdekat dan akan mengenal pasti lebih banyak tempat yang sering menjadi tumpuan sesuatu perhimpunan untuk diwartakan. Selain itu, kerajaan juga akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan PBT supaya dapat menetapkan lebih banyak lagi tempat-tempat perhimpunan yang ditetapkan di semua negeri yang ada di dalam Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada membangkitkan tentang adakah kementerian bercadang untuk memperkasa RELA untuk mengawal perhimpunan aman kerana pihak polis menakutkan orang awam untuk berhimpun.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa kepada RELA untuk mengawal perhimpunan aman kerana fungsi RELA adalah untuk membantu pihak berkuasa untuk mengawal keselamatan. Fungsinya ada diperuntukkan di bawah Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012. Selain itu juga, jika berlaku suatu kekecohan, pasukan RELA tidak mempunyai kuasa seperti pasukan PDRM untuk mengambil apa-apa tindakan seperti menyuraikan perhimpunan atau membuat tangkapan.

Seksyen 8 APA 2012 dengan jelas memperuntukkan pemberitahuan yang diberikan oleh penganjur. Sekiranya pihak PDRM tidak memberikan respons atau maklum balas kepada notis- minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, terbaca dua kali *[Ketawa]*

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat membangkitkan mengenai mengapakah di bawah APA 2012 tidak diperuntukkan sebarang penalti bagi tanggungjawab penganjur dan peserta.

APA 2012 digubal untuk memudah cara sesuatu penganjuran perhimpunan aman di negara ini. APA 2012 merupakan suatu akta yang bersifat prosedur untuk memastikan dan memudahkan pelaksanaan hak untuk berhimpun yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan kerana tiada peruntukan dalam APA untuk menjejaskan hak seseorang warganegara untuk berhimpun secara aman.



Oleh itu, di bawah APA 2012, tanggungjawab penganjur dan peserta merupakan satu garis panduan berhubung dengan kelakuan semasa berhimpun tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada. Sebagai contoh, sekiranya seseorang peserta melakukan sesuatu kesalahan di bawah sesuatu undang-undang sedia ada semasa berhimpun, peserta itu akan dikenakan tindakan di bawah undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif bertanya dan membangkitkan tentang berapakah jumlah kertas siasatan yang dibuka, kes yang didakwa dan telah dituduh di mahkamah. Bagi tempoh tahun 2018 sehingga tahun 2019, sebanyak 178 kes siasatan telah dibuka dan daripada jumlah tersebut, 93 kes masih di dalam siasatan dan satu kes telah dituduh di mahkamah.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanyakan tentang adakah kelulusan yang diberikan mengambil kira risiko ancaman di kawasan seperti ESSCOM dan kawasan strategik.

Tuan Yang di-Pertua, APA 2012 dengan jelas memperuntukkan bahawa tempat larangan yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama APA 2012 tidak boleh digunakan sebagai tempat perhimpunan. Menteri berkuasa untuk meminda Jadual Pertama bagi membolehkan kawasan-kawasan yang dianggap strategik dan penting dikecualikan daripada tempat untuk mengadakan perhimpunan termasuk ESSCOM dan kawasan strategik yang lain. Perkara ini sedang diperhalusi oleh kementerian pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff membangkitkan tentang ketidaksetujuan beliau dengan pindaan yang melibatkan tempoh 48 jam kepada 24 jam bagi kehendak untuk memaklumkan orang ramai yang mempunyai kepentingan di bawah seksyen 12 APA 2012 dan seksyen 16 APA 2012.

Untuk makluman, pindaan yang melibatkan penukaran 48 jam kepada 24 jam adalah berbangkit daripada pengurangan tempoh memberi notis daripada sepuluh hari kepada lima hari. Pertimbangan telah diberikan sewajarnya dalam membuat pindaan ini dan pihak PDRM dan Yang Berhormat Menteri sendiri tiada halangan untuk mematuhi tempoh yang dipinda demi memberi dan meningkatkan lagi hak untuk orang berhimpun.

Selain itu, tidak timbul isu untuk membuat permohonan semula kerana di bawah APA 2012, tiada keperluan untuk membuat permohonan bagi kebenaran atau permit kerana pihak penganjur hanya perlu memberi pemberitahuan sahaja. Tanpa pemberitahuan tersebut, perhimpunan masih boleh diteruskan tetapi penganjur boleh didakwa atau dikompau kerana tidak memberi pemberitahuan atau memberi pemberitahuan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam APA 2012.

Maknanya di sini, Yang Berhormat, walaupun contoh ada perhimpunan yang dirancang secara spontan dan pihak PDRM tidak dimaklumkan atau tidak diberikan notis, ia masih boleh

diteruskan. Walau bagaimanapun, bersedialah untuk Yang Berhormat dikompaun. Jangan bimbang, walaupun dikompaun lebih daripada RM2,000, tidak akan hilang kelayakan kerana ia hanya bersifat kompaun, bukan dianggap sebagai satu kesalahan jenayah.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey, sedikit sahaja. Ambil peluang. *Turbo* tengah laju ini [*Ketawa*]

Pemahaman saya, hak asasi manusia ini- mungkin rakan-rakan pegawai lebih faham-falsafahnya adalah kita hendak elakkan *tyranny of a state*. Oleh sebab itu kita tidak bincang tentang hak asasi polis, kita tidak bincang hak asasi kerajaan. Dulu di Dewan sana ada orang tanya kalau rakyat ada hak asasi, kerajaan ada tidak? Itu salah. Falsafah hak asasi manusia ialah jaga rakyat daripada *tyranny of a state*.

Dulu di bawah APA Barisan Nasional, dia bagi 48 jam. Itu pun saya kata sebenarnya tidak baguslah. Tiba-tiba bawah Pakatan Harapan, kita bagi 24 jam. Jadi, saya rasa agak ke belakang. Cuma, walaupun kata dapatannya daripada pegawai, saya kata di lapangan tidak macam itu. Saya lebih beranggapan Kerajaan Pakatan Harapan ini dia lebih progresif, dia lebih menggalakkan dan memudahkan. Itu pandangan sayalah. Kalau itu boleh dipertimbangkan untuk kaji semula sebab saya rasa perkara itu agak ke belakang. Itu sahaja.

Akan tetapi kalau dah Yang Berhormat Menteri yakin, saya hendak buat macam mana. Akan tetapi saya cuba *persuade* Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada Yang Berhormat Menteri dan jabatan bahawa perkara-perkara itu tidak macam itu di lapangan. Itu pandangan saya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan celahan yang diberikan tadi. Kita akan teliti cadangan tersebut. Cuma, sebagaimana saya sebut dalam jawapan saya, bila mana kita mengurangkan tempoh dari sepuluh hari kepada lima hari, di antara elemen-elemen yang terpaksa kita korbankan dari segi masa itu adalah tempoh tadi daripada 48 jam kepada 24 jam. Walaupun begitu, Yang Berhormat Menteri, sebagaimana dinyatakan, beliau tidak mempunyai masalah. *In syaa Allah*, semoga apa yang kita gubal pada hari ini ianya akan mudah cara kepada mereka yang ingin mengadakan perhimpunan aman.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff membangkitkan tentang tempat ibadat tidak sewajarnya dijadikan tempat larangan untuk berhimpun kerana tempat ibadat merupakan bidang kuasa negeri.

Kementerian berpandangan bahawa tempat ibadah wajar dijadikan tempat larangan untuk perhimpunan kerana dikhuatiri boleh disalah guna oleh pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, pihak PDRM tidak pernah mengambil tindakan terhadap perhimpunan yang diadakan di tempat ibadah selagi perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta mendapat kebenaran daripada pihak pentadbir rumah ibadah

tersebut. Hal ini juga adalah selaras dengan tujuan APA 2012 digubal untuk memudah cara sesuatu perhimpunan itu diadakan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta penjelasan sedikit?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Sila.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Isu saya adalah bukan polis ambil tindakan atau tidak ambil tindakan. Sebab saya rasa pada pandangan saya, sebelum ianya ditetapkan bahawa rumah ibadat itu boleh disenarai-pendekkan, saya takut bukan apa, isunya bukan-impikasi undang-undang. Contohnya, kalau *subject matter* itu adalah *subject matter* negeri, contohnya. Di bawah akta hal ehwal agama ini, rumah ibadat- Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih maklum- di dalam Senarai Negeri. Apabila dalam Senarai Negeri, kita hendak uruskan, kita ada akta pentadbiran negeri. Oleh sebab itu Majlis Agama Islam atau urusan lain, dia ada akta pentadbiran.

Kita bukan di sini kita kata polis ambil tindakan ataupun tidak. Cuma kita hendak kalau boleh, dengan izin, *from the outset from the beginning is allowed under the law*. Daripada awal itu kita tidak langgar. Katalah di Sabah, Sabah kata benda itu masuk dalam senarai negeri, tiba-tiba Kerajaan Pusat hendak masuk dan hendak urus pula, katalah rumah adat. Jadi saya kata perkara itu kata kalau sekiranya- melainkan pegawai betul-betul yakin benda itu tidak menyalahi Perlembagaan.

#### ■1620

Ini kerana perkara itu sepatutnya dicabar di mahkamah, tetapi saya fikir kita sebagai pembuat undang-undang di sini boleh pertimbangkan. Perkara yang lain memang saya setuju, empangan, hospital, yang kata tadi atas sebab keselamatan. Keperluan sekiranya ada atas tujuan keselamatan untuk menguruskan rumah ibadat itu, sekiranya adapun, boleh dipertimbangkan.

Akan tetapi cuma apabila terus disenaraikan, saya kluatir perkara ini akan menyalahi peruntukan Perlembagaan kerana ia adalah hak di bawah Sultan dan Raja-Raja negeri. Ini melainkan di sini Yang Berhormat Menteri beritahu saya, perkara itu telah dibincangkan dengan Majlis Raja-Raja dan Majlis Raja-Raja pun bersetuju bahawa rumah-rumah ibadat ini boleh dikawal selia dan polis ada kuasa. Polis hendak ambil tindakan atau tidak ambil tindakan, cerita lain. Akan tetapi, kenapa diberi kuasa? Itu soalan saya. Akan tetapi kalau itu penjelasannya, saya terpaksa akur sahajalah [*Ketawa*] Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan celahan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Sebagaimana saya sebut tadi, saya ada nyatakan bahawa kita akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak-pihak PBT, termasuk-lah

isu rumah ibadah. Ini juga akan kita bincangkan nanti dan perincian dengan kerajaan-kerajaan negeri yang ada. So, jangan bimbang Yang Berhormat. *In syaa Allah*, masih lagi dalam proses, usaha kita untuk mengemas kini dan menambah baik rang undang-undang ini bagi membolehkan lebih banyak tempat yang boleh kita gazetkan dan juga kita tentukan mana yang dapat persetujuan daripada kerajaan negeri dan juga daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas ada menyebut tadi tentang penglibatan kanak-kanak dalam perhimpunan seperti memegang sepanduk yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Tuan Yang di-Pertua, APA 2012 sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini merupakan suatu akta yang mengawal selia dan memudah cara sesuatu perhimpunan diadakan.

Jika didapati kanak-kanak digunakan sebagai alat provokasi dan melanggar undang-undang, maka perbuatan tersebut merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 4, APA 2012. Sehingga kini, tiada tindakan diambil terhadap peserta yang membawa kanak-kanak untuk menyertai perhimpunan. Maknanya, setakat ini walaupun di dalam undang-undang itu ada menyebut kanak-kanak tidak dibenarkan, tetapi kita pihak kerajaan masih lagi bertindak, tidaklah keras sangat dengan membenarkan- bukan membenarkan, tetapi tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang membawa kanak-kanak sewaktu perhimpunan walaupun pada dasarnya, ia menyalahi peraturan sebagaimana apa yang disebut dalam seksyen 4 APA 2012.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiha binti Sharif juga membangkitkan tentang siapakah yang terlibat sebagai pengerusi dan ahli jawatankuasa kajian dan adakah melibatkan kos. Tuan Yang di-Pertua, KDN telah menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Khas Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan. Jawatankuasa Khas Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri serta dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, SUHAKAM, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik.

Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan pula ditubuhkan bagi membincangkan keputusan-keputusan dan cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa khas. Jawatankuasa teknikal ini dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, SUHAKAM, Badan Peguam Malaysia, Pertubuhan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *MST International*, *Lawyers for Liberty* dan ahli akademik.

Penubuhan jawatankuasa ini hanya melibatkan perbelanjaan mengurus seperti penyediaan logistik dan makan minum sahaja. Semua cadangan daripada kedua-dua jawatankuasa ini dibincangkan secara terperinci oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia sebelum cadangan rang undang-undang ini dibuat.

Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah membangkitkan tentang kerisauan beliau berhubung dengan campur tangan pihak tertentu dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan di bawah APA 2012. Suka saya menekankan di sini bahawa tiada campur tangan pihak tertentu dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan di bawah APA 2012 kerana perkara ini adalah selaras dengan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan yang mengutamakan prinsip *rule of law* dan pengasingan kuasa-*separation of power*, dengan izin, antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan-jawapan yang mampu saya berikan pada hari ini. Kalau ada yang tertinggal, *in syaa Allah* kita akan beri jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya ucap jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya ruang secukupnya untuk menjawab soalan-soalan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya uzur, luar dia tidak kuat tetapi dalam bersemangat nampaknya dalam menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan ahli bijaksana, Ahli Dewan Negara kita. Syabas dan tahniah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membentangkan latar belakang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668]. Akta 668 adalah suatu akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia; menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia; untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Majlis Perundingan Belia Negara; termasuk memperuntukkan perkara-perkara bersampingan dengannya. Akta 668 ini merangkumi 125 buah seksyen yang terbahagi kepada 10 bahagian.

#### **■1630**

Akta ini mula dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007. Akta 668 ini merupakan akta yang membenarkan sesuatu pertubuhan belia ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan belia dalam persatuan dan komuniti. Punca kuasa kepada penubuhan Majlis Belia Malaysia yang berperanan sebagai badan induk kepada semua pertubuhan belia di Malaysia serta merupakan panduan dan penguatkuasaan aspek pembangunan belia di negara ini.

Penggubalan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 ini merupakan suatu usaha sokongan perundangan dalam memastikan pembangunan belia adalah selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang telah dilancarkan pada tahun 2015 serta seiring dengan dasar-dasar kerajaan sedia ada bagi mengukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 April 2015 antara lain bersetuju dengan pelaksanaan Dasar Belia Malaysia bagi menggantikan dan mengukuhkan Dasar Pembangunan Belia Negara yang digubal pada 1997. Mesyuarat tersebut juga bersetuju agar Akta 668 disemak semula selaras dengan pelaksanaan Dasar Belia Malaysia. Dalam memastikan pindaan Akta 668 kekal relevan dan memelihara kepentingan pemegang taruh, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan beberapa siri libat urus bermula pada tahun 2017.

Kesemua sesi ini melibatkan penyertaan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan pendidikan, pihak kerajaan negeri, pertubuhan-pertubuhan belia dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Individu Bukan Kerajaan (NGI). Seterusnya, Jemaah Menteri pada 12 April 2019 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 dibentangkan di Mesyuarat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah belia pada 2018 adalah sebanyak 15.1 juta orang iaitu 46.64 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang tahun 2030, dianggarkan golongan belia merupakan kumpulan majoriti negara yang akan menjadi pemegang taruh dalam menentukan dan mencorakkan kepimpinan negara pada masa hadapan. Kumpulan ini sekiranya digerakkan secara holistik dan teratur akan memberi impak yang signifikan sebagai rakan pembangunan strategik negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Justeru, pindaan Akta 668 ini sememangnya mampu mengukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia yang berumur 15 tahun sehingga 30 tahun. Dewasa ini, gerakan pertubuhan belia khususnya menerusi pertubuhan-pertubuhan belia konvensional sedia ada dilihat semakin lesu serta tidak lagi menjadi medium penting perhubungan belia dengan jumlah keahlian yang semakin berkurangan. Kelesuan dalam gerakan pertubuhan belia ini didasari oleh dua faktor utama iaitu pertama kegagalan untuk mengadaptasi perubahan dalam corak gaya hidup dan pemikiran belia masa kini dan kedua, kurangnya kepimpinan pelapis yang boleh menggantikan kepimpinan sedia ada dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Keadaan ini telah menyebabkan sebanyak 2,262 pertubuhan belia telah dibatalkan pendaftaran mereka dari tahun 2013 hingga tahun 2018. Manakala daripada 8,563 pertubuhan belia yang masih sah pendaftaran sehingga tahun 2018, hanya 1,205 ataupun 14.1 peratus pertubuhan belia yang layak diberi pengiktirafan bintang iaitu masing-masing sebanyak 44 pertubuhan belia bertaraf lima bintang, 194 dianugerahkan penarafan empat bintang, dan 967 menerima pengiktirafan tiga bintang.

Antara kriteria penilaian penarafan ini adalah penyediaan laporan tahunan kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY), semakan dokumentasi dan penilaian Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD), pencalonan dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri yang berasaskan kepada keaktifan pertubuhan belia dan lawatan ke premis persatuan. Melihat kepada hanya sejumlah kecil sahaja pertubuhan belia yang layak diberi pengiktirafan, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kelesuan dalam pertubuhan belia ini tidak boleh dibiarkan berterusan begitu sahaja.

Kementerian Belia dan Sukan melihat pertubuhan belia masih lagi relevan sebagai medium terbaik dalam membangunkan generasi belia semasa. Selain itu, bagi memastikan

pertubuhan belia dapat diaktifkan kembali, kepimpinan pertubuhan belia perlu turut diterajui oleh anak muda dan mereka yang memahami kehendak serta keperluan belia masa kini.

Dalam aspek kepimpinan pertubuhan-pertubuhan belia, statistik umur pemegang jawatan di dalam pertubuhan belia utama dan pertubuhan belia tunggal daripada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) menunjukkan bahawa sebanyak 44.1 peratus iaitu 15,229 orang pemimpin dalam pertubuhan belia adalah berumur di bawah 30 tahun berbanding 55.9 peratus iaitu 19,280 orang adalah mereka yang berumur melebihi 30 tahun.

Pindaan ini menyasarkan supaya transisi kepimpinan pertubuhan belia daripada belia berumur 40 tahun kepada 30 tahun akan berlaku di dalam persekitaran yang lebih tersusun dan sistematik. Secara rasionalnya, pindaan Akta 668 ini akan memberikan implikasi berganda kepada pembangunan belia dengan perubahan-perubahan yang dilaksanakan terutamanya pindaan ke atas tafsiran had umur belia yang memberi impak iaitu peremajaan belia, 'pendayaupayaan' belia dan seterusnya memastikan segala sumber negara disepadukan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 ini merangkumi enam fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 668 bagi mengubah beberapa takrif sedia ada seperti yang berikut:

- (i) untuk meminda takrif "belia" dan "pertubuhan belia" untuk menurunkan had umur maksimum belia dan anggota pertubuhan belia daripada empat puluh tahun kepada tiga puluh tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Belia Negara Malaysia;
- (ii) untuk meminda takrif "pemegang jawatan" untuk mengadakan peruntukan bagi had umur minimum dan maksimum seseorang pemegang jawatan suatu pertubuhan belia berdaftar. Dengan cadangan pindaan ini, had umur minimum dan maksimum bagi mana-mana anggota pertubuhan belia yang dilantik atau dipilih sebagai pemegang jawatan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun pada tarikh pelantikannya.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 668 untuk mengadakan peruntukan bagi had umur minimum dan maksimum seseorang ketua pertubuhan belia berdaftar. Dengan pindaan yang dicadangkan, maka had umur minimum dan maksimum seseorang ketua pertubuhan belia hendaklah tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun



pada tarikh pelantikannya. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memendekkan tempoh untuk memegang jawatan sebagai ketua pertubuhan belia daripada enam tahun kepada empat tahun secara berterusan. Tujuan pindaan ini adalah untuk mewujudkan lebih peluang bagi anggota pertubuhan belia untuk memegang jawatan dalam pertubuhan belia dan meningkatkan kemahiran kepimpinan lebih ramai belia.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 668 untuk mengurangkan had umur maksimum penghentian kehilangan kelayakan seseorang pemegang jawatan pertubuhan belia berdaftar. Ini adalah pindaan berbangkit kepada pindaan takrif "pemegang jawatan" tadi;

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 20(6) Akta 668 untuk menyingkirkan keperluan untuk menyiarkan dalam Warta sesuatu pembatalan pendaftaran suatu pertubuhan belia; dan

Fasal 6 memperkatakan peruntukan kecualian berkaitan tempoh memegang jawatan bagi ketua dan pemegang jawatan sesuatu pertubuhan belia serta proses pembatalan pendaftaran sesuatu pertubuhan belia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan akta ini, peranan, objektif, fungsi dan kuasa pendaftar pertubuhan belia dapat ditambah baik khususnya dalam memperkasakan pembangunan dan pentadbiran pertubuhan belia di Malaysia. Pada masa yang sama, pengukuhan akta ini tetap mendukung Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta lain demi memastikan impak perundangan sentiasa menyokong antara satu sama lain.

#### ■1640

Pengukuhan akta ini juga memudahkan pemerksaan pembangunan belia dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan terancang. Ia akan memberi lebih keyakinan kepada pemegang taruh pembangunan belia untuk bersama-sama menyumbang ke arah pembangunan ekosistem belia yang lebih bersepadu. Di samping itu, ia juga memberi ruang pelaksanaan pembangunan belia oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon untuk mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya ini, ada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, hendak mengeluarkan pendapat, perbahasan. Minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat,

kalau boleh, hadkan ke tujuh minit masa kita. Saya mulakan, yang didahulukan, kita dahulukan. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, silakan.

#### 4.41 ptg.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk berbahas. Saya mengalu-alukan penurunan had umur belia daripada 40 kepada 30 tahun melalui Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [Akta 668]. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *after all, what are we here for? We are trying to build a better tomorrow for our country and how better to do it than to involve the young ones at an early stage.*

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pindaan ini akan meningkatkan lagi penglibatan generasi muda dalam persatuan-persatuan pemuda yang jumlahnya seperti yang kita dengar tadi itu begitu banyak di negara ini dan yang lazimnya dipimpin oleh mereka yang berumur lebih daripada 30 tahun. Ini telah menjadi penyekat kepada pembangunan kepimpinan pemuda. Kesannya adalah mereka yang lebih muda itu hanya memainkan peranan yang kecil atau *minor role* dan biasanya menjadi terlalu bergantung pada mereka yang lebih senior. Ada juga yang kecewa, lesu dan menjadi tidak aktif. Oleh itu, kita harap pindaan ini akan menjadi pemangkin dalam pembangunan kepimpinan, penerimaan tanggungjawab dan peningkatan keyakinan serta daya kreativiti di peringkat yang awal di kalangan pemuda di negara ini.

Selain daripada pembangunan minda dan kepimpinan, aktiviti sukan dan rekreasi generasi muda kita, harus juga diberi perhatian bagi memastikan golongan pelapis kepimpinan dalam negara ini mempunyai kesedaran betapa pentingnya kesihatan dan kecergasan seseorang itu. Selain itu, pembangunan sukan dan atlet-atlet negara juga harus diteruskan. Oleh itu, fasiliti-fasiliti sukan dan rekreasi yang lengkap, seharusnya diwujudkan di setiap kawasan di negara ini.

Dalam kesempatan ini, saya minta Kementerian Belia dan Sukan untuk meneruskan projek-projek pembinaan dan penambahbaikan stadium-stadium yang telah diluluskan oleh kerajaan yang lalu, yang membawa manfaat kepada rakyat, khususnya kepada generasi muda seperti pemasangan lampu *floodlight* di Kompleks Sukan Penampang, Sabah dan pembinaan stadium di Kota Marudu, Sabah.

Kompleks sukan di Penampang ini tidak mempunyai *floodlight* walaupun kelengkapan-kelengkapan yang lain ada. Ia digunakan oleh sekurang-kurangnya tiga daerah, penduduk-penduduk dari tiga daerah dan juga digunakan untuk pertandingan bola sepak Liga Perdana FAM. Ia juga digunakan oleh 20 lebih sekolah-sekolah rendah dan menengah. Amat kasihanlah Tuan Yang di-Pertua, apabila sekolah-sekolah ini menggunakan stadium ini

semasa hari sukan mereka, di mana budak-budak berbaris di bawah matahari dan ramai mereka pengsan kepanasan. Jadi jika *floodlight* ini dapat diselaraskan, sekolah-sekolah ini boleh mengadakan hari sukan mereka pada sebelah petang dalam keadaan yang lebih selesa.

Untuk pembangunan Kompleks Sukan Kota Marudu, ini pun telah diluluskan oleh kerajaan yang lalu. Kota Marudu ini terletak kira-kira 100 kilometer daripada Kota Kinabalu dan ia satu kawasan yang sedang pesat membangun tetapi belum ada fasiliti seperti kompleks sukan. Jadi di sini, saya mengambil kesempatan supaya rakyat di sana janganlah dikecewakan dan amat diharapkan, Kementerian Belia dan Sukan akan melihat kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memanjangkan perbahasan saya. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Ayat yang cantik kata Yang Berhormat tadi, kita “... *build for the future*”, untuk anak-anak muda kita.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

#### 4.46 ptg.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi membentangkan akta tersebut. Seperti mana kita dimaklumkan tadi ialah akta ini untuk mengukuhkan dan memperkasakan kegiatan belia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2018 adalah mengatakan sebanyak 15 juta lebih adalah golongan belia iaitu lebih hampir 50 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia. Pada jangkaan tahun 2030 nanti, belia akan menjadi golongan majoriti di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh fasal 2(ii) untuk menurunkan had umur maksimum belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Tuan Yang di-Pertua, definisi belia daripada Sekretariat *United Nations* Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah daripada 15 tahun kepada 24 tahun. Juga di *Youth Council* atau Majlis Belia *United Nations* tadi juga adalah 15 tahun kepada 32 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah langkah yang amat bermakna dan sangat futuristik untuk memperkasakan pembangunan belia. Akta ini akan membuka pintu besar kepada belia mengambil alih daripada golongan belia sekarang yang akan berusia tua

lagi lebih dari 30 sampai 40 tahun. Justeru itu, kita percaya Kementerian Belia dan Sukan berhasrat memberi dorongan kepada mereka dalam latihan dan cara-cara kepimpinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk memohon Menteri menyatakan bagaimanakah kedudukan sekarang program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS). Program seperti ini adalah mungkin sesuai untuk mereka membela belia dan mengangkat belia dalam penyatuan kepimpinan, bersikap taat setia, berprinsip, beramanah dan berpandangan progresif.

■1650

Saya ada soalan kepada kementerian, adakah kementerian bercadang memberi peruntukan tahunan kepada pertubuhan belia yang ada ahlinya lebih dari 50 atau 100 orang ahlinya mengikut kawasan dan bidang tersebut kerana belia dalam golongan di bawah 30 tahun berkemungkinan besar belum ada dana untuk menjalankan persatuan belia itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk saya ada sekerat pantun ditujukan kepada Menteri Belia dan Sukan.

*Menteri Belia dan Sukan produktif;  
Majulah menjalankan program dan aktiviti;  
Maju negara kerana belia positif;  
Belia cemerlang yang dihajati.*

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh akta tersebut... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Jadi Yang Berhormat harap tadi supaya belia ini aktif dan berhasil. Terima kasih untuk pantun itu.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair, dipersilakan.

4.52 ptg.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan berkenaan tentang pindaan Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 ataupun dikenali sebagai Akta 668. Walaupun saya bukan dalam golongan belia lagi di mana saya sudah tinggalkan usia tersebut 30 tahun yang lalu, diizinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hati masih belia.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Hati masih belia lagi [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, untuk perbahasan ini saya ingin petik apa yang dikata Dr. Yusuf Al-Qardawi, sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, "*Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya*".

Pada hari ini sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dalam kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi tentunya negara kita akan datang menjadi sebuah negara yang aman dan makmur tetapi jika keadaan sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku. Dengan izin, Nelson Mandela mengatakan, *“The youth of today are the leaders of tomorrow”*. Justeru itu adalah harapan kami untuk meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 boleh menjuruskan belia kita ke arah pembentukan akhlak, kerohanian dan minda yang sihat. Mereka adalah sumber manusia yang penting untuk masa depan negara.

Maka harus digalakkan pertubuhan belia ditubuhkan pada usia muda bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam komuniti. Lagipun pembangunan belia adalah selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang telah dilancarkan pada tahun 2015 serta seiring dengan dasar kerajaan sedia ada bagi mengukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia jumlah belia pada tahun 2018 adalah seramai 15.1 juta iaitu 46.64 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang tahun 2013, dianggarkan golongan belia merupakan golongan majoriti negara yang akan menjadi penentu kepimpinan negara. Agak dukacita apabila diberitahu sebanyak 2,262 pertubuhan belia telah dibatalkan pendaftaran dari tahun 2013 hingga tahun 2018.

Ini satu perkara yang harus diberikan satu perhatian dalam penubuhan persatuan berlaku kerana belia tidak mempunyai minat semula jadi dalam aktiviti-aktiviti ini. Mungkin juga minat mereka semakin merudum kerana terlalu banyak gangguan atau *distraction* pada zaman kini. Sebenarnya minat belia kepada pertubuhan belia tidak boleh dicituskan mulai umur 18 tahun. Ia harus bermula dari peringkat sekolah lagi. Minat ini boleh dipupuk di sekolah dengan menggalakkan pelajar menubuhkan persatuan dan insentif perlu diberi supaya mereka dapat lihat yang berpersatuan ada ganjarannya untuk masa depan mereka.

Jika anak muda mesti disantuni contohnya pelajar diberi peluang untuk ke luar negara dalam misi untuk berinteraksi dengan persatuan-persatuan belia di luar negara. Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan harus mengadakan kerjasama yang akrab dengan Kementerian Pelajaran supaya gagasan ini boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, belia hari ini ada yang terlibat dalam gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, arak, gengsterisme, melepak, mat rempit, seks bebas dan sebagainya. Antara puncanya kerana tidak mempunyai akhlak dan jati diri yang murni. Jika naluri pelajar disalurkan kepada aktiviti-aktiviti berpersatuan di sekolah lagi, ini akan membantu memupuk dalam diri mereka sikap bertanggungjawab. Maka kerajaan perlu menyediakan kemudahan dan insentif yang menarik di sekolah untuk mencapai tujuan ini.

Menurut laporan juga seramai 44.1 peratus iaitu 15,229 orang pemimpin dalam pertubuhan belia adalah berumur di bawah 30 tahun. Berbanding dengan 55.9 peratus iaitu 19,280 orang adalah mereka yang berumur melebihi 30 tahun.

Jadi usaha ke arah menurunkan had umur maksimum belia dan anggota pertubuhan belia daripada 40 tahun ke 30 tahun, menurut takrif belia dari 30 tahun ke 40 tahun agak mencabar. Satu aspek yang perlu dititikberatkan adalah penglibatan belia wanita dan memastikan persatuan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan untuk mencerminkan profil penduduk di negara ini untuk memupuk perpaduan. Pastikan mereka tidak dirasuk unsur-unsur politik, perkauman dan keagamaan ekstrem yang boleh merosakkan fabrik negara yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, diberitahu RM150 juta akan diperuntukkan untuk usaha-usaha untuk memperkukuh aktiviti belia termasuk yang saya faham ialah RM7.4 juta untuk penubuhan Kelab Remaja. Pastikan wang ini disalurkan juga di peringkat sekolah di mana ia boleh membantu untuk meluaskan minat pelajar terhadap berpersatuan.

Tuan Yang di-Pertua, golongan yang berumur 30 tahun ke 40 tahun yang sedang memimpin persatuan tidak perlu disisihkan, tapi boleh dilantik sebagai penasihat kepada persatuan yang dianggotai belia 18 tahun ke 30 tahun. Sumbangan mereka masih berguna sebagai ikon ataupun model kepada mereka yang berumur 30 tahun ke bawah malah pelajar sekolah pun.

Umur 18 tahun ke 30 tahun memang banyak cabaran bagi anak muda kita. Setelah menghadapi peperiksaan, mereka akan meneruskan pengajian ke peringkat tinggi. Tamat pengajian mereka akan cuba mendapat pekerjaan, kemudian berhasrat pula untuk mendirikan rumah tangga.

#### ■1700

Ini adalah tempoh masa yang cukup mencabar bagi belia dan kerana ini mungkin sukar bagi mereka menceburkan diri dalam persatuan. Jadi, pelan transisi yang telah dihasratkan oleh kementerian sangat mencabar. Saranan saya, biarlah budaya berpersatuan ini dipupuk di bangku sekolah lagi untuk menarik pelajar dan dengan harapan mereka terus berminat selepas tamat persekolahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya buat satu *quote* daripada John Quincy Adams iaitu Presiden yang keenam Amerika Syarikat dalam bahasa asal. *“If your actions aspire others to dream more and become more, you are a leader. Every day brings opportunity for effective leadership and as a consequence, the youth should prepare themselves at all times to fill this gaps in every fears of life. Leadership is in garment that must be worn on a daily basis and not as a coat that is pull out of the closet and put on when is needed only.”*

Tuan Yang di-Pertua, belia hari ini adalah tunas bagi menjadi pemimpin masa depan negara. Walaupun banyak cabaran yang akan dihadapi, kerajaan dalam usaha murni ini untuk menggalakkan golongan muda yang betul-betul belia menjadi pemimpin negara kita kelak. Kita seharusnya menerima pindaan ini sebulat suara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang masih lagi bersemangat kepentingan belia. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

### 5.02 ptg.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] diterajui oleh badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai Majlis Belia Malaysia. Badan induk ini menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya. Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah:

- (i) untuk menyalurkan suara belia kepada kerajaan;
- (ii) untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia; dan
- (iii) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut yang mana sejumlah RM150 juta akan diperuntukkan untuk usaha-usaha memperkukuhkan aktiviti-aktiviti belia, termasuklah yang saya faham RM7.4 juta untuk penubuhan Kelab *Youth Power* di 222 buah kawasan Parlimen. Saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri jika boleh berikan status terkini penubuhan kelab-kelab tersebut. Saya juga difahamkan sebanyak RM50 juta akan diperuntukkan pada tahun 2019 hingga 2020 untuk program-program Kelab *Youth Power*.

Saya hendak tahu, apakah kejayaan yang dicapai setakat ini oleh program-program tersebut? Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, siapakah ahli jawatankuasa penaja *Youth Power Club*? Siapakah yang telah menerajui *Youth Power Club*? Apakah keistimewaan *Youth Power Club* yang menerima peruntukan sebanyak RM50 juta daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dibandingkan dengan Majlis Belia yang menggerakkan semua aktiviti belia di seluruh negara? Berapakah jumlah bantuan pentadbiran yang diluluskan kepada badan-badan gabungan Majlis Belia? Berapa kali kah persatuan-

persatuan belia ini bertemu dengan Yang Berhormat Menteri sepanjang Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kita lihat secara keseluruhannya di seluruh Malaysia pada tahun 2018, jumlah pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar adalah kalau tidak silap saya, 6,012 buah. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, daripada jumlah tersebut berapakah jumlah pertubuhan belia yang aktif?

Oleh kerana bagi saya ini tidak ada makna jika kita mengurangkan had umur tetapi yang mendaftar pun tidak aktif. Apabila dilihat statistik pada tahun 2018, pada perkiraan saya, satu aspek yang perlu dititik beratkan adalah penglibatan belia wanita di kalangan pengurus pertubuhan-pertubuhan belia yang jumlahnya adalah 6,012 yang saya katakan tadi, pada tahun 2018 hanya 11.4 peratus adalah wanita.

Jadi, ini adalah satu angka bagi saya perlu kita lihat dan kita teliti. Malah, bagi yang berusia kurang daripada 30 tahun adalah seramai 213 orang daripada 1,546 orang ataupun 13.8 peratus sahaja adalah wanita. Jadi, apakah yang akan diusahakan oleh pihak kementerian agar kita dapat menyaksikan lebih ramai anak muda wanita ke hadapan? Diberikan sokongan, dukungan, insentif agar mereka benar-benar boleh menjadi sebahagian daripada generasi yang boleh merubah masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku perubahan had umur pertubuhan belia ini, mereka yang terkesan sebenarnya ada dua golongan. Golongan yang bawah 30 tahun yang mana terpaksa pikul bebanan untuk memimpin. Ini merupakan satu kejutan yang positif supaya mereka mengambil tanggungjawab tersebut.

Akan tetapi golongan yang lebih daripada 30 tahun sehingga 40 tahun ini akan berlaku kejutan. Ke mana mereka hendak pergi? Adakah mereka mampu untuk terus menyertai gerakan-gerakan *mainstream*? Sebagai contoh, kalau selama ini mereka memperjuangkan isu belia anak muda walaupun sudah berumur lebih daripada 30 tahun, 40-an tetapi sekarang ini mereka terletak dalam ruang yang mana? Tidak tahu ke mana hendak pergi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, perlu ada hubungan di antara sekolah dengan persatuan-persatuan belia. Di mana kita lihat pelajar-pelajar kita yang keluar sekolah. Sama ada selepas Tingkatan 5 ataupun Tingkatan 6, ianya tidak tahu kewujudan persatuan-persatuan belia di luar. Maknanya, di sekolah dia terputus langsung dengan dunia luar. Harus ada *space* ataupun ruang sama ada peringkat sebelum mereka meninggalkan sekolah. Mereka perlu diuar-uarkan di kawasan tersebut ada beberapa persatuan yang boleh mereka sertai.

Saya juga ingin menyarankan Yang Berhormat Menteri dan kementerian, mengeluarkan satu arahan kepada ROI berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen. Kami boleh



bantu berhubung dengan sekolah dan apabila kita lihat takrif “belia” diselaraskan 15 hingga 30 tahun, maka apabila mereka tingkatan tiga, mereka boleh terlibat berpersatuan. Dalam Perlembagaan pun dibolehkan. Jadi, saya sarankan perkara ini dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya idea untuk menurunkan had umur persatuan belia daripada pihak kementerian itu merupakan satu saranan yang cukup baik. Saya yakin pertubuhan-pertubuhan belia mempunyai alasan tersendiri untuk menolak mereka kerana mereka memahami realiti sebenar disebabkan telah bergiat di peringkat kampung, daerah, negeri dan Pusat. Had umur itu perlu dibincangkan betul-betul secara halus kerana implikasinya cukup besar kepada kelangsungan pertubuhan-pertubuhan belia itu sendiri.

#### ■1710

Akhirnya, sebelum saya mengundur diri, saya menyokong pindaan Akta Pertubuhan Belia ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat membuka ruang untuk mengadakan perbincangan yang lebih khasnya kepada gerakan belia di negara ini bagi memastikan niat baik, cara baik supaya kesan yang kita dapat baik. Sekian, *Wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat. Banyak memperkatakan kepentingan belia, terima kasih.

Sekarang saya pergi pula kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Dipersilakan.

#### 5.10 ptg.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan kita pada hari ini iaitu meminda Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang kita bahaskan di Dewan yang mulia ini.

Saya rasa terpenggil untuk ikut serta di dalam perbahasan ini kerana saya juga seperti rakan-rakan Yang Berhormat Senator saya tadi telah melepasi usia sebagai seorang belia. Walau bagaimanapun, saya telah melalui zaman belia ini dan juga berkesempatan untuk memegang beberapa jawatan di dalam pertubuhan belia. Saya bangga hari ini kerana daripada pindaan ini telah ditetapkan had umur belia iaitu daripada 40 tahun diturunkan kepada 30 tahun dan ditetapkan juga bahawa tempoh untuk memegang sesuatu jawatan adalah tidak melebihi dua penggal. Ini kerana waktu kami dahulu belia memegang jawatan dalam Pertubuhan Belia di Sarawak, waktu itu saya fikir had umur belia ialah 60 tahun. Saya melalui zaman ini, 60 tahun.

Bayangkan pemimpin belia ini dia semakin berumur, semakin tua, dia semakin bertenaga, dia semakin kuat dan semakin berpengaruh. Kalau penubuhan belia itu

mempunyai *election*, sukar untuk digugat, sukar untuk digugurkan dan mereka boleh bertahan lama. Itulah satu sebab ada kalanya persatuan itu ada sebahagian daripada ahlinya merasa bahawa peluang mereka untuk memimpin ahli-ahli yang muda terhad kerana pemimpin yang veteran ini dia kuat. Sukar untuk digugurkan ataupun sukar untuk ditukar melalui pemilihan di dalam pertubuhan kerana sebagai pemimpin belia mereka orang yang berpengaruh. Jadi, kita tidak boleh memperkecilkan kebolehan pemimpin belia.

Jadi, hari ini kita menukarkan umur kepada 30 tahun. *Alhamdulillah*, saya harap di peringkat umur 30 tahun, belia-belia kita sudah begitu berpengaruh, begitu kuat sekali untuk memimpin sebuah pertubuhan belia. Satu sebab mengapa ada kalanya pertubuhan-pertubuhan belia ini lesu ataupun orang memandang rasa hendak menyingkir diri mereka dengan pertubuhan ini adalah kerana mereka rasa peluang untuk memimpin itu tidak begitu luas. Akan tetapi bila dengan pindaan ini, umurnya diturunkan kepada 30 tahun, had memegang jawatan dihadkan kepada dua penggal, ini satu langkah yang baik. Ini kerana ia memberi peluang kepada lebih banyak ahli untuk memimpin sesebuah pertubuhan.

Saya harap kementerian apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, haruslah memperlihatkan bahawa pertubuhan-pertubuhan belia itu ditadbir dengan baik. Pengalaman saya ialah ada kalanya pertubuhan belia itu menjadi kucar kacir. Bilamana dalam mesyuarat agungnya, jawatankuasa yang diberi tugas untuk memimpin tidak boleh menguruskan urusan-urusan kewangan. Apabila laporan kewangan menjadi kucar kacir, maka berlakulah perbalahan di dalam mesyuarat dan sebagainya. Akhirnya, ahli-ahlinya berpecah. Ini menyebabkan pertubuhan itu seolah-olah sebahagian daripada ahlinya boikot aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh pertubuhan belia. Akhirnya ini melemahkan pertubuhan belia dan boleh menyebabkan pertubuhan belia itu tidak aktif dan boleh jadi terbatal pendaftaran mereka.

Jadi, pengalaman sayalah sebagai seorang ahli pertubuhan pemimpin belia, saya rasa perkara-perkara seperti ini harus diberi perhatian oleh kementerian. Ini supaya pengurusan, perjalanan pentadbiran pertubuhan-pertubuhan belia kita berjalan dengan baik sekali.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator, minta tanya sedikit boleh?

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Okey.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sedikit daripada rakan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya ada membaca satu berita yang mengatakan di pihak Sarawak ada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tukar had umur belia dibuat itu terburu-buru. Oleh sebab saya sebagai orang yang tidak ada pengalaman mengenai apa permasalahan belia di Sarawak, saya hendak minta Yang

Berhormat Senator kalau ada maklumat. Apa yang sebenarnya yang belia di Sarawak itu bagaimana yang dimahukan? Ini kerana katanya di sini Yang Berhormat Menteri Sarawak katakan bahawa pertukaran umur itu agak terburu-buru, Yang Berhormat Menteri Pelancongan cakap. So, saya hendak faham apa masalah.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya difahamkan bahawa di Sarawak kita mempunyai sebuah pertubuhan yang kita namakan Pertubuhan Kebangsaan Belia Bersatu Sarawak (SEBERKAS). SEBERKAS ini sejak pertubuhannya dalam awal tahun 70-an, Presiden SEBERKAS selalunya ialah diterajui oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak.

Saya rasa kita punya *president at one time*, umurnya sudah melebihi 70 tahun lebih hinggalah kepimpinan itu diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari, Ketua Menteri sekarang. Jadi, SEBERKAS sebenarnya tidak didaftar di bawah ROY. SEBERKAS didaftar di bawah *Registrar of Societies* (ROS). Jadi, SEBERKAS tidak tertakluk kepada pindaan ini kerana yang dimaksudkan dengan penukaran had umur ini adalah mereka yang *societies* yang berdaftar dengan *Registrar of Youth Society* (ROY). Jadi SEBERKAS didaftar di bawah *Registrar of Societies* (ROS). Jadi tidak tertakluk kepada undang-undang ini.

Mengenai had umur, saya tidak tahu berapa banyak *engagement* telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dengan Kerajaan Negeri Sarawak tetapi Kerajaan Negeri Sarawak berpendapat bahawa oleh sebab belia iaitu adalah di bawah senarai bersama- *concurrent list*. Walaupun saya melihat tadi tidak jelas disebut tentang belia, tetapi ia disebut sebagai *culture and sport*. Itu mungkin dianggap sebagai belia. Jadi, ia diletakkan di bawah *Concurrent List*. Jadi, Sarawak ada juga kuasa ke atas hal ehwal belia.

Jadi, setakat ini Sarawak masih mengekalkan umur belia hingga 40 tahun. Sejajar dengan beberapa program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada belia pada sebelum pindaan ini ada had umur belia ialah pada 40 tahun. Jadi, negeri Sarawak menyatakan bahawa melainkan Dewan Undangan Negeri Sarawak mengambil keputusan untuk meminda umur belia diturunkan kepada 30 tahun, *in line with this* undang-undang ini barulah ia akan berubah. Kalau tidak, kita di Sarawak akan *maintain* umur belia kita kepada 40 tahun kerana kita rasa banyak program kita buat adalah untuk belia hingga umur 40 tahun.

■1720

Jadi, saya harap saya boleh menjawab pertanyaan rakan saya. Sebenarnya saya pun hendak bertanya juga kepada kementerian, kalau sudah undang-undang ini sampai belia umur 30 tahun, apa akan jadi kepada belia-belia berumur 31 tahun sehingga 80 tahun? Adakah kementerian akan menutup pintu kepada mereka ataupun kementerian ini bidang kuasa di perkecilkan hal ehwal belia hingga had 30 tahun, 30 lebih tertutup pintu. Jadi, ini

tidak diperjelaskan bila RUU ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan saya harap ia boleh diperjelaskan kepada kita di Dewan Negara. Ini kerana kita rasa bahawa seperti saya katakan tadi belia-belia kita, pemimpin-pemimpin belia jangan main kerana mereka orang yang berpengaruh dan boleh menukarkan sesuatu suasana seperti juga pemudalah.

Jadi, bagaimanapun Yang Berhormat Menteri saya juga ingin menyatakan walaupun SABERKAS di register di bawah ROS saya rasa bahawa banyak pertubuhan-pertubuhan belia di Sarawak di *register* di bawah ROY.

Saya hendak tahu, berapakah jumlah pertubuhan-pertubuhan belia di Sarawak yang didaftar di bawah ROY kerana saya difahamkan banyak pertubuhan-pertubuhan belia yang wujud dan saya ingin tahu berapakah minimum ahli, minimum *requirement* ahlinya supaya kita boleh menubuhkan sebuah pertubuhan. Ada kala saya rasa pertubuhan itu ditubuhkan dengan ahli yang di kalangan ahli keluarga sahaja, di kalangan kawan-kawan sahaja kerana semata-mata bila ada diluluskan mereka dapat geran untuk pentadbiran. Ini satu tarikanlah tetapi kewujudannya kadang-kadang kita tidak begitu tahu akan kewujudan pertubuhan-pertubuhan belia ini.

Jadi, saya dalam konteks negeri Sarawak saya harap kementerian boleh memberitahu Ahli Dewan ini berapakah pertubuhan belia yang berdaftar dengan ROY Sarawak? Apakah status keaktifan mereka? Pengiktirafan mereka? Berapa banyak yang aktif? Berapa banyak yang telah ditutup dan sebagainya? Saya ingin tahu berapa banyak ahlinya? Ada kalanya kita selaku orang politik kita tidak tahu ada pertubuhan-pertubuhan ini wujud di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri. Kita tidak tahu kerana dalam minimum ahli katakan 20, 30 orang *double of the* jawatankuasa, sudah boleh menubuhkan pertubuhan belia dan saya rasa dalam peringkat ini perlu dikawallah tentang penubuhan pertubuhan belia seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Jadi, saya rasa tidak hendak bercakap panjang tetapi yang pentingnya bukan setakat kita menurunkan umur belia ini. Paling pentingnya ialah apakah program-program pembangunan yang akan diwujudkan oleh kementerian untuk melihat supaya pembangunan belia kita menjadi pembangunan belia yang sihat, aktif dan paling penting juga awasilah kegiatan-kegiatan pertubuhan belia kita supaya mereka tidak menjadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Sekejap lagi. Akan menjadi ejen-ejen yang boleh mendatangkan mudarat ataupun mengancam keselamatan negara kita. Kita harap perkara ini

akan kita beri perhatian juga. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi. Sudah ada semangat belia itu, semangat muda itu ada pada dia ya. Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Zaiedi. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Silakan.

### 5.25 ptg.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan had umur belia dari 40 kepada 30 memberi ruang yang lebih besar kepada golongan berkenaan di negara ini untuk bergelar pemimpin arus perdana. Sebagai orang yang pernah terlibat dalam pergerakan belia, Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri, gerakan belia di peringkat kampung, pertubuhan bukan kerajaan dan yang akhir sekali Pergerakan Pemuda UMNO. Jadi pengalaman itu ada. Daripada pengalaman tersebut saya ingin mengambil peluang...

**Seorang Ahli:** Rindu kah? *[Ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Pengalaman kena cerita, pengalaman sebab depan saya ini pun pengalaman sama. So, kita kena cerita kepada belia-belia ini. Betul ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Jangan marah, pengalaman sebagai pengajaran. Jadi saya ingin mengambil peluang ini untuk mengemukakan beberapa pandangan mengenai Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, khususnya Akta 668 yang antaranya menurunkan had umur belia daripada 40 kepada 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan belia adalah satu kilang untuk melahirkan pemimpin generasi penerus yang mempunyai integriti dan mempunyai sifat kepimpinan setaraf dengan golongan yang lebih dewasa malah ia banyak menguntungkan mereka. Apa lagi apabila selain menurunkan had umur, pindaan lain membabitkan peruntukan tempoh memegang jawatan dalam satu pertubuhan iaitu tidak kurang daripada 18 tahun. Kita sebenarnya sedang mengurus arus perdana golongan belia kita. Ia satu langkah yang baik, pandangan bahawa belia mempunyai krisis kepimpinan dan tidak matang untuk menerajui sesuatu entiti tidak boleh diterima pakai kerana golongan ini di negara ini kini terdedah kepada maklumat dan mempunyai akses yang lebih banyak kepada ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai meragui keupayaan belia dalam usia muda. Kononnya belum matang, masih mentah dan belum berpengalaman tetapi persoalannya apakah dengan usia 30 hingga 40 tahun itu kita boleh kategorikan belia sudah berpengalaman sepertimana yang sahabat Senator kita kata tadi. *“Lagi lama lagi hebat, lagi lama lagi pekat, lagi kuat pegangan dia untuk mengekalkan jawatan.”* Bagaimana? Pengalaman apa sebenarnya? Kepimpinan dalam pertubuhan belia? Kepimpinan dalam berumah tangga? Pengalaman dalam organisasi korporat? Apa yang saya lihat mereka berpengalaman untuk mengekalkan jawatan sahaja. Jadi justeru itu, kita sepatutnya bersetuju dan menyokong rang undang-undang yang akan dipinda pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, rasional bagi penurunan had umur maksima belia adalah untuk memastikan kesinambungan kepimpinan masa depan negara, mengurangkan jurang generasi dalam kalangan belia, mempercepatkan proses kematangan belia dan mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kumpulan belia.

#### ■1730

Selain itu, saya juga melihat ada bentuk reformasi dalam kepimpinan belia melalui usaha ini apabila dipinda takrif ‘pemegang jawatan’ untuk mengadakan peruntukan bagi had umur minimum dan maksimum seseorang pemegang jawatan sesuatu pertubuhan belia berdaftar seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kepakaran dan pengalaman memimpin dalam kalangan orang muda tidak harus dijadikan alasan untuk menolak usaha menurunkan had usia belia tersebut. Malah, kerajaan perlu memastikan bahawa pemimpin muda bersedia menggalas tanggungjawab lebih besar dengan cepat serta membuka peluang seluasnya dalam apa jua bidang. Saya amat yakin usaha ini berbaloi seperti yang ditunjukkan oleh perbahasan di Dewan Rakyat apabila seramai 17 orang Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang semuanya menyokong. Yang kita mahu, kesan besar daripada usaha pindaan ini ialah akta berkenaan mampu memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab belia di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dewasa ini pertubuhan pergerakan belia sedia ada dilihat semakin lesu dan tidak lagi menjadi medium penting perhubungan belia dengan jumlah keahlian yang semakin berkurangan. Pendapat itu, saya tidak pasti.

Namun, pindaan menyasarkan supaya transformasi kepimpinan belia daripada belia berusia 40 tahun kepada 30 tahun akan berlaku dalam persekitaran yang lebih tersusun dan sistematik, saya boleh terima. Malah, saya amat yakin Akta 668 akan membawa kesan berganda kepada pembangunan belia dengan perubahan yang dilaksanakan terutama pindaan ke atas tafsiran had umur belia.

Sekiranya soal bantuan khusus anak muda di bawah 30 tahun yang menjadi pertikaian, seharusnya pihak kementerian mewujudkan jawatankuasa khas yang memantau bantuan tersebut. Jangan kerana soal bantuan, maka perubahan drastik yang hendak dilakukan dengan memberi kesan kepada orang ramai.

Yang penting, di Dewan yang mulia ini, saya memohon dan bersedia untuk membantu belia keluar daripada kelesuan dalam pertubuhan pergerakan belia dan amat yakin kementerian melihat pertubuhan terbabit masih relevan sebagaimana medium membangunkan belia. Hakikatnya, pembentangan rang undang-undang ini bukan tergesa-gesa tetapi agak terlewat dan usaha Kerajaan Pakatan Harapan ini perlu disokong penuh.

Kerajaan negeri perlu membantu Kerajaan Pusat untuk mengemukakan dan menilai semua bentuk implikasi agar pelaksanaannya mendatangkan kesan kebaikan yang maksimum. Saya berpendapat pertubuhan-pertubuhan belia kebangsaan dan Majlis Belia Malaysia selaku pihak yang bakal terkesan dengan secara langsung dengan pindaan tersebut, khususnya berkaitan pada had umur belia, boleh memberi cadangan balas kepada pihak kementerian. Jangan ambil pendekatan bertegang leher kerana ia tidak langsung membantu pembangunan belia seperti yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya amat yakin kombinasi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berusia 94 tahun dengan Yang Berhormat Menteri yang berusia 26 tahun akan membuahkan hasil yang menakjubkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang memberi pandangan yang terbaik.

Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Silakan.

### **5.34 ptg.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, saya rasa rata-rata yang ada dalam Dewan ini pernah memimpin belia. Walaupun dalam usia begini, masih bersemangat hendak bahaskan supaya belia kembali aktif dalam menggerakkan kepimpinan masa depan negara.

Memang, kalau kita lihat, Akta 688 ini adalah berusaha untuk mengilap kembali kecemerlangan belia. Sebab, telah terbukti bahawa pertubuhan belia telah mampu melahirkan pemimpin-pemimpin besar di negara ini. Pada satu ketika dahulu, ramai Menteri-Menteri Besar menjadi Menteri pada usia belia. Hari ini- tadi saya buat pantun untuk Yang Berhormat Menteri tetapi dia sudah keluar sudah. Tidak mengapa. Saya bacakan ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:**

*Belia merempit berputar-putar;  
Bila jatuh terlanggar papan;  
Menteri kacak lagi pintar;  
Membawa belia maju ke hadapan.*

Saya kagum dengan sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang memetik daripada tulisan seorang ulama besar, Dr. Yusuf al-Qaradawi. Walaupun dia bukan Islam tetapi beliau merujuk tulisan ulama ini yang mengatakan bahawa kalau hendak lihat masa depan sebuah negara itu, tengoklah golongan belianya. Kalau golongan belianya tidak serius, maka akan lahir pemimpin masa depan yang tidak serius. Kalau belianya suka berhibur, maka akan lahir pemimpin masa depan yang suka berhibur. Itulah idealisme ini kena dibina ketika belia.

Saya pasti kalau kita baca buku *Dilema Melayu* tulisan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini, menggambarkan idealisme Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ketika itu dan dilaksanakan bila dia memimpin negara. Juga, kalau kita tengok tulisan-tulisan awal Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ketika dia menjadi belia, itulah yang dilaksanakan ketika memimpin negara. Begitu juga yang lain-lainnya.

Oleh sebab itulah, waktu usia muda ini ialah usia untuk mengilap idealisme agar idealisme itu dibina di masa hadapan. Idealisme kita, zaman kita belia. Mungkin kerana ketika itu, zaman kita berbeza. Akan tetapi, idealisme belia hari ini ialah untuk mereka di masa hadapan. Ada disebut dalam hadis, Nabi sebut, "*Ajarlah belia anak muda seperti zamannya supaya ketika zaman dia nanti, dia akan buat perubahannya*".

Itulah kita lihat bahawa pentingnya supaya ada semakan kepada usia untuk memegang jawatan belia. Sebab, pada suatu ketika dahulu, pemimpin belianya berusia 60 tahun. Agak sukar untuk digugat kerana kedudukannya yang begitu mantap menguasai belia-belia. Akan tetapi, adakah 30 tahunnya menjadi ukuran? Kalau tanya saya, secara peribadi, saya rasa usianya mungkin sekitar 35 tahun. Ini kerana mengikut Konvensyen *ASEAN Youth*, usia belia di ASEAN adalah 15 ke 35 tahun. Saya rasa pada usia 15 kepada 35 tahun ini agak sesuai untuk dia bersama-sama belia tetapi usia 30 itu agak singkat.

Seandainya kita mula aktif sehabis tamat universiti, habis universiti balik kampung, pada usia 24 tahun, 25 tahun baru boleh terlibat dalam belia di kampung. Hanya ada lima tahun untuk membina kepimpinan dalam belia. Akan tetapi, seandainya 35 tahun, ada 10 tahun untuk memimpin belia.

Jadi, adakah ini ukuran yang menjadikan usia itu 30 tahun? Kalau tanya saya, 35 tahun. Akan tetapi, Dewan ini telah mencadangkan sedemikian rupa dan telah dipersetujui di Dewan Rakyat.



Pada saya, untuk memugar semangat belia itu ialah sejak daripada universiti lagi atau sekolah. Itulah dipinda Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk memberi ruang kepada belia di universiti untuk aktif supaya mereka terdedah lebih awal pada idealisme-idealisme untuk dibina di peringkat universiti lagi. Ataupun di peringkat sekolah yang mana didedahkan dengan banyak program untuk mereka lebih prihatin kepada persekitaran dan masyarakatnya.

Oleh sebab itulah, memandangkan bahawa- sebab pandangan-pandangan daripada belia sebelum ini diminta supaya usianya 35 tahun. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri berpendapat 30 tahun lebih sesuai. Jadi, saya rasakanlah kalaupun hendak dilaksanakan, ia perlu masa lebih lama...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** *[Bangun]*

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat Datuk Megat, petang-petang ini...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik bila Yang Berhormat sebut soal penyediaan sebenar seseorang anak muda itu sebelum dia memimpin sesuatu organisasi belia. Sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Razali, Yang Berhormat sendiri, saya dan ramai dalam Dewan ini, kita terlibat secara langsung dengan golongan muda ini.

Saya juga ingin menarik ucapan Yang Berhormat Menteri sewaktu Yang Berhormat Menteri merasmikan Perhimpunan Hari Belia- yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri tahun lepas dan ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan bahawasanya- pada ucapan itu- akan menurunkan umur belia kepada 35 tahun. Ucapan itu telah didengari oleh seluruh belia di negara ini.

#### ■1740

Jadi, saya tidak tahu di mana silapnya sehingga turun sehingga 30 tahun. Adakah Yang Berhormat Senator setuju untuk belia memimpin, saya ambil contoh juga anak saya sendiri yang sedang belajar sekarang, umur 23 tahun sedang hendak buat *Masters*, selesai umur 26 tahun. Kemudian dia sudah utarakan kepada saya hendak sambung PhD, umur dia 27 tahun, selesai umur 28.

Jadi, bayangkan dalam masa umur 30 tahun, adakah anak muda yang sudah sampai bukan menidakkan, tetapi adakah Yang Berhormat Senator setuju kerana kita pernah melalui proses itu. *We must be able to tell the truth* hari ini, dengan izin, *the reality* sebenarnya kerana kita juga melalui umur yang sama. Adakah di umur 30 tahun, kita sudah cukup stabil *economically* dengan secara- hendak memimpin NGO ini bukan hanya semata-mata mengharapkan dana daripada kementerian.

Kita mesti bercakap juga atas paksi kebenaran dan realiti, adakah orang yang sudah 30 tahun itu sudah bersedia dari segi kewangannya untuk menyumbang kepada mana-mana persatuan belia yang dia pimpin? Saya percaya, apa saja yang kita bincangkan untuk menjayakan sebarang aktiviti persatuan belia, *you cannot run*, dengan izin, dana adalah merupakan perkara yang juga penting.

Jadi dalam umur yang baru hendak memulakan kehidupan, baru hendak mencari-cari, masa itulah kita fikir hendak bagi dia satu jawatan yang tinggi memimpin. Adakah Yang Berhormat Senator setuju *at the end of the day* sebab saya rasa saya dengan Yang Berhormat Senator bercakap dengan *wave length* yang sama, kita takut masa dia baru jadi pengerusi, dilantik umur 30 tahun, dia tidak boleh menyumbang apa-apa.

*That again*, kesimpulannya di penghujung nanti seperti mana Yang Berhormat Menteri maklumkan dalam ucapan awal, bukan hanya persatuan belia yang ada hari ini banyak yang terkubur, kalau kita pinda malahan lebih banyak lagi persatuan belia akan datang akan terkubur kerana mempunyai anak-anak muda yang masih lagi tidak berkemampuan untuk mentadbir persatuan belia kerana kedudukan ekonomi mereka sendiri belum lagi kukuh untuk mereka melancarkan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Senator?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Oleh sebab itu, saya cadangkan seandainya rang undang-undang ini diluluskan, ada *interim period*. Masa yang sesuai sebab tarikh pelaksanaan rang undang-undang ini di tangan Yang Berhormat Menteri. Sudah tentu ada *interim period* yang lebih sesuai agar belia-belia ini lebih bersedia. Proses menyediakan pemimpin-pemimpin belia itu dapat disediakan, baik di sekolah, di peringkat universiti, atau selebihnya. Agar ada latihan-latihan yang lebih komprehensif untuk menyediakan pemimpin-pemimpin muda.

Bukan hanya pemimpin politik, banyak lagi program latihan yang lebih sesuai. Bila sampai masanya, baru rang undang-undang ini dilaksanakan. Mungkin ketika ini tidak dapat laksana segera sebab keadaan ketidakesuaiannya. Kalau ada *interim period* ini, saya rasa ada masa untuk kita melatih. Mungkin kerajaan berpendapat bahawa kerana usia mengundi diawalkan kepada 18 tahun. Jadi, perlu persediaan pemimpin muda untuk memimpin negara.

Memang menjadi trend dunia hari ini, pemimpin-pemimpinnya muda. Saya difahamkan Australia, pemimpinnya berusia 31 tahun, di Kanada juga begitu, bahkan *France* melahirkan pemimpin muda. Seandainya proses ini berlaku, jadi kita memudahkan pemimpin ini untuk masa depan negara. Selebihnya ialah saya sebut bantuan-bantuan kepada pembangunan belia. Kita maklum bahawa generasi muda ini tidak mempunyai kewangan yang kuat. Dulunya, bila pemimpin belia berusia yang lebih senior, dikukuhkan kewangannya. Akan tetapi mengukuhkan kedudukan, tidak mahu keluar daripada golongan belia.

Akan tetapi di usia 30 tahun ini, belia perlu dibantu sebab mereka tidak punya kewangan yang kuat. Jumlah RM150 juta bagi saya adalah kecil untuk melahirkan 40 peratus

generasi masa hadapan. Mungkin Kementerian Belia dan Sukan ini dapat dana yang paling kecil dalam peruntukan negara. Saya cadangkan tambah peruntukannya untuk memberi program-program kepada belia-belia yang ada di negara ini.

Jadi, itulah saya cadangkan agar Majlis Belia Malaysia yang mempunyai rekod yang panjang melibatkan belia, menggabungkan belia-belia supaya kepimpinan MBM ini dipertingkatkan lagi. Ini kerana nampaknya MBM mula tenggelam. Jadi, supaya MBM ini ditingkatkan, didedahkan dengan- yang lebih baik agar idealisme MBM itu dapat dibina dan digilap. Akhirnya, mereka akan menjadi masa hadapan untuk menggantikan kita semua di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail bin Yusop.

#### **5.47 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan pembahasan ini dengan membuat suatu pengakuan yang jujur kepada seluruh rakyat Malaysia [*Ketawa*] Sama ada yang mengikuti prosiding kita ini secara maya mahupun kita yang ada dalam Dewan ini bahawa saya bukan lagi belia [*Ketawa*] Cuma Tuan Yang di-Pertua, *I was once young and tough but now I am wiser than before.*

Justeru itu, saya mahu terlibat dalam perbahasan ini dengan sangat waspada. Sejujurnya saya memaklumkan saya telah aturkan beberapa siri pertemuan dengan pemimpin-pemimpin belia untuk mendapatkan pandangan mereka di peringkat realiti dan lapangan aktivis belia yang sedia ada sekarang. Himpunan pandangan mereka yang beragam inilah yang menjadi asas kepada hujah-hujah saya. Walau bagaimanapun, saya difahamkan kita masa sangat terhad, sudah lewat dan ada ramai lagi yang hendak bercakap, saya akan cuba ringkaskan dapatan-dapatan yang saya telah kumpul ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara konklusifnya seperti mana yang disuarakan saya juga secara prinsip dan dengan semangat perubahan rang undang-undang pindaan kepada Akta 668 ini wajar kita sokong bersama dengan beberapa penambahbaikan. Saya yakin sepenuhnya dan bersetuju dengan alasan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu dan juga seperti mana yang sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membentangkan usulnya di Dewan Negara.

Antara lain tujuan diturunkan had usia belia kepada 30 tahun ini adalah untuk membugar semangat kebeliaan dan daya saing yang sihat. Untuk rekod, saya yakin seluruh Dewan juga bersetuju bersama dengan saya bagi kita untuk mengucapkan tahniah kepada wira dan wirawati tanah air yang telah mengharumkan nama negara dan membuktikan kepada dunia bahawa taring Harimau Malaya masih berbisa. Kepada Welson Sim yang berumur 21 tahun, pemenang pingat emas acara Renang Terbuka Victoria pada Februari tahun ini mengalahkan juara Olimpik.

Kepada S. Suresh, 25 tahun menang pingat emas acara Memanah Recurve di Kejohanan Memanah Para Dunia pada bulan Jun tahun ini juga. Wirawati kita memang pingat emas di Kejohanan Bola Jaring Belia Asia mengalahkan Singapura pada Julai yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sukan menyatukan kita semua dan saya juga yakin bahawa emosi dan perasaan atlet-atlet negara khususnya belia dikongsi oleh seluruh belia Malaysia dalam semua sektor dan bidang. Itulah semangat tidak mahu mengalah dengan rakan-rakan seusia mereka dari negara-negara jiran. Semangat yang mahukan nama negara kita Malaysia harum di persada antarabangsa dalam pelbagai bidang. Namun begitu, ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh adik-adik dan anak-anak belia ini yang saya hendak kongsi bersama di Dewan yang mulia ini.

#### ■1750

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Belia Malaysia (MBM) sebagai mana yang kita maklum merupakan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan. Seperti mana yang dinyatakan di bawah seksyen 49(1) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

Dalam pertemuan saya dengan pimpinan MBM, pada dasarnya MBM bersetuju dengan pindaan had umur belia untuk diturunkan kepada 30 tahun. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, saya juga dimaklumkan bahawa ada sedikit masalah komunikasi yang berbangkit di antara MBM dengan pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sejujurnya saya tidak berhasrat untuk mencampuri urusan dalaman KBS dan MBM tetapi sekadar menyampaikan hasrat pimpinan dalam MBM yang sangat mengharapkan bahawa selisih komunikasi yang berlaku itu dapat disantuni dengan semangat muafakat dan syura. MBM sebagai pemegang taruh terbesar pergerakan belia di Malaysia wajar dimaklumkan dan suatu muafakat harus dicapai antara kedua pihak ini.

Saya juga ingin menzahirkan kebimbangan yang disuarakan berkenaan dengan transisi kepimpinan dalam pertubuhan belia. Tuan Yang di-Pertua, bagi pertubuhan belia di bandar menurut MBM rata-rata mereka bersedia untuk melaksanakan peralihan kepimpinan kepada usia 30 tahun. Contohnya, di PMS, PKPIM dan sebagainya sudah menyatakan mereka sudah bersedia.

Namun, seperti yang saya nyatakan tadi situasi agak sukar bagi pergerakan belia di luar bandar dan ini mewujudkan risiko kematian pergerakan belia dan ini membimbangkan. Saya menerima komentar bahawa gerakan belia sebenarnya akan mencari jalan sesukar mana sekalipun untuk kekal hidup. Namun dalam pada mencari jalan itu, pertubuhan tersebut berkemungkinan mati dahulu sebelum sempat mencari pengganti memandangkan tempoh kuat-kuasanya adalah pada tahun 2021.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, selaku mantan dan bekas pimpinan belia saya juga bersimpati dan kagum dengan keprihatinan yang disuarakan oleh pimpinan MBM ini dan saya dapat menangkap ketulenan sikap keprihatinan mereka khususnya terhadap pergerakan belia di luar bandar dan pergerakan belia yang kecil. Mereka memaklumkan kepada saya kita tidak bimbang dengan pertubuhan yang sudah *established*, yang merisaukan mereka ialah pertubuhan-pertubuhan belia di luar bandar dan kecil, yang kuat boleh jaga diri sendiri. Akan tetapi, di MBM mereka mahu menyantuni pergerakan belia yang lemah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sampaikan kebimbangan ini untuk perhatian kementerian dan untuk makluman kita bersama agar kita memberi sokongan yang padu kepada anak-anak dan adik-adik kita ini. Dalam hal yang sama, saya mencapai kesimpulan bahawa usia 24 tahun hingga 30 tahun di mana majoriti rakyat Malaysia memulakan kehidupan kekeluargaan. Maknanya di peringkat ini kita kena akui dalam masa ini, ramai di kalangan mereka sebenarnya baru hendak memulakan kehidupan kekeluargaan dan banyak hal-hal peribadi yang perlu diselesaikan.

Seperkara lagi yang dibangkitkan adalah pandangan mereka terhadap golongan yang berusia 31 tahun ke 40 tahun iaitu menurut definisi baru belia yang berusia 31 tahun telah mengeluarkan mereka dari golongan belia. Apa yang sedihnya ada yang telah pun melabelkan mereka termasuk golongan warga emas.

Saya juga hendak tarik perhatian Dewan yang mulia ini, keputusan beberapa kerajaan negeri Selangor, Johor, Sarawak dan Pahang melalui kenyataan media yang keluar pada 6 Julai hingga 10 Julai yang mahu mengekalkan definisi belia kepada umur 40 tahun dalam perihal inisiatif kerajaan negeri kepada belia.

Saya sekali lagi berkongsi keprihatinan ini dan saya nyatakan hormat saya kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai perancangan di peringkat kementerian mengenai status dewasa yang berumur 31 tahun ke 40 tahun. Soal bagaimana dengan inisiatif bagi golongan usia ini dan khususnya bagi belia hari ini yang melebihi 30 tahun yang sedang menerima manfaat daripada inisiatif untuk belia bawah 40 tahun.

Dengan menurunkan had umur belia kepada 30 tahun, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah kaedah untuk memastikan kebajikan dewasa bawah umur 40

tahun yang sedang menikmati inisiatif belia bawah 40 tahun ini tidak terjejas. Saya difahamkan di peringkat MBM, ramai dari kalangan belia yang didekati oleh MBM bawah usia 40 tahun kini menjadi usahawan yang berjaya di bawah inisiatif belia yang dikhususkan kepada usia 40 tahun.

Maka adalah tidak adil sekiranya golongan ini dikecualikan terus dari sebarang insentif yang baik seperti yang sedia ada. Ini adalah kerana seperti yang dimaklumkan oleh semua bahawa golongan usia 31 tahun ke 40 tahun merupakan usia di mana kehidupan baru hendak stabil maka insentif sewajarnya perlu dikekalkan kepada mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya simpulkan perbahasan ini dengan cadangan hasil pertemuan dengan adik-adik dan anak-anak kita ini beberapa cadangan yang harap dapat kita laksanakan sama ada di peringkat Dewan ini ataupun juga di peringkat kerajaan bagi memugar aktivisme belia pasca pindaan akta ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua ialah mewujudkan jawatan Senator belia. Seperti mana yang dibincangkan dalam siri-siri perbincangan dalam kalangan rakyat, saya yakin usia mewujudkan kerusi khas Senator mewakili belia adalah wajar dan munasabah. Belia yang mewakili tidak kurang 47 peratus populasi rakyat juga merupakan segmen masyarakat yang terbesar dan wajar di angkat suara mereka ke peringkat Dewan yang mulia ini.

Ada tokoh-tokoh belia yang telah dinobatkan sebagai Tokoh Belia Negara, Tokoh Belia ASEAN...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Tuan Ismail bin Yusop:** Sikit lagi. Ada yang telah menamatkan pengajian sarjana dalam kajian mengenai belia. Kedua, cadangan Tuan Yang di-Pertua ialah dana khas transisi kepimpinan. Ini telah disebut oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Saya juga menzahirkan perasaan yang sama supaya diwujudkan satu dana khas kepada seluruh badan gabungan di bawah MBM bertujuan untuk menjayakan program dan inisiatif-inisiatif segera untuk mempersiapkan pertubuhan-pertubuhan belia ini sewaktu transisi kepimpinan kepada usia 30 tahun.

Saya juga mengharapkan hubungan antara Kementerian Belia dan Sukan dan MBM dapat diperbaiki dengan lebih baik dan saya yakin gandingan erat antara Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan MBM merupakan satu formula terbaik ke arah mewujudkan pergerakan belia yang lebih lestari.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita ialah dapat membawa Malaysia ke arah pembangunan holistik yang lebih baik dan mapan. Perbaikan sedaya yang termampu. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul pindaan kepada takrifan belia kepada 30 tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop sangat mementingkan masa depan belia itu.

Sekarang saya jemput pula tokoh srikandi kita iaitu wakil wanita iaitu Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Dipersilakan.

■1800

6.00 ptg.

**Puan Asmak binti Husin:** *[Berucap dalam bahasa Arab] Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya rasa teruja untuk membincangkan tentang hal anak muda, walaupun majoriti kita semuanya sudah lepas umur, tetapi kita rasa teruja. Sebenarnya hari ini saya pun rasa kurang bermaya sebab kurang sihat. Akan tetapi sebab apabila bincang bab belia, terus rasa semangat *[Ketawa]*

Dalam masa yang sama, apabila bincang bab belia ini, saya teringatlah, macam kita orang Islam biasanya pada setiap hari Jumaat, kita akan membaca Surah Al-Kahfi. Surah Al-Kahfi ini ia banyak mengisahkan tentang ciri-ciri pemuda yang baik, yang diidamkan oleh kita semua. Jikalau ada anak, kalau boleh kita hendak anak kita macam pemuda Al-Kahfi. Apakah ciri-ciri pemuda Al-Kahfi? Pertamanya, mereka ini adalah golongan *fityah*. Maknanya mereka ini golongan remaja, bukan belia tetapi remaja, tetapi beriman dan bangsawan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Tadi saya teringat dengan kisah Surah Al-Kahfi, di mana dalam Surah Al-Kahfi, dikisahkan tentang pemuda yang mempunyai ciri-ciri yang sangat unggul, iaitu pertama, mereka ini remaja tetapi walaupun remaja dan mereka ini adalah golongan bangsawan. Maknanya bukan dari golongan bawahan.

Walaupun begitu, mereka ini seorang sangat beriman dan apabila berdepan dengan diktator, mereka sanggup menyatakan kebenaran dan yang paling penting, mereka sangat aktif membangunkan masyarakat dengan program amar makruf nahi mungkar. Apabila mereka berhadapan dengan ancaman yang mereka tidak boleh tolak, maka mereka berhijrah untuk memastikan mereka itu kekal dalam keadaan beriman.

Dalam masa yang sama, dalam Surah Al-Kahfi ini juga, saya rasa sangat relevan untuk saya *share* di sini iaitu dia ada kisah tentang beberapa pemberitaan. Namun begitu, dia mendidik kita supaya pandai memilih berita yang benar, berita yang penting, berita yang

bermanfaat, walaupun ada banyak berita. Di mana pada hari ini, pemuda kita berdepan dengan dunia globalisasi dan sangat penting pemuda kita hari ini menguasai media, bukan dikuasai oleh media. Jadi, saya mengharapkan semoga Surah Al-Kahfi ini menjadi asasnya kepada dasar dan objektif pembangunan Kementerian Belia dan Sukan, *in syaa Allah*.

Berkaitan dengan rang undang-undang pada hari ini, saya tidak ingin mengulas panjang, sebab ramai sudah kawan-kawan yang telah mengulas tadi. Cuma, saya akan tambah beberapa perkara.

Pertamanya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kementerian mempunyai kajian sebelum melakukan penukaran umur belia daripada 15 tahun ke 30 tahun? Apakah ada pelan tindakan yang khusus? Ini disebabkan saya lihat, kalau ikut asalnya dalam pengumuman, umur 35 tahun dan kemudiannya jadi 30 tahun. Adakah ini sebahagian daripada pelan tindakan?

Kedua, apakah- kalau ada pelan tindakan yang jelas, kenapa kita mempunyai mungkin bantahanlah dari beberapa pihak? Kalau di Kelantan sendiri, kita tengok memang kita menerima perubahan umur daripada 40 tahun hingga 30 tahun.

Namun begitu, kita minta transisi umur itu sehingga empat tahun. Tidak boleh tahun 2021. Maknanya kalau boleh paling kurang pun sampai tahun 2023, memandangkan kepada *nature* belia yang ada di Kelantan. Dalam masa yang sama juga, kita mohon masukkan dalam pindaan iaitu majlis penasihat belia. Oleh sebab untuk memastikan penukaran kepimpinan, ia kena ada majlis penasihat belia yang jelas.

Kita juga mohon jaminan supaya segala dana seperti disebutkan tadi, dapat diteruskan terutamanya di peringkat negeri, sebab kami bercerita fasal Kelantan dan juga daerah di Kelantan. Jadi maknanya, bagaimanakah *engagement* dilakukan dengan beberapa pihak memandangkan banyak pihak tidak bersedia dengan keadaan ini? Jadi kalau ada kajian dan pelan tindakan, mohon kongsi bersama dengan kami.

Keduanya ialah saya juga ingin bertanya, adakah kajian pernah dibuat juga oleh Kementerian Belia dan Sukan tentang *support system* yang memastikan pembangunan belia antara 15 tahun hingga 30 tahun ini berjalan dengan jayanya? Oleh sebab kita tahu, kita sebenarnya ikut standard antarabangsa. Akan tetapi di peringkat antarabangsa, *support system*-nya adalah berbeza. Contohnya kalau kita tengok di UK, 21 tahun itu sudah menamatkan pengajian ijazah dan cara mereka *groom leadership* di kalangan sekolah dan universiti juga berbeza dengan kita. Itu satu.

Ketiga pula, kalau kita tengok di sesetengah negara Komanwel dan juga di UK, mereka ada Majlis Kerja Belia Profesional untuk membangunkan bakat dan potensi belia secara profesional. Akan tetapi, *nature* di Malaysia ini kita tengok, tidak sampai 10 peratus pun orang yang terlibat dengan kerja belia ini mempunyai kelayakan akademik di bidang kerja belia.



Malah kalau kita tengok di peringkat Kementerian Belia dan Sukan sendiri, kita ada penjawat awam tetapi kita tidak ada pekerja belia profesional.

Jadi maknanya, dari segi *support system* itu bagaimana? Saya difahamkan juga, dari segi *support system* ini, sepatutnya dalam perbincangan ada juga dicadangkan supaya dimasukkan peruntukan berkaitan dengan kerja belia profesional. Akan tetapi kemudiannya kita tengok, tidak dimasukkan. Ataupun, adakah pihak Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk membangunkan akta kerja belia profesional selepas ini untuk menyokong perubahan umur 15 tahun ke 30 tahun ini?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya, apakah perancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan kesinambungan belia daripada NGO di bawah ROY kepada ROS? Oleh sebab kita tidak hendak apabila dia selesai daripada NGO bawah ROY, hendak masuk seterusnya itu, dia mati begitu sahaja *leadership*. Jadi saya cadangkan supaya ada jaringan yang jelas bagaimana hendak menyambungkan kepimpinan belia ini, satu.

Kedua, kena ada jaringan yang jelas bagaimana hendak memasyarakatkan belia. Apabila bercerita tentang masyarakat, antara perkara penting juga yang kita kena ambil perhatian ialah, bagaimana kita hendak menjadikan pertubuhan belia pada hari ini mesra wanita. Ada tadi yang membangkitkan, saya dengar Dewan Rakyat juga bangkitkan tentang isu keterlibatan wanita dalam pertubuhan belia.

Mengikut pengalaman saya, orang perempuan ini dia sangat suka untuk aktif dengan NGO. Akan tetapi kadang-kadang kita ini banyak beg tangan. Kita ada anak, kita ada suami ataupun kita ada kekangan pergaulan. Jikalau kita hendak *joint* NGO, kita tengok dahulu *nature* itu selamat ataupun tidak untuk menjaga maruah kita, pergaulan kita dan sebagainya, satu.

Kedua, dengan umur macam ini, biasanya kebanyakan daripada belia wanita ini dia ada anak kecil dan terikat dengan urusan rumah tangga. Biasa apa yang saya buat ialah, benda *simple* sahaja iaitu pertubuhan belia itu dia mesti mesra wanita seperti kalau ada program kah, mesyuarat kah, kena sediakan *nursery*. Memang idea saya ini macam kampung sedikit Tuan Yang di-Pertua, tetapi setakat ini macam berjaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Good.*

**Puan Asmak binti Husin:** Kedua, kalau kita hendak ajak orang perempuan *joint* NGO ini – Betul atau tidak Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying? Hendak cerita, ini perangai orang perempuan. Kalau hendak ajak orang perempuan pergi *joint* NGO boleh, tetapi kalau boleh hadkan pergerakan fizikal. NGO belia-belia kita pada hari ini kena memanfaatkan *WhatsApp*, *video conference* dan sebagainya. Macam saya pun *handle* beberapa NGO, banyak NGO juga saya *joint* tetapi tidak sempat masa untuk pergi secara fizikal sebab kita terikat dengan urusan rumah tangga dan kerjaya. Jadi kita banyak *settle*-kan mesyuarat

melalui telefon, *apps* dan sebagainya sebab sekarang zaman mudah. Akan tetapi kadang-kadang, ada juga di kalangan orang yang mungkin sudah lama ataupun di kalangan orang lelaki, dia tidak memahami situasi wanita seperti ini.

Satu lagi yang biasanya saya buat ialah kalau mereka hendak datang ke mesyuarat pertubuhan belia wanita ini, kita bantu dia apabila dia balik, dia bawa balik mangkuk tingkat. Maksudnya orang perempuan ini dia hendak keluar rumah boleh, tetapi kena *settle* basuh kain, masak, seterika kain.

Jadi kalau dia datang, kita *settle*-kan perkara-perkara tersebut, *in syaa Allah*. Itu adalah antara formula bagaimana satu-satu pertubuhan belia itu akan mendapat sokongan daripada pihak wanita. Apabila wanita ini menyertai sesuatu NGO ini, *in syaa Allah*, NGO itu akan menjadi lebih *details*, lebih baik, terurus dan sebagainya.

Seterusnya, saya juga untuk- akhir sekalilah, hendak menyinggung tentang *Youth Power Club*. Oleh sebab apabila saya banyak berbincang dengan adik-adik di bawah, mereka mesti akan *mention* tentang *Youth Power Club*. Jadi saya pun terfikir, sebenarnya apakah beza antara *Youth Power Club* dengan Majlis Belia Malaysia. Lalu saya senaraikanlah apa perbezaan, persamaan dialah. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah sebenarnya kedudukan *Youth Power Club*? Adakah... [*Dismasuk*] *Yes*.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Saya boleh mohon mencelah?

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pada asalnya hendak bagi nama untuk berbahas tetapi memandangkan banyak sangat perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator, so saya bercadang tidak berbahaslah.

Akan tetapi, tadi Yang Berhormat Senator ada menyebut tentang penglibatan kaum wanita yang saya rasa sangat tertarik. Oleh sebab saya rasa pentingnya penglibatan kepimpinan wanita ini diperkasakan. Bukan sahaja apabila mereka sudah berumur lepas 30 tahun sebab kerana *stability of the family* punya pembangunan tetapi perlu diperkasakan daripada di kalangan belia.

#### ■1810

Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator adakah satu keperluan perlu diambil ataupun dilihat oleh pihak kementerian tentang meng-*inculcate* ataupun mengambil peluang dengan adanya pindaan akta ini digalakkan juga kesedaran dan pemahaman tentang isu kesaksamaan gender.

Oleh sebab apabila kita bercakap tentang ketidaksamaan gender, kita serang akan menyatakan apabila kita bercakap tentang umur 30 tahun 40 tahun dan sebagainya. Akan tetapi pendidikan tentang kesaksamaan gender ini perlu diberikan seawal umur 15 tahun.

Maknanya di kalangan usia belia inilah. Maka saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator, adakah wajar bagi pihak kerajaan untuk mengambil peluang adanya pindaan akta ini dimasukkan juga selain daripada kepimpinan memperkasa kepimpinan kaum wanita.

Keduanya adakah wajar untuk diambil peluang ini untuk meng-*inculcate* ataupun memberi kesedaran di kalangan masyarakat belia tentang pentingnya ataupun adanya keperluan kesaksamaan gender terutamanya di negara kita yang sudah 24 tahun menandatangani CEDAW tetapi masih lagi tidak terlaksana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Saya rasa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Dato Hajah Fahariyah. Dato Sri. Selepas ini keluar terus dapat Dato Seri terus. Allah petang-petang. Yang Berhormat Senator Dato Fahariyah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia pun cakap *amin* hendak juga.

**Puan Asmak binti Husin:** Ya, *amin, alhamdulillah*. Selepas itu doa pula saya lagi dapat Dato' juga [*Ketawa*]

Saya sebenarnya sangat bersetujulah dengan pandangan mengenai kesaksamaan gender dan saya cukup terasa apabila masuk dalam pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan belia, kadang-kadang suara wanita kita ini kurang didengari ataupun di *down grade*-kan sebab dia rasa orang perempuan ini dia lebih sesuai jadi setiausaha, buat kerja-kerja di dapur, kerja-kerja kecil-kecilan. Sedangkan kita ini lebih daripada itu kita boleh buat.

**Seorang Ahli:** Setuju, setuju.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya mohon Tuan Yang di-Pertua agar dapat pihak kementerian sebab saya tidak berbahas agar dapat memberi respons tentang kesaksamaan gender ini dalam pindaan akta kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Terima kasih. Jadi saya masukan dalam petikan saya. Jadi saya mohon supaya kita memperjuangkan isu kesaksamaan gender dan melihat wanita ini dari perspektif wanita. Jangan lihat perspektif kita sebagai orang kedualah. Terutamanya kalau daripada wanita yang berasal daripada sekolah yang campur lelaki perempuan mereka lagilah ada perasaan hendak masuk dalam persatuan itu dia ada sedikit perasan *inferiority complex* berbanding dengan kita memang asal daripada wanita kita tidak peduli.

Seterusnya saya hendak cerita tentang tadi fasal *Youth Power Club*. Saya dapati bila saya kita *table*-kan antara perbezaan dan persamaan MBM dan *Youth Power Club*, jadi kita tengok lebih kurang sama. Saya ceritakan sedikit-sedikitlah. Pertama, tarikh penubuhan Majlis

Belia Malaysia ini ia telah wujud sejak tahun 1948. *Youth Power Club* dilancarkan pada 15 Mei 2019 hari itu dengan dana RM50 juta.

Akan tetapi keahlian *Youth Power Club* ini setakat ini saya dimaklumkan disandang oleh pihak-pihak berkepentingan politik. Jadi saya mohonlah sama ada benar kah tidak ia adalah dikatakan dia macam *open secret* seperti hendak mengembangkan parti politik ARMADA melalui DUN-DUN, Parlimen-Parlimen yang ada.

Jadi kalau kita tengok dari segi keahlian Majlis Belia Malaysia pula, kita ada tiga juta sebab dia telah berasal lama dan terdiri daripada pelbagai latar belakang, kaum, agama dan politik. Dari segi struktur, setakat hari ini kita tengok *Youth Power Club* kita masih tidak nampak penstrukturan yang jelas dan perkembangan itu ke arah mana. Akan tetapi kalau MBM ini dia sudah ada struktur yang jelas di peringkat akar umbi, negeri dan kebangsaan dan jawatan pun disandang hasil pemilihan pada mesyuarat.

Dari segi gerak kerja, MBM dan semua ahli ini dia bergerak berlandaskan Perlembagaan Pertubuhan yang dibentuk berpandukan Akta Pembangunan Belia. Akan tetapi kalau *Youth Power Club* saya tidak pasti dia sebenarnya bergerak atas akta apa ataupun atas asas yang mana. Seterusnya kalau kita tengok dari segi gabungan MBM ini terdiri daripada 38 badan gabungan dan tiga ahli bersekutu tetapi kalau dekat *Youth Power Club* dia akan ditubuhkan di dua-dua Parlimen. Jadi adakah dia akan berjalan seiring kah atau macam manakah atau selepas ini hendak ambil alih kah?

Sebab kita tengok dari segi pergerakan itu lebih kurang tetapi yang ini sudah lebih jelas. Dari segi jaringan global pula, MBM ini dia memang menganggotai Pertubuhan Belia Global seperti... eh

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti. Nanti. Habiskan yang ini dahulu.

**Puan Asmak binti Husin:** Yang Berhormat Senator Datuk Megat minat. Okey. Menganggotai Pertubuhan Global seperti *Asia Youth Council* dan lain-lain. Dari segi punca kuasa, MBM ini dia ada punca kuasa di bawah seksyen 49(1) tetapi *Youth Power Club* ini di bawah punca kuasa yang mana?

Dari segi merit pula, MBM ini dia ada *star rating* yang dikendalikan oleh ROY dan harus mematuhi kriteria tertentu iaitu seperti maklumat yang kena diberi iaitu laporan tahunan, penyata kewangan. Akan tetapi saya difahamkan *Youth Power Club* ini dana diperuntukkan tanpa merit dan *track record* sebagaimana SOP yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftar Pertubuhan Belia.

Jadi saya mohon penjelasan, apakah sebenarnya *Youth Power Club*? Adakah ia memberikan implikasi dari sudut dana dan sebagainya. Hendak juga? Bagi.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sebab benda ini Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh ambil

secara remeh. Ini isu masa depan negara kita ini. *I think the future of the country* ialah kita putuskan hari ini sebab kita hendak bercakap soal belia.

Jadi saya hendak minta penerangan pendapat Yang Berhormat Senator. Saya pun agak keliru sedikit bila soal *Youth Power Club* ini. Kita dilihat YPC ini ditubuhkan seperti hendak bersaing dengan *the existing* persatuan-persatuan belia yang sudah ditubuhkan puluhan tahun. *They have been there for years*. Mereka ini sudah melahirkan banyak seperti disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob sebagai pemimpin-pemimpin *now*, sekarang ini. Pemimpin-pemimpin negara.

Akan tetapi kerisauan kita dilihat macam ada satu persaingan yang diwujudkan untuk mengetepikan persatuan-persatuan belia yang ada. Nanti kita takut perlahan-perlahan mati dan ini akan menjadi tidak baik untuk negara kerana belia-belia yang sudah ada ini akhirnya mereka hilang arah.

Jadi adakah Yang Berhormat Senator setuju bila Yang Berhormat Senator sebut soal YPC ini? Saya pun *concern* soal ini, dilihat seperti ada agenda politik bukan khususnya untuk agenda pembangunan belia. Kalau kita bercakap soal belia kita mesti berani untuk menyatakan sebab apa ini ditubuhkan? Seperti hendak diwujudkan persaingan baharu. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Senator?

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Megat. Saya rasa saya panjangkan soalan tersebut kepada Yang Berhormat Menteri. Sebab bila saya tengok saya seakan bersetuju sebab bila saya susun dia punya data ini. Eh, lebih kurang sama. Akan tetapi yang ini sudah struktur jelas tetapi yang ini masih strukturnya tidak jelas, tetapi seakan-akan bersaing. Jadi kalau betul lah pandangan kami mohon juga klarifikasi kalau tidak betul mungkin boleh bagi penjelasan betul ataupun tidak betul lah.

Jadi saya rasa sampai itu sahaja perbahasan saya untuk kali ini. Jadi saya sebagai orang yang lebih tua ingin memberi sedikit teguranlah supaya mungkin *engagement* supaya selepas ini dilakukan dengan lebih baik termasuklah dengan *engagement* dengan pihak Dewan Negara macam saya sebut semalam dalam taklimat.

Mungkin sedikit nasihat daripada saya kalau kita tarik rambut itu biar tepung itu tidak berkecah jangan berterabur. Sebab belia ini sebenarnya adalah masa depan kami. Kami tidak lama dah hendak pergi ini tetapi belialah yang akan mengambil alih tempat kami. Jadi sekian sahaja *wallahu'alam bissawab. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

**6.18 ptg.**

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Pindaan ini merealisasikan umur belia di Malaysia daripada 15 hingga 40 tahun kepada definisi baharu iaitu 15 hingga 30 tahun. Ini sekali gus meletakkan Malaysia di kalangan negara-negara progresif dunia dan menepati definisi antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan pindaan ini, maka isu, masalah dan pencapaian belia negara kita boleh diukur dengan sebenar-benarnya dengan piawaian antarabangsa. Contohnya, *World Youth Report*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh PBB mendefinisikan belia sebagai 15 sehingga 24 tahun serta mengiktiraf definisi beberapa negara dunia sebagai sehingga 30 tahun.

Jika belia Malaysia masih ditakrifkan sebagai 15 hingga 40 tahun, maka ukuran terhadap belia Malaysia dalam laporan sebegini akan tersasar dari kategori belia sedunia dan justeru memberikan gambaran yang kurang tepat. Jangan pula dunia guna satu piawaian kita pula menjadi jaguh kampung menggunakan piawaian yang lain. Jika kerajaan ingin melihat kepada pembangunan belia yang lebih dinamik dan menepati cabaran dunia masa kini maka langkah ini merupakan langkah yang amat dialu-alukan.

**■1820**

Oleh itu, saya melihat langkah pindaan ini sebagai rasionalisasi dan penyelarasan semula, dengan izin, *readjustment*, agar belia Malaysia berada di dalam kategori yang betul dan tepat dengan definisi antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyokong pindaan Akta 668 ini, saya juga ingin membawa kebimbangan anak muda dalam empat aspek.

Pertama sekali, walaupun kita sedar bahawa pindaan ini hanya akan memberi kesan kepada pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Belia- *Registrar of Youth*, jumlah pertubuhan belia di bawah Pendaftar Belia bukan satu angka yang kecil. Kita telah dimaklumkan ada lebih kurang 9,000 pertubuhan belia yang berdaftar di Malaysia. Di kalangan mereka hanya pemimpin berumur di bawah 30 tahun hanya merangkumi 44 peratus daripada jumlah keseluruhan kepimpinan pertubuhan belia.

Maka, sebahagian besarnya masih berumur 30 tahun ke atas. Kita sedia maklum bahawa kronologi ke arah pembentangan rang undang-undang ini sudah pun bermula sejak tahun 2011 di bawah pentadbiran kerajaan lama. Namun, pergerakan untuk merasionalisasikan umur belia amat perlahan sekali. Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu pertubuhan belia menghadapi peralihan kategori umur tersebut?

Kedua, terlebih dahulu kerajaan telah berjanji untuk mengesyorkan pelantikan belia sebagai Ahli dalam Dewan yang mulia ini. Saya amat mengalu-alukan cadangan tersebut. Namun, setelah setahun kita masih belum nampak cadangan tersebut direalisasikan.

Bayangkan jika kita sudah ada ahli-ahli di kalangan belia pada hari ini, maka mereka juga akan terlibat sama untuk membahaskan rang undang-undang yang mempunyai kepentingan terhadap golongan belia ini. Dengan pengenalan pindaan Akta 668 dan juga pindaan Perlembagaan untuk menurunkan had umur pengundi baru-baru ini di Dewan Rakyat, maka saya lihat masanya sudah sesuai untuk memperkenalkan ahli dari kalangan belia dalam Dewan yang mulia ini.

Selain itu, saya berasa adalah sesuai untuk kita menurunkan umur minimum keahlian Dewan Negara daripada 21 tahun kepada 18 tahun sejajar dengan perkembangan terbaru ini. Umur keahlian Dewan Rakyat dan Dewan Negeri sudah pun diturunkan kepada 18 tahun, mengapa tidak penyelarasan dalam Dewan yang mulia ini? Jangan pula seluruh Malaysia sudah maju ke hadapan, kita pula ketinggalan.

Ketiga, saya berpendapat belia bukan sekadar belia berpersatuan. Sebenarnya belia berpersatuan berjumlah lebih kurang tiga juta orang sahaja. Ini mengambil kira jumlah populasi belia negara lebih kurang seramai 15 juta orang berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan pada tahun 2018, hanya 20 peratus sahaja yang berpersatuan. Kita ucapkan syabas dan terima kasih kepada belia berpersatuan di atas sumbangan mereka kepada masyarakat, terutamanya di bawah kepimpinan Majlis Belia Malaysia yang sudah pun berumur 71 tahun pada tahun ini.

Namun, kita perlu sedar bahawa belia yang tidak berpersatuan juga amat aktif memberikan sumbangan dalam pelbagai sektor di negara ini. Walau bagaimanapun, mereka sering kali tercicir daripada radar dan pandangan kerajaan, terutamanya Kementerian Belia dan Sukan. Dalam aspek ini, apakah rancangan kerajaan untuk mengenal pasti pergerakan belia secara informal dan yang tidak berpersatuan ini? Apakah strategi kerajaan untuk *engage* mereka ini?

Akhir sekali, kita perlu melihat perkara ini di luar lingkungan pertubuhan belia semata-mata. Cabaran belia pada masa ini ialah dalam sektor pendidikan, pekerjaan, perumahan dan sebagainya. Ramai anak muda tertanya-tanya di mana mereka di dalam arus pembangunan negara? Kadar pengangguran anak muda terus mencatat angka yang lebih tinggi. Malah, dua sehingga tiga kali lebih tinggi daripada kadar pembangunan kebangsaan. Mereka yang ada kerja pun belum pasti mempunyai kualiti pekerjaan yang dituntut.

Dalam aspek ini, saya mencadangkan agar kerajaan mengemukakan satu pelan pembangunan yang memberikan fokus kepada belia, khususnya yang menyimpulkan pelbagai strategi pembangunan negara ini. Contohnya, rancangan Malaysia, pelan pembangunan pendidikan Malaysia, dasar keusahawanan negara dan sebagainya dari perspektif belia dengan taksiran umur belia yang baharu ini.

Bukan maksud saya untuk mewujudkan pelan baharu tetapi jangan kita biarkan anak muda lemas dalam banyak dokumen penting ini. Biarlah kerajaan mengeluarkan satu dokumen rasmi yang memberikan kesimpulan kepada semua dasar-dasar dan pelan strategik negara dengan penekanan kepada belia. Saya yakin pihak Kerajaan Pakatan Harapan akan terus berusaha untuk pembangunan sektor belia di Malaysia.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan- Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman, Yang Berhormat Menteri yang paling muda dalam sejarah kita serta Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau- Tuan Sim Chee Keong di atas usaha dan pencapaian dalam setahun ini. Prestasi mereka menunjukkan bahawa orang muda mampu memimpin dan mampu mengecap kejayaan jika diberikan peluang. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Khairul, mahu bahas? *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Senator.

**6.26 ptg.**

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak pendek, panjang sahaja. Jadi, saya mahu mengambil kesempatan di sini. Pertama, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kita yang tadi ada tetapi sudah tiada.

Jadi, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong sampaikan. Pertamanya, Dewan Negara ini- esok kita akan ada undi pindaan Perlembagaan untuk menurunkan had umur ataupun tahap umur pengundi kita kepada 18 tahun. *In syaa Allah*, kita akan berikan sokongan penuh kepada pindaan Perlembagaan tersebut.

Jadi, Yang Berhormat Menteri kita ini dia punya *take-off*, penerbangan *flight* itu sudah cantik, Tuan Yang di-Pertua. Cantik, dia *pilot*, kita ini semua penumpang. Jadi, dia bawa kapal terbang itu elok, bila hendak *landing* itu, *landing* yang penuh dengan *turbulence* dan juga penumpang tidak selesa. Kita pun tengok di luar tingkap kapal terbang, tidak ada cuaca buruk atau hujan kah apa. Mungkin hendak kata teknikal pun tidak, pesawat itu sempurna. Akan tetapi mungkin dia punya pengendalian dia lari sikitlah. Saya fikir. Jadi, apabila *landing* itu, dia *rough landing* sikit, kita pun tidak selesa lah.

Ada yang kadang-kadang penumpang pun *start lah*— Ha, silakan Yang Berhormat Menteri kita *[Ketawa]* *Pilot* kita. Saya rekodkan ucapan tahniah *in advance for you* dalam usaha *you* untuk menggerakkan penurunan umur undi pada 18 tahun, *in syaa Allah* kita akan sokong semua.



Akan tetapi untuk rang undang-undang yang ada petang ini, saya ingat *you* punya *landing* itu *rough* sedikit, Yang Berhormat Menteri ya. Jadi, kenapa? Barangkali saya fikir mungkin kalau Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalannya bersifat jiwa besar dan sanggup menerima teguran dan juga *argument* yang sedikit kritis, *in syaa Allah* saya yakin masa hadapan negara akan lebih baik dan lebih cerah. Ini kerana tadi ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semuanya mengatakan sokongan terhadap rang undang-undang ini tetapi disulami dengan teguran, disulami dengan cadangan-cadangan supaya ia dapat ditambah baik demi masa hadapan anak cucu kita semualah.

Cuma, saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, di penghujung ini teguran-teguran itu sempat dimasukkan dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri atau tidak, ataupun mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan kenyataan *statement of commitment* ataupun *undertaking of commitment* di Dewan ini supaya dapat direkodkan bahawa *in syaa Allah* selepas diluluskan, *you* akan masukkan juga cadangan-cadangan, penyelesaian dan rekomendasi yang telah diberikan itu sebagai jalan penyelesaian ke atas apa jua kemelut ataupun isu yang telah wujud.

Ini kerana hari ini, di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum kalau apa yang dibawa dari Dewan Rakyat, di Dewan Negara kita bersifat *bipartisan*, kita bersifat pemimpin-pemimpin individu yang ingin mengadakan semak dan imbang yang berwibawa. Ada perkara-perkara yang hari ini walaupun kita terdiri daripada pelbagai ideologi politik tetapi kalau kita percaya ini satu kepentingan masalah umum, maka kita boleh duduk semeja untuk memastikan kalau perlu kita tolak sama-sama rang undang-undang tersebut, ia boleh digerakkan secara *bipartisan*.

Jadi, untuk itu saya minta Yang Berhormat Menteri, saya mahu menegur sikit, dalam hal ini kenapa apabila satu kenyataan telah dibuat semasa perhimpunan Hari Belia Negara, telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, setuju had umur itu pada 35 tahun. Saya tidak pasti apa yang berlaku di sebalik tabir, mungkin Yang Berhormat Menteri akan sebut pada kita pada petang ini. Tiba-tiba ia berubah kepada had umur 30 tahun.

#### ■1830

Kemudian, kami di Dewan Negara ini pun didatangilah oleh kepimpinan kelab-kelab, persatuan-persatuan belia yang ada minta dibangkitkan hal ini, kerana apa? Mereka telah menyatakan telah menerima komitmen daripada Yang Berhormat Menteri bahawa had umur itu daripada 40 tahun hanya akan diturunkan kepada 35 tahun. Jadi, mungkin Yang Berhormat Menteri ada penjelasan selepas ini.

*In syaa Allah*, saya juga mendengar tadi daripada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob kita, daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak dan daripada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Kita hendak lihat juga bahkan Yang Berhormat Senator 'tok abah' pun

sebut. Apabila Yang Berhormat Menteri kita menyatakan hendak turun daripada umur 40 tahun ke 30 tahun, sekali gus wujud satu kumpulan ataupun kelompok kepimpinan sedia ada yang umurnya 30 tahun ke 40 tahun ini tiba-tiba hilang.

Saya fikir satu apa yang boleh kita sebut *gap* kepimpinan ataupun- kerana tiba-tiba yang umur pemimpin hari ini 31 tahun hingga ke 40 tahun apabila diturunkan ini, maka mereka ini sudah hilang tempat bergantung ataupun khemah besar mereka itu tiba-tiba *just gone*. So, saya minta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator 'Tok Abah', apa perancangan sebenar oleh pihak kerajaan? Sama ada kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri ataupun kementerian-kementerian yang lain ke atas kelompok yang tiba-tiba hilang khemah yang telah menaungi mereka sejak sekian lama ini.

Dalam hal itu juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apa terjadi dengan *engagement* oleh Yang Berhormat Menteri dengan kumpulan-kumpulan pemegang taruh termasuk kerajaan-kerajaan negeri?

Kalau Yang Berhormat Menteri telah berjaya *engaged* dengan baik apabila usaha untuk menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun, kenapa perkara, akta ataupun rang undang-undang yang diperkenalkan ini iaitu pindaan kepada Akta 688 ini tidak dibuat *engagement* secara menyeluruh? Seperti mana yang telah Yang Berhormat berjaya buat untuk menurunkan umur pengundi kepada 18 tahun.

Dalam hal ini, saya dapat lihat dan semua umum pun sedia maklum negeri Sarawak tidak bersetuju. Sebelum ini, kita dengar negeri Johor, negeri Perlis dan ini ada senarai panjang negeri-negeri yang tidak setuju. Ada negeri yang setuju pun telah menetapkan syaratnya dan ada pula negeri yang setuju menyatakan ini perlukan transisi selama empat tahun.

Jadi, sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini telah mencipta satu persepsi bahawa kerja baik yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ini sebenarnya, "*Seperti melepas batuk di tangga*". Jadi, terus tercipta persepsi yang secara tidak langsung telah menimbulkan imej yang kurang baik ataupun negatif terhadap Kementerian Belia dan Sukan sendiri.

Ini kerana apabila secara terbuka, kerajaan-kerajaan negeri kata tidak menerima cadangan tersebut. Bahkan pula yang mengejutkan kita ada kementerian di Putrajaya iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan yang mengatakan mereka tetap tidak mengiktiraf belia ini pada kadar umur 40 tahun. Jadi, perkara ini perlu diperjelaskan. Mungkin saya minta kerajaan boleh melihat apa isu sebenar.

Ini kerana hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bangkitkan pada penggal yang lalu sewaktu mantan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat

Dato' Seri Zahid Hamidi. Saya pernah bangkitkan satu persoalan, kita ada Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)...

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** *[Bangun]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Kita ada- sekejap Yang Berhormat. Kita ada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Sekarang ini, kalau saya hendak menubuhkan satu persatuan belia untuk menaungi umur belia ini sehingga 40 tahun, saya masih boleh. Saya tidak perlu daftarkan kelab saya di bawah ROY. Saya daftarkan di bawah ROS dan saya boleh tetap menggunakan nama persatuan saya itu untuk melambangkan orang-orang muda. Sebagai contoh, Kelab Orang-orang Muda Azwan *Bro*. Akan tetapi, saya daftar di ROS...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya tidak daftar di ROY. Cuma bezanya... *[Disampuk]* Yang Berhormat Senator Datuk Razali akan *volunteer* jadi ahli itu *[Ketawa]*

Akan tetapi bezanya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya buat Kelab Orang Muda Azwan *Bro* saya daftar ke ROS, bezanya saya tidak akan dapat bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Betul Yang Berhormat? Ini kerana tidak tertakluk di bawah bidang kuasa ROY tetapi saya tetap boleh cari kementerian-kementerian lain. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Usahawan yang sanggup menerima kumpulan-kumpulan orang muda yang berumur lebih 30 tahun.

Jadi, hal ini telah menyebabkan banyak perbezaan yang wujud tidak semena-mena yang akhirnya rakyat jadi *confuse*. Anak muda jadi *confuse*. Jadi, ini perlu satu penyelarasan dari segi polisi kah atau dari segi pelaksanaan kah saya tidak pasti. Mungkin gunalah ruang dan peluang pada hari ini. Mungkin waktu penggulungan saya minta Yang Berhormat Menteri secara ikhlas. Kalau berlaku pun sedikit kekhilafan, kelemahan sebelum ini kita akui sahaja dan kita cari jalan penyelesaian. Kenapa?

Saya dapat lihat apabila kejayaan Yang Berhormat Menteri membawa secara peribadi bertemu dengan seramai mungkin Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, seramai mungkin Menteri-menteri Besar untuk meyakinkan mereka supaya terima pindaan Perlembagaan. *Alhamdulillah*, pada hari ini kita sudah berjaya pun, Dewan Rakyat sudah lulus pun dua pertiga pindaan Perlembagaan. Esok *in syaa Allah*, dua pertiga lagi. Kalau tidak pun 68 orang... *[Disampuk]* Tidak pun 100 peratus, 67 orang- dua pertiga pasti kita akan dapat. Akan tetapi, dah hal ini berlaku *landing-nya* sedikit *rough*.

Jadi, minta saya minta Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya fikir orang muda yang sangat meyakinkan rakyat Malaysia, masa hadapan terletak pada tangan Yang Berhormat berdua, pastikan perkara ini tidak berulang. *In syaa Allah*, saya yakin kepimpinan Majlis Belia Malaysia ini pun bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri. Mereka akan mendukung aspirasi Yang Berhormat Menteri. Cuma,

tolonglah dengar sedikit rintihan mereka. Tolonglah beri perhatian sedikit rintihan mereka. Kalau boleh kita pemimpin politik ini kadang-kadang ego kita tinggi. Kita kurangkan sedikit suhu ego kita, *insya-Allah* selesailah semua perkara. Jadi, itu...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** [*Bangun*]

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** ...Hendak juga. Okey, silakanlah [*Ketawa*]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya- apabila di penghujung Yang Berhormat Senator Khairul Azwan sebut soal ego ini, saya bersetuju. Oleh sebab saya fikir Yang Berhormat mesti setuju, tadi saya juga dengar Yang Berhormat sebut Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dah menunjukkan satu contoh yang paling baik.

Saya tahu Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan hantar mesej kepada Yang Berhormat Dato' Seri Najib hendak jumpa dan akhirnya berjumpa. Itu dah mengetepikan ego. Pada kita satu contoh yang baik yang perlu kita berikan tepukan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Ini kerana anak muda yang mempunyai sikap seperti itu... [*Tepuk*] Menghormati yang tua, berjumpa sehingga akhirnya satu sejarah tercipta.

Akan tetapi, sejarah ini bukan kerana sejarah Pakatan Harapan sahaja. Sejarah ini dicipta oleh kedua-dua blok sebenarnya. Kalau satu blok tidak menyokong, sejarah itu tidak tercipta. Akan tetapi, digerakkan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini saya kena akui. *You initiate the whole thing*. Jumpa dan ambil- akhirnya, kendurkan perasaan kalau ada ego dan ada- Ini orang tua, ada perasaan marah kadang-kadang tetapi *you have low it down*. Saya puji yang itu.

Jadi dalam hal isu ini Yang Berhormat, saya pun tadi sudah bercakap dua tiga kali dalam pencelahan. Ini kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulangi sekali lagi kerana kita tengok ramai. Saya tengok kerana isu ini isu yang paling penting. Oleh sebab itu, saya hendak ucap tahniah. Yang Berhormat Menteri ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada. Maknanya mereka ambil benda ini serius dan kita tengok pemimpin-pemimpin belia kita datang dua hari berturut-turut sebab mereka nampak *this is not a laughing matters*. Ini bukan soal kecil, Tuan Yang di-Pertua. Ini soal *the future of the country*.

Jadi, saya yakin Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat- *aamiin, aamiin, aamiin* [*Ketawa*] Saya hendak menyertailah tadi Kelab Azwan *Bro* itu [*Ketawa*] Mana tahu boleh berjangkit sama. Jadi, adakah Yang Berhormat Senator Khairul Azwan setuju di Dewan Negara ini kerana kita seperti kata Yang Berhormat tadi, awal ya kita sudah menjalankan Dewan ini *by...*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Partisan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** ...*By* partisan, kita tidak ambil itu. Kalau boleh dirunding di saat-saat akhir ini. *At least* belia di luar ini dengar,

*there is another history* yang di-create oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan negara kita di saat-saat akhir. Ini kerana Dewan Negara inilah, *the last lap* yang ada harapan belia. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya, betul. Ya, saya sangat-sangat setuju Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Senator Datuk Megat. Dewan Negara- sikit lagi. Dewan Negara kalau secara *by partisan* ada pelobi-lobi handal di luar sana yang melobi kita jauh lebih awal. Saya fikir boleh kalau kita hendak *delay* rang undang-undang ini tempoh satu tahun.

Akan tetapi, kita bukan berhasrat dan hendak buat perkara itu pun. Cuma, saya minta pada penggulungan nanti, saya tidak pasti Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan menggulung. Tolong nyatakan komitmen dan akur janji bahawa Yang Berhormat Menteri akan buat apa yang antara-antara cadangan yang sangat bernas dan baik yang datang daripada beberapa Ahli Yang Berhormat Senator kita.

Antaranya pastikan ada dana untuk melatih bakal-bakal pemimpin muda yang akan mengambil alih daripada abang-abang mereka yang umurnya lanjut lebih 30 tahun ini. Tiba-tiba hilang ini, hendak ambil alih ini bukan senang. Ini bukan soal *fund raising* sahaja Yang Berhormat Senator Datuk Megat, ini hendak membuat minit mesyuarat pun belum tentu lagi mereka tahu ataupun tidak. Apatah lagi waktu itu mereka baru meninggalkan persekolahan, baru meninggalkan kolej, baru meninggalkan universiti, baru hendak ber-*dating*, baru hendak mengenali dunia. Waktu itu pun hendak jadi pemimpin, lama-lama diri mereka pun tidak terurus.

Kita semua pernah melalui hal ini, kebanyakan daripada kita semuanya pemimpin belia sebelum ini dan saya minta sekali lagi Tuan Yang di-Pertua moga-moga Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kita dapat mendengar luahan hati kita pada hari ini. *In syaa Allah*, kita akan capai satu kata putus yang akan menjadi saya fikir sejarahlah untuk masa hadapan anak-anak muda kita yang *in syaa Allah*, akan terus baik sampai bila-bila masa. Sekian, saya mohon menyokong.

#### ■1840

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Bolehkah saya mencelah sebelum menggulung. Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Megat sudah potong *trip [Ketawa]* Saya hendak tanya Yang Berhormat mengatakan ada sesetengah negeri tidak akan setuju.

Soalan saya ialah bila ada percanggahan yang mana *prevail, Federal Law* atau *State Law? Under Article 7* memang *Federal Law* yang *take precedence*. Apa pendapat Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya macam ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya melihat ini, belia ini satu Senarai Bersama- *Concurrent List* iaitu perkongsian.

Bermakna ada kerajaan negeri soal contoh *monetary budget*, duit perlu datang daripada Kerajaan Persekutuan dan duit juga perlu datang daripada kerajaan negeri untuk sama-sama melabur dalam soal pembangunan belia sebagai contoh. So, dalam hal ini kita tidak boleh lari daripada- inilah janji antara kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan apabila kita menubuhkan Persekutuan Malaysia.

*I mean, you are very- I am sure you are well aware of this.* Cuma pandangan saya apabila berlaku perbezaan pendapat daripada Kementerian Belia dan Sukan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Sebagai contoh, kita dapat tahu senarainya *I think* Yang Berhormat Menteri akan jelaskan. Sebelum ini kita dengar Sarawak, Johor, Selangor, Perlis, ada lagi tiga. *I mean you can add on later* tapi saya dapat lihat selepas itu *subsequent event*, ada usaha daripada Yang Berhormat Menteri untuk bertemu dengan Menteri-menteri Besar setiap negeri tapi akhirnya ada setengah lagi masih menetapkan *no, they stick to age 40*.

Akan tetapi *correct me if I am wrong*. Mungkin definisi negeri buat itu adalah untuk mendefinisikan umur bagi belia iaitu masih tetap berumur 40 tahun tapi untuk persatuan belia yang bernaung di bawah ROY, itu mungkin mereka boleh terima umurnya 30 tahun. Saya tidak pasti, yang itu mungkin pada pandangan saya.

Oleh sebab itu saya bangkitkan tadi. Kalau ada persatuan belia yang ada individu, pemimpin belia yang hendak menubuhkan persatuan belia tetapi tidak mahu mendaftarkan di bawah ROY, mereka boleh saja buat di bawah ROS. Termasuk kalau yang ada duit sikit, mereka buat terus di bawah SSM, buka syarikat terus. Syarikat dia, Syarikat Belia Datuk Megat Zulkarnain Sdn. Berhad pun boleh juga.

Jadi macam-macam boleh buat. Sebenarnya belia memerlukan satu rumahlah, *they need a vehicle, they need a home for them to* mungkin *to express and to explore the potential in them*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu cukuplah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan, Yang Berhormat.

**6.43 ptg.**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih. Ingat sebut Datuk Yusmadi tadi [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah boleh bilang sudah berapa kali [*Ketawa*]

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Kalau tiga kali jadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan satu rang undang-undang yang sangat penting dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana hadir memberi komitmen.

Saya ingin cuba berbahas perkara yang mungkin tidak dibahas. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, belia ini kita andaikan

undang-undang akan menjawab kepada kelesuan belia sebab tadi kita antara yang di mukadimah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah kenapa perkara ini dibuat, kelesuan, kelesuan, kelesuan. Cuma hari ini saya hendak cakap khusus saja mengenai yang saya tahu. Saya hendak cakap fasal belia kampung saja. Saya tidak hendak cakap fasal belia di bandar sebab saya pun kebetulan Yang Berhormat Datuk Haji Megat dengan rakan saya Azwan Bro, saya tidak pernah masuk pun persatuan belia. Tidak pernah Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ya lah. Persoalan ditanya kenapa tidak masuk.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tidak, itu penting sebab itu kita mengandaikan belia ini ialah satu kelompok yang macam *spartan* tetapi ada orang suka di forum. Ada orang nampak mendidik belia di *spartan*. *Spartan* ini tinggal di mana? Di berek sebab itu ada berfikir membangunkan modal insan, gaya pendekatannya *national service*. Dulu tidak, kalau forum tidak, dia bagi falsafah, dia pendidikan, dia baca buku. Itu dua sisi yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang mengandaikan belia ini ialah satu kelompok yang perlu 'diperundangkan'. Kalau belia ini dikaitkan dengan uniform. Kalau sekarang ini pula saya tengok belia hari ini pula kalau tidak berpersatuan ini tidak cukup belialah. Seheinggakan kami di universiti dulu, "*Ini mat belia lah kalau pakai baju batik itu*". Itu benda-benda yang sebenarnya realiti kenapa orang macam kami tidak hendak masuk persatuan belia. Malah kami anti persatuan-persatuan belia kadang-kadang. Ini cakap jujur. Tidak tahulah, Menteri saya mungkin pengalaman berbeza.

Saya tidak masuk daripada sekolah sampai universiti tetapi kalau belia itu dimasukkan satu anak muda yang aktif dalam masyarakat, saya boleh cakap saya main bola. Main bola ke tahap yang agak tinggi juga. Saya aktif dalam masyarakat.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya celah sikit boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh, boleh, boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Sebab, terima kasih Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sebut tidak pernah masuk persatuan belia. Soalan saya pendek saja, Yang Berhormat pernah jadi ahli pemuda UMNO atau tidak?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ini pun satu soalan yang bagus.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Akan tetapi persoalan dia kenapa saya *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Jawab dulu.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terus terang cakap, tidak pernah... *[Disampuk]* Tidak pernah. Pemuda Keadilan pun, Angkatan Pemuda Keadilan, ini saya cakap eksklusif dalam Dewan, sajarah untuk petang-petang. Saya aktif dalam Gerakan Reformasi tahun 1998 tapi ketika mana diberi peluang untuk bertanding di Balik Pulau tahun 2008, barulah saya- itu pun sebab orang kampung saya tanya, "Ini apa, bukan ahli Keadilan masuk ini bertanding?" Saya berjuang atas dasar reformasi sebab bagi saya orang muda mesti berani, orang muda mesti menyatakan sikap. Saya bukan ahli parti tapi 2008...

**Datuk Razali bin Idris:** Sikit lagi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ini cerita perbandingan. Ada lagi?

**Datuk Razali bin Idris:** Sikit saja.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh Tuan Yang di-Pertua ya? *[Ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Tadi soalan pendek, ini hendak terang sikit. Jadi maksud saya. Belia ini 90 peratus dia di kalangan ahli Pemuda UMNO, betul?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rekodkan. Seumur hidup saya, saya tidak pernah jadi ahli kelab belia ataupun persatuan belia mana-mana *[Ketawa]* Terus terang, jadi saya hanya jadi ahli Pemuda UMNO saja.

**Datuk Razali bin Idris:** Jadi sekarang oleh sebab itu kalau kita tengok sekarang, memang belia dia tidak setuju. Ahli-ahli belia yang sekarang ini dia tidak bersetuju dengan 30 tahun sebab yang ada pemimpin-pemimpin di peringkat atasan, politik, semuanya di kalangan bekas-bekas, ada sebahagian besarnya bekas pemimpin belia tetapi mereka di kalangan Menteri daripada UMNO.

Jadi siapa yang dulu ada sebahagiannya yang hendak jadi calon, dia mesti berada di dalam pemimpin belia di peringkat kawasan, di peringkat bahagian. Oleh sebab itu hari ini saya bersetuju sangat Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya belia ini dihadkan umur 30 tahun. Jangan bagi lama. Kalau bagi lama dia makin kuat, dia makin pertahan. Oleh sebab itu saya tanya soalan tadi.

Jadi yang mempertahankan sekarang ini bukan kerana kemampuan tetapi untuk mempertahankan kuasa. Ini pandangan sayalah. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sebenarnya itu *point* saya yang berikutnya. Jadi saya hendak tahu apa masalahnya. Saya hendak cakap fasal nepotisme, saya hendak cakap fasal kronisme. Okey, poin pertama saya cakap, adakah kelesuan belia itu disebabkan oleh undang-undang, sebab umur? Saya rasa belia di kampung yang aktif apa semua dia tidak nampak pun umur itu sebagai satu perkara. Ini pada pandangan sayalah.

Akan tetapi belia itu mungkin kategori belia lain, belia tidak berpersatuan tetapi kalau belia yang dimaksudkan ialah satu kelompok masyarakat yang muda, yang terlibat dalam buat



kerja masyarakat, bagi saya itulah belia. Bukan mereka ini yang berpersatuan, ada nombor ahli. Bukan! Ini pandangan saya, pertama dan kedua.

Jadi perkara itu kita perlu jelas bahawa sebenarnya kelesuan belia tersebut bukan isu undang-undang semata-mata. Jadi saya mencadangkan kepada rakan saya, anak muda, saudara Tuan Syed Saddiq. *Sorry* sebut nama. Tidak apa ya? Bahawa sebenarnya peranan undang-undang dalam memastikan kelesuan belia itu terhindar, terhakis, hanya sedikit sahaja. Undang-undang sikit saja. Kadang-kadang isunya ruang, peluang dan keyakinan dan yang saya maksudkan di sini ruang ialah mengenai *opportunity*.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua pun tahu Perlembagaan menetapkan hendak jadi Senator ini, Perlembagaan sudah letak sudah 30 tahun ke atas. Berapa ramai Senator sepanjang terwujudnya Dewan Negara ini yang berumur 30 tahun, 31 tahun? Tidak ramai. Undang-undang sudah bagi sudah. Kenapa tidak ramai? Mungkin ada isu lain. Isunya tadi, isu *vertical*. Apa isu *vertical*? Ialah, bukan *horizontal*. *Vertical* ini maksudnya dia tinggi, jauh. Hendak jadi Senator ini kena jadi kroni itu, kena jadi kroni ini, yang mana benda itu tidak dekat Yang Berhormat Datuk Haji Megat dengan anak muda.

#### ■1850

Jadi sudah ada sebenarnya penggubal undang-undang negara- mungkin dekat situ kita panggil *Reid Commission*- Suruhanjaya Reid Tuan Yang di-Pertua, sudah fikir sudah kenapa senator ini layak orang yang umur 31 tahun. Maksudnya 30 tahun ke atas, jadi kalau 30 tahun boleh kah? Kalau 30 tahun ke atas, 31 tahun ya? Akan tetapi dekatlah, tidak ada bezalah. Jadi, sudah diiktiraf sejauh itu, seawal tahun 1950-an. Akan tetapi kita sekarang ini baru hendak bahas tahun 2019.

Jadi, dalam saya mengucapkan tahniah kepada rakan saya, sebenarnya perkara itu perlu difikirkan. Oleh sebab itu apabila saya melihat Tun Dr. Mahathir ada mengatakan di satu ruang bahawa peluang akan diberikan kepada anak muda untuk menjadi senator, saya galakkan. Itu sebahagian daripada cadangan reformasi kita jugalah. Anak muda dan juga kesaksamaan gender. Itu salah satu benda yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah yang saya kena rekod. Saya bangga.

*Point* yang kedua yang ingin saya bahaskan ialah yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Di kampung, Tuan Yang di-Pertua, orang itulah ketua pemuda parti itu, orang itulah belia 4B, orang itulah GPMS, orang itulah kadang-kadang juga jaga belia dekat masjid... [*Disampuk*] Ya, kan?

Jadi, *point* yang saya hendak cakapkan di situ ialah maksud yang saya bahaskan di sini ialah dalam masyarakat, ia sekurang-kurangnya ada kerajaan, ada NGO, ada orang meniaga dan ada juga orang tak nak berpersatuan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tok imam, jadi pastor. Itu *sovereign* individu. Akan tetapi mereka ini, Yang Berhormat Datuk Megat, sangat

berpengaruh dalam masyarakat. Hatta kita hendak kempen katakan HIV-AIDS, kadang-kadang tok imam lebih berpengaruh daripada tokoh-tokoh belia. Sebab, dia ada keyakinan. Kadang-kadang saya rasa tok-tok sami di *temple-temple* pun sangat berpengaruh dan itu terbukti.

Akan tetapi persoalannya, kenapa jadi begitu? Ini kerana selama ini, ini yang saya rasa- bukan salahlah. Rakan saya tidak sebut tadi. Kita sudah jadikan institusi belia ini satu bahan politik, *the contest of political influence*, sehinggakan orang yang sama memimpin persatuan belia dalam kampung, orang yang sama pimpin satu organisasi belia yang sepatutnya tidak berpolitik. Saya kena sebut. GPMS, semua ini bagus sejarahnya. Sebut lagi macam-macam. Apa lagi? Belia 4B, semua ini bagus. Oleh sebab itu dia ada pemimpin dahulu macam Tun Abdullah Badawi yang asalnya GPMS, MBM ini, mana boleh tidak bagus. Dekat situlah semua pemimpin belia yang hari ini seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim dan sebagainya, semua di situ.

Jadi, yang ingin saya minta bantuan Yang Berhormat Menteri ialah bagaimana kita hendak menghilangkan masalah kronisme, nepotisme ini. Benda itu sebenarnya yang anak muda hendak ruang, peluang dan keyakinan. Bukan lagi dihantui dengan perkara yang saya kata tadi itu.

*Point* yang ketiga yang ingin saya bahaskan juga ialah saya melihat akta ini ialah satu akta yang sangat progresif dan bagi saya ia bagus. Cumanya yang ingin saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah orang yang ingin melaksanakan dan memastikan agenda ini berjaya ialah belia. Kalau pemegang taruh yang sangat penting dalam konteks ini yang berstruktur dan sebagainya itu tidak bersama dengan Menteri atas sebab-sebab yang kita boleh perbaiki- Menteri, saya yakin kita sudah tukar kerajaan, kita buat benda yang lagi susah. Benda ini saya yakin Menteri dengan iltizam buat, kita sama-sama cari jalan bagi ia jadi juga.

Majlis Belia Malaysia (MBM) ini bagi saya ialah satu badan yang saya pun tidak pernah anggotai pun, tidak pernah ada peluang. Tidak masuk belia, mana boleh jadi MBM, tidak layak. Akan tetapi, kita cari jalan bahawa bergerak ke depan, ada sedikitlah dalam komunikasi tetapi kalau MBM tidak bersama dengan dasar ini, saya kluatir dasar ini tidak efektif.

Jadi saya sebagai senator yang kecil ini merayu kepada Yang Berhormat Menteri, kita cari jalan atau dalam erti kata muafakat belia Malaysia, kita cari jalan, kita cubalah. Kalau esok tidak betul, kita *adjust* lagi.

*Point* yang terakhir. Ini hendak cakap secara prinsiplah, kalau Yang Berhormat Menteri boleh bantu. Saya sebenarnya nama *Youth Power Club* ini bagus tetapi bagilah Bahasa Melayu. Pada pandangan sayalah. Memanglah bunyi sedap- *Youth Power Club*. Yang Berhormat Menteri, saya tahu Yang Berhormat Menteri ini boleh cakap dua-dua bahasa. Dia

boleh. Bahasa Melayu dia boleh, bahasa Inggeris dia boleh. Rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri lagilah boleh. Kadang-kadang dia cakap Bahasa Melayu lagi bagus daripada saya.

Tukarlah. Tidak payahlah *Youth Power Club* ini, tidak *best*. Bagi jadi Bahasa Melayu. Tidak tahulah, kuasa- apa? *Youth Power Club*, Tuan Yang di-Pertua. *Youth Power*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuasa belia.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Kuasa belia. Kelab Kuasa Belia. Okey.

Di sini saya ingin terangkan, jelas maksud kelab lain, maksud majlis lain untuk sesuatu gerakan menjadi kelab, menjadi majlis melalui satu tahap. Jadi apabila Majlis Belia menjadi satu majlis, ia telah menjalani satu proses yang panjang. Untuk menjadi satu majlis ini, ia satu benda yang panjang. Jadi kita tahu di mana kedudukan gerakan belia ini.

Jadi, saya sudah dengan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan untuk meminda rang undang-undang ini kepada umur 30 tahun. Saya sudah dengan kata-kata *the future is now and the future is our youth today*. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua juga mantan pimpinan belia yang banyak berpengalaman. Saya rasa kita, *in syaa Allah*, dalam yang Dewan yang mulia ini kita beri sokongan yang sebaik mungkin kepada cadangan pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya selaku- dahulu saya di Kementerian Belia dan Sukan, Setiausaha Parlimen. Akta Belia digubal semasa saya duduk di kementerian. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali, kita yang gubalkan membawa akta itu kepada 40 tahun kepada pemimpin. Sebelum itu, 60 tahun pun mereka presiden [Ketawa]

So, mengikut saya, hari ini bukan sejarah. Sejarah sudah buat sudah pada tahun 2005, tahun 2007 apabila kita menggubal akta. Semasa itu...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk sekejap. Ini Tuan Yang di-Pertua cakap ini.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ada soalan tambahan kepada Tuan Yang di-Pertua. Boleh tak? [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak beritahu kepada Dewan bahawa usaha ini apabila- saya hendak beritahu, saya bukan masuk campur dalam perbincangan tetapi apabila saya selaku Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, apabila kita bawa penggubalan akta ini ialah supaya remaja hendak dipimpin oleh remaja. Dia tak nak orang yang bukan dalam *level* yang sama dengan mereka. Umur 60 tahun, 50 tahun yang pemimpin-pemimpin ini dan ada dari parti-parti politik.

So, kita gubal bawa kepada 40 tahun. Alasan yang diberikan oleh puak-puak tertentu adalah bahawa pemimpin-pemimpin ini belum lagi mengikuti kursus dan sebagainya, tidak

boleh menjalankan kelab-kelab tersebut. Alasan yang sama tetapi kita gubalkan juga dan kita ada perubahan.

Pada masa sekarang ini, bawa kepada 30 tahun dan ini lagilah mengikut kepada UN *charter* ini, kita belum sampai tahap itu. So, ada lah kekangan, kekurangan dan sebagainya. Akan tetapi, saya pun kena, sebagai munasabah ini, saya kena bercakap kepada Ahli Yang Berhormat ini bahawa perubahan-perubahan ini kalau ada yang baik, terima sahajalah. Kalau yang tidak baik itu, kritikan itu memang ada, betul.

Apa Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Soalan tambahan kepada Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Kenapa waktu Tuan Yang di-Pertua di Kementerian Belia dan Sukan tidak terus *push* ke 30 tahun? Saya tahu tadi jawapannya kerana ada desakan-desakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada. Saya akan jawab [*Ketawa*] Pemimpin-pemimpin masa itu adalah *vice president*, dengan izin, UMNO yang tahap besar dalam pemimpin remaja ini. Susah. Kalau saya dengan Dato' Sri Azalina ini hendak pergi cakap terus, susah pasal dia memang terlalu kuat.

So, kalau hendak bawa lagi pula- kita kena buat berperingkat. Sudah buat bawah 40 tahun, sekarang hendak buat bawah 30 tahun, tidak ada masalah. Pandangan sayalah. Akan tetapi kalau daripada 60 tahun itu hendak bawa 30 tahun [*Ketawa*] Saya dengan Dato' Sri Azalina pun tidak ada dalam kementerianlah [*Ketawa*] Ada lagi soalan tambahan? [*Ketawa*]

Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran.

**6.59 ptg.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya pun tidak pernah jadi pemimpin belia dan tidak pernah masuk persatuan belia. Kadang-kadang tidak sedar pun ada persatuan belia. Saya tahu GPMS sahaja, kalau itu persatuan belia.

Apa pun, saya tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong julat umur belia ini antara 15 hingga 30 tahun. Akan tetapi, cuba kita lihat. Saya bahagi kumpulan belia ini kepada dua. Satu, belia cemerlang yang selepas Tingkatan Tiga ataupun Tingkatan Lima dia akan terus belajar dan menimba ilmu sehinggalah ke umur 30 tahun boleh bekerja, boleh jadi seorang profesional yang kita tidak risau.

■1900

Sebenarnya kumpulan ini, kalau belia itu 100 peratus, saya bagi kumpulan ini lebih kurang 20 ke 30 peratus saja. Akan tetapi, yang lagi satu kumpulan, kumpulan yang tidak cemerlang yang apabila selepas SPM, dia tidak boleh meneruskan pelajaran dan golongan

ini lebih ramai. Mungkin dia jadi penganggur, mungkin dia menjadi pekerja biasa, mungkin menjadi nelayan, petani, peladang atau buruh kasar. Ada yang menjadi ahli sukan.

Bukan semestinya yang tidak cemerlang ini, tidak cemerlang dalam sukan. Ada yang tidak cemerlang dalam akademik tetapi mereka cemerlang dalam sukan. Sepatutnya, saya cadangkan Kementerian memberi lebih tumpuan kepada kumpulan-kumpulan ini. Oleh kerana mereka ini memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada golongan-golongan yang lebih tua. Mungkin juga golongan-golongan cemerlang tadi, boleh membimbing golongan yang tidak cemerlang.

Jadi, kita ingin tahulah bagaimana Kementerian boleh membimbing kumpulan-kumpulan belia ini. Mereka ini pun saya tengok tidak masuk persatuan belia. Kebanyakannya tidak masuk persatuan belia. Kalau di GPMS itu, itulah kumpulan-kumpulan yang hendak cemerlang. Mereka adakan tuisyen dan ada belajar kelas tambahan. Akan tetapi, kalau yang tidak cemerlang ini, Tuan Yang di-Pertua memang dia *happy go lucky lah*. Kalau sekarang ini, mak bapa berada, boleh belikan motor, boleh beri dia duit. Mereka akan lebih *relax*. Jadi, saya ingin melihat Kementerian dengan cadangan-cadangan program yang boleh membantu kumpulan ini.

Kalau kita lihat Dasar Belia Negara iaitu membangunkan taraf sosial dan ekonomi belia serta mengukuhkan perpaduan. Akan tetapi, kita lihat persatuan-persatuan belia ini berdasarkan kepada kaum. Jarang sekali kita lihat persatuan belia ini campur kecuailah macam Persatuan Palang Merah, itu ada campur. *Scout* ataupun *Pandu Puteri* kita boleh lihat di sekolah-sekolah, mereka bercampur. Akan tetapi, kebanyakan persatuan-persatuan belia ini lebih kepada kumpulan-kumpulan kaum.

Menjadi tanggungjawab Kementerian oleh sebab Dasar Belia Negara, memerlukan mereka didedahkan dengan aktiviti supaya mengukuhkan perpaduan. Dasar Belia Negara ini mewujudkan program dan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran para belia dalam bidang kepimpinan, perniagaan dan vokasional.

Ini merupakan tanggungjawab Kementerian untuk mewujudkan program-program yang boleh membantu belia meningkatkan kemahiran mereka. Memang kita lihat ada tetapi saya tidak melihat itu melalui persatuan belia. Kalau kita kata IKBN itu di bawah Kementerian Belia dan Sukan, mungkin ia adalah program-program untuk meningkatkan kemahiran belia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingin melihatlah Menteri muda, Timbalan Menteri muda dan mereka boleh memikirkan sesuatu yang boleh menaikkan taraf belia, khususnya kumpulan belia yang kurang cemerlang yang memerlukan panduan.

Saya tidak bimbang kepada kumpulan yang cemerlang ini oleh kerana mereka berpendidikan, mereka ada, orang putih kata, *tertiary education*. Mereka boleh berdikari dan kumpulan-kumpulan yang lebih 30 tahun itu sepatutnya tidak boleh cemburu kepada tumpuan

kementerian untuk memberi penumpuan kepada belia yang berumur 15 hingga 30 tahun. Sifat-sifat cemburu ataupun bangkangan mereka itu mungkin ada sebab-sebab politik, sebab-sebab tertentu khususnya daripada penajaan dana yang kita tahu dana diperuntukkan kepada kumpulan ini, biasanya kumpulan yang lebih dewasa akan menguasainya.

Jadi, saya mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan terus dengan rang undang-undang ini dan saya sokong supaya pindaan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini dilaksanakan pada mesyuarat ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

#### **7.04 mlm.**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019. Tindakan untuk menurunkan umur had siling belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun ialah merupakan satu langkah yang sesuai dengan keadaan yang berlaku di dalam situasi yang ada pada hari ini yang mana hampir seluruh peringkat antarabangsa menerima bahawa had umur belia ini tidaklah sampai kepada umur 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh dua perkara saja. Pertama berkenaan dengan libat urus atau sesi *engagement*. Kita ingin menyatakan bahawa proses penurunan umur ini haruslah melalui satu proses yang terperinci di mana kita dimaklumkan bahawa tidak ada sebarang konsultasi di antara pihak Menteri dan mereka yang merupakan, pemegang-pemegang taruh- *stakeholders*, di dalam isu ini. Setakat manakah rundingan yang telah dibuat oleh Menteri dengan pihak-pihak seperti ini dan persatuan-persatuan belia yang lain, parti-parti politik yang mempunyai sayap yang merupakan sayap-sayap utama? Mempunyai sayap-sayap pemuda di dalam parti mereka masing-masing.

Perkara kedua adalah berkenaan penurunan daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang diturunkan kepada 30 tahun. Cuma kerisauan saya apabila diturunkan daripada 30 tahun secara mendadak, apa yang akan berlaku adalah akan ada satu ruang kosong ataupun *vacuum* di dalam persatuan-persatuan belia. Ruang *vacuum* ini akan menjadikan senario persatuan-persatuan belia yang tidak berfungsi pada hari ini akan lebih lagi tidak bergerak selepas daripada ini.

Bayangkan daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan sebagainya yang telah terdiri daripada mereka yang berumur dalam 30 tahun ke 40 tahun. Maka, persatuan belia ini akan diisi oleh orang-orang baru yang masih belum lagi bersedia untuk memikul tanggung

utama dalam persatuan mereka masing-masing. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah cadangan kementerian untuk mereka yang berumur 30 tahun hingga 40 tahun yang sudah tidak lagi dalam pertubuhan belia setelah pindaan ini diluluskan?

Bakat mereka tidak harus disia-siakan. Perlu ada satu perancangan rapi daripada kementerian bagi menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini, saya ingin mencadangkan agar pindaan ini perlulah dilakukan secara berfasa. Memang kita tidak dapat hendak buat secara total, drastik dan sebagainya tetapi buatlah secara berfasa. Daripada 40 tahun turunkan kepada 35 tahun dan seterusnya kepada 30 tahun. Tempoh yang ditetapkan harusnya relevan agar tidak memberikan implikasi negatif kepada pertubuhan-pertubuhan belia, khususnya pertubuhan yang aktif yang banyak menyumbang kepada negara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Alan. Yang Berhormat Tuan Alan tiada. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 7.08 mlm.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyertai dan mengambil bahagian dalam siri perbahasan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

Secara jujurnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang hendak menggulung khususnya di hadapan Tuan Yang di-Pertua kerana dalam sesi taklimat saya bersama dengan pimpinan KBS, mereka ini semua kenal, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua katakan tadi, dengan izin, *you are one of the founding father of the reform agenda*, daripada dahulu lagi... [Tepuk] Saya ini bawa 10 tahun saja, Tuan Yang di-Pertua bawa 20 ke 30 tahun ke bawah [Ketawa] Bezanya jauh lebih besar. Saya kena ucapkan terima kasih pada masa tersebut, Tuan Yang di-Pertua merupakan Setiausaha Parlimen kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina, Menteri Belia dan Sukan pada masa tersebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bekerjasama juga kalau saya tidak silap dengan Dato' Sri Liow Tiong Lai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Untuk membawa agenda ini. Apa yang kami lakukan di KBS pada hari ini merupakan penambahbaikan daripada apa yang telah pun dilakukan sebelum ini.

## ■1910

Saya hendak mulakan ucapan saya dengan ini kerana menunjukkan bahawa perkara yang baik harus diteruskan, tidak perlu kita hendak kutuk dan kecam kerana ia menunjukkan bahawa walaupun kita berbeza ideologi tetapi kita ada matlamat yang sama iaitu untuk membangunkan negara tercinta.

Izinkan saya memulakan sesi penggulungan ini dengan merumuskan beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Pertama sekali berkenaan isu transisi yang dibangkitkan oleh empat orang Yang Berhormat Senator berkenaan apakah pelan transisi yang akan Kementerian Belia dan Sukan lakukan. Jawapan ini juga akan di sebalikan dengan beberapa soalan lain yang dibangkitkan.

Pertama sekali apabila Kementerian belia dan Sukan membawa pindaan ini, ia telah pun membincangkan sejak akhir tahun lepas sebaik sahaja saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri memainkan peranan dalam Kementerian Belia dan Sukan di mana ada beberapa sesi libat urus bersama dengan semua pihak di mana kita memaklumkan pelan untuk mereformasi umur belia ini supaya lebih banyak anak muda dapat dilatih dan akhirnya dapat diserapkan ke dalam kepimpinan pertubuhan belia. Sambil kita lakukan perkara tersebut, kita tidak terus harapkan bahawa ada perubahan berskala besar tanpa kita menyediakan pimpinan pertubuhan belia kepada pelan transisi ini.

Tadi apabila saya mendengar ucapan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan atau dikenali sebagai Azwan Bro dikatakan kalau boleh diberikan masa sedikit. Kita bersetuju sebab itu dalam pembentangan saya di Parlimen, saya telah pun maklumkan bahawa pelan transisi ini hanya akan bermula secara rasmi pada akhir Disember 2021.

Maksudnya kita ada tempoh masa lagi dua tahun. Pada masa yang sama, kalau mereka melakukan pemilihan contoh pada bulan November 2021, mereka tetap boleh memainkan peranan dalam pertubuhan belia tersebut sampai dengan izin *to the next election cycle* iaitu dalam tahun 2023 ataupun tahun 2024 iaitu jangka masa yang agak panjang. Cuma, pelan tersebut harus dimulakan...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Menteri, kejam. Saya hendak minta pencerahan. Ini bermakna pada November 2021 kalau umurnya 39 tahun, kena jelaskan macam mana.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Oleh sebab sekarang ini ia bermula dengan kadar transisi daripada 40 tahun ke 35 tahun. Transisi kepada 30 tahun hanya akan bermula pada Disember 2021. Saya beri contoh, kalau seseorang itu berumur contoh 34 tahun pada November 2021 dan dia bertanding dan menang. Individu tersebut apabila tibanya November 2021 tidak terus akan terlucut jawatannya tetapi tetap akan berkhidmat, dengan izin, *based on the election cycle* sampai ke pemilihan yang akan datang. Itu perbezaannya.



Sekarang kita bermula dengan transisi ke 35 tahun dan transisi yang ke 30 tahun hanya pada Disember 2021 yang akan dimulakan. Oleh sebab itu bagi mereka yang melakukan pemilihan pada November 2021, tempoh tersebut boleh dilanjutkan.

Kenapa kita lakukan dan apa lagi pelan transisi. Tadi ada persoalan berkenaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi dan dua lagi Yang Berhormat Senator berkenaan sambil transisi ini dilakukan, bagaimana kita ingin membela nasib majlis belia dan juga belia yang tidak berpersatuan ataupun tidak tergolong dalam kumpulan belia tradisional dan juga individu yang ingin memohon dana untuk pastikan bahawa program-program belia dan sukan dapat digerakkan oleh mereka sekali.

Oleh sebab itu sekarang ini kita sedang melalui proses reformasi di mana kita hendak fokus kepada dana pelaksanaan program dan bukan lagi hanya ditumpukan kepada dana pentadbiran sahaja. Bagaimana kita akan melaksanakan pelan ini? Ia akan dimulakan pada tahun depan tetapi sekarang perancangan sedang dilakukan di mana kita tidak lagi memusatkan permohonan dana ini semua di Putrajaya, di Kementerian Belia dan Sukan tetapi kita kembalikan semula sedikit demi sedikit kepada semua Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri.

Apa yang akan dilakukan? Sebelum ini hanya beberapa pertubuhan sahaja yang boleh memohon dana ini. Akan tetapi sekarang kita membuka permohonan tersebut kepada semua pihak selagi mereka tergolong dalam kumpulan anak muda. Pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada, majlis belia tidak kira negeri atau daerah termasuk juga kumpulan-kumpulan belia yang tidak tradisional yang sebelum ini tidak mendapat apa-apa dana tetapi sekarang juga boleh memohon. Pada masa yang sama individu-individu dan anak muda yang berkecimpungan yang mungkin dapat peluang untuk mewakili Malaysia, dengan izin, *maybe at International Environmental Conference* tetapi sebelum ini tidak dapat apa-apa pembiayaan, sekarang boleh melalui proses permohonan tersebut.

Proses permohonan tersebut akan dibahagikan kepada beberapa cara. Contoh bagi jumlah bawah RM10,000 ataupun RM30,000 yang akan melalui di peringkat negeri atau daerah. Kalau yang melebihi RM50,000 ia akan pergi ke peringkat Putrajaya dan akan diputuskan bukan oleh saya, saya hanya boleh mencadangkan tetapi di bawah salah satu *committee* di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Oleh sebab di situ kita ada dua jenis dana. Pertama di bawah Tabung Amanah Wang Sukan, kalau ada anak muda yang minat dalam bidang sukan boleh menggunakan jalan tersebut ataupun tabung persatuan yang sedia ada. Ini bukan dua jalan.

Oleh sebab itu saya hendak memperbetulkan salah satu fakta yang dibentangkan tadi iaitu bagi *Youth Power Club* (YPC) akan diperuntukkan RM50 juta, itu tidak betul. Sejumlah RM50 juta itu adalah dana geran anak muda secara keseluruhan bukan sahaja untuk tujuan

guna pakai YPC. Bagi YPC pun mereka perlu memohon kalau mereka hendak melaksanakan program-program yang sedia ada, mereka juga perlu memohon. Ini adalah untuk membantu semua kumpulan belia untuk transisi kepada umur belia yang telah pun ditetapkan supaya akhirnya pelaksanaan program-program di peringkat akar umbi itu dapat dirancarkan lagi dan tidak hanya lagi tertumpu kepada dana pentadbiran yang sedia ada.

Pada masa yang sama seperti yang dibentangkan tadi, kita juga ingin memberikan penekanan yang agak khusus pertama kepada kumpulan wanita yang berkepimpinan dan kedua juga kepada anak muda yang berbilang bangsa dan agama supaya mereka boleh memohon dan mendapat peruntukan dan melaksanakan program yang sedia ada.

Oleh sebab itu apabila kita menggerakkan *Youth Power Club* (YPC) ini, kita telah pun menetapkan bahawa struktur kepimpinannya perlu ada kuota khas di mana kita akan letak ramai wanita muda dan juga rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama dan fokusnya, permulaannya itu sudah anak muda bawah 30 tahun. Ini kerana kita hendak pastikan bahawa struktur kepimpinan dan pertubuhan belia khususnya melalui YPC akan menerima lebih ramai wanita muda yang berkepimpinan dan juga rakyat Malaysia anak muda yang berkelayakan, berbilang bangsa dan agama supaya akhirnya mereka ada tempat dalam merancang program-program belia.

Dalam pelan transisi majlis belia sedia ada saya telah pun berbincang dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan, bagi mereka yang bersedia untuk menerima apa yang telah pun kita bincangkan dan bentangkan ada pelan transisi, sudah pun melantik, melatih ataupun pada sesi akan datang memilih lebih ramai anak muda yang mengikut piawai sedia ada, bagi peringkat pusat merekalah yang akan berikan dana sebagai sumber insentif sambil *there is a punishment model, there must also be an incentive model*, dengan izin, untuk membantu kumpulan-kumpulan belia ini transisi ke jalan yang kita mahukan supaya ia lebih prihatin kepada golongan anak muda.

Ini adalah beberapa contoh pelan transisi yang sedang kita kendalikan. Lagi satu tambahan di sana bukan sahaja dari segi pendanaan dalam pelaksanaan program, tetapi untuk membantu sebagai contoh kumpulan-kumpulan belia di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri.

Kita telah pun memaklumkan kepada agensi-agensi KBS termasuk Jabatan Belia dan Sukan Negeri kalau ada kekosongan pejabat, manfaatkan kekosongan pejabat tersebut dan mengguna pakai Pegawai Sambilan Harian (PSH) yang akan dilantik oleh KBS untuk membantu kumpulan-kumpulan belia ini supaya tidak perlu, tidak wujudnya keperluan untuk setiap Majlis Belia Negeri ataupun di peringkat daerah sekalipun untuk ada pejabatnya tersendiri, pegawainya tersendiri yang akhirnya memakan kos yang agak tinggi dan akhirnya kebolehan kita mengguna dana tersebut untuk melaksanakan program akan terbantut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar. Timbalan Yang di-Pertua pun suka jawapan Yang Berhormat Menteri [*Ketawa*]

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh, boleh. Terima kasih. Justeru itu, hendak menjawab tiga soalan yang dibangkitkan dijawab bersekali iaitu pelan transisi, kedua berkenaan dana RM50 juta yang dibangkitkan tadi dan juga bantuan yang akan diberikan untuk pelan transisi ini direalisasikan.

#### ■1920

Akan tetapi untuk memuktamadkan soalan-soalan ini, matlamat utama kita melakukan perkara ini adalah untuk memastikan bahawa akhirnya, dana belia ini dapat difokuskan dan dikhususkan kepada kumpulan yang betul-betul memerlukan. Masalah yang sedia ada, apabila kita lakukan tinjauan ataupun tengok dana yang datang daripada Kementerian Belia dan Sukan, majoritinya akhirnya diperuntukkan kepada golongan belia atas 35 tahun, kepimpinannya yang atas 35 tahun.

Akan tetapi kalau kita lihat sebelum ini, dengan adanya program Rakan Muda sebelum ini, kebanyakan dana akan pergi kepada program Rakan Muda yang dikhususkan kepada anak muda bawah 25 tahun. Akan tetapi, sekarang sudah terlalu sedikit kerana akhirnya telah pun diserapkan untuk guna pakai yang lain.

Akhirnya, kebolehan Kementerian Belia dan Sukan untuk menyasarkan bantuan kepada kumpulan belia berisiko khususnya yang majoritinya datang daripada golongan anak muda dalam lingkungan umur 15 tahun ke 25 tahun, akhirnya terbantut. Inilah golongan yang akhirnya ada kumpulan mat rempit, ada belia yang akhirnya terdedah kepada dadah. Selagi kita tidak ada iltizam politik untuk melakukan perkara ini, perubahan tersebut tidak akan berlaku.

Saya hendak kongsi juga, baru dua hari lepas, bila saya duduk bersama dengan pihak KSN untuk berbincang tentang masa hadapan anak muda, dia sendiri bangkitkan perkara ini. Di mana kita perlu berani menilai dan melihat pertubuhan-pertubuhan belia yang lain, yang dekat dengan masyarakat, yang mungkin hanya tertumpu di kawasan kampung tersebut, yang tidak berpersatuan ataupun individu yang ada iltizam yang sangat tinggi untuk menyelesaikan isu dadah di kalangan anak muda tetapi sebelum ini tidak diserapkan dalam struktur sedia ada, kementerian harus membantunya.

Kalau tidak, seperti tadi yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat Senator, walaupun kita ada puluhan ribu kumpulan belia yang berdaftar di bawah ROY, tetapi akhirnya yang aktif begitu sedikit sekali. Itu merupakan masalah yang harus diselesaikan kalau kita betul-betul berniat ikhlas untuk membantu pertubuhan belia.

Untuk menjawab soalan susulan, ada persoalan berkenaan *engagement* dengan kerajaan negeri dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya hendak kongsi apa yang dilakukan sebelum pembentangan pindaan ini. Setiap empat bulan, Kementerian Belia dan Sukan akan adakan satu sesi libat urus bersama dengan semua Exco Belia dan Sukan Negeri. Tidak kira fahaman politik, mereka akan bersama di Kementerian Belia dan Sukan untuk bincangkan beberapa agenda bersama.

Perkara ini telah pun dimaklumkan dan juga dibincangkan bersama. Ia diputuskan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Anak Muda yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana agenda pindaan ini dibawa secara prinsip. Selepas ia diterima secara prinsip, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah pun merangka pelan rasmi ini di mana ada beberapa sesi libat urus yang digerakkan oleh KSU ataupun TKSU Kementerian Belia dan Sukan sebelum akhirnya ia dibentangkan ke dalam Jemaah Menteri dan akhirnya ke Dewan Rakyat.

Exco Belia dan Sukan telah pun dimaklumkan, mereka juga memainkan peranan dalam sesi libat urus tersebut. Persoalannya, kenapa masih ada kerajaan negeri yang tidak terima? Saya telah pun memanggil sendiri beberapa Exco Belia dan Sukan Negeri yang pada peringkat awal mengeluarkan kenyataan menolak. Apabila mereka memberikan penjelasan, saya rasa ada isu salah faham di sini. Penjelasannya agak mudah. Mereka ingat bahawa pindaan ini akan mengakibatkan semua program di bawah kerajaan negeri.

Sebagai contoh, kalau ada Skim HIJRAH di bawah Kerajaan Negeri Selangor atau Perumahan Belia di bawah Kerajaan Negeri Selangor, yang memfokuskan kepada golongan anak muda 30 tahun ke 40 tahun, mereka terpaksa menukar dasar tersebut.

Akan tetapi, ia tidak betul. Pindaan ini hanya melibatkan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah ROY. Apabila penjelasan ini diberikan, mereka telah pun menerima. Sebagai contoh, kalau kita lihat kenyataan Exco Belia dan Sukan Kedah yang pada peringkat awal bila saya baca daripada *Utusan*, dia kata menolak, saya pun terkejut. Akan tetapi bila saya menghubungi beliau, dia kata, "*Eh, I am just following your policy*", iaitu transisi pada 30 tahun hanya akan bermula pada Disember 2021 dan Exco-Exco yang lain juga mengeluarkan kenyataan yang sama.

Apabila saya pergi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, dia menekankan bahawa walaupun Majlis Belia di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan, tetapi dia lebih fokus kepada pertubuhan SABERKAS iaitu pertubuhan belia di

Sarawak yang di bawah kerajaan negeri dan berdaftar di bawah ROS dan bukan ROY dan dibiayai penuh oleh kerajaan negeri dan bukan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Itu merupakan kes *exception* kerana di bawah SABERKAS sendiri, aset yang terkumpul sangat besar. Kalau dia diletakkan di bawah ROY, aset-aset tersebut perlu ditukar kepada Kementerian Belia dan Sukan. Dia ada *mall* tersendiri, bangunannya tersendiri yang jumlahnya saya rasa boleh mencecah puluhan atau ratusan juta.

Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah pun memberikan komitmen. Bagi yang lain, Unit Tindakan Khas akan ditubuhkan untuk fokuskan bagi mereka bawah 30 tahun dan akan bermula serta-merta...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Menteri, minta pencerahan sedikit. Bermakna, apakah selepas ini, kalau ada kerajaan negeri yang ingin menyediakan belanjawan di bawah tajuk pembangunan belia, diberikan kepada persatuan yang tidak berdaftar di bawah ROY, tetapi di bawah ROS, apakah itu masih dianggap belia ataupun tidak boleh dianggap belia?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertubuhan yang berdaftar di bawah ROS bukan di bawah pihak KBS ataupun ROY. Itu berbeza. Pada masa yang sama, kerajaan negeri memang ada autonomi yang tersendiri untuk membelanjakan dana mereka yang tersendiri.

Akan tetapi yang terletak di bawah ROY, berdaftar di bawah KBS dan pada masa yang sama, yang ingin menggunakan peruntukan Kementerian Belia dan Sukan, kita letakkan standard yang sedia ada supaya kita ada sasaran yang agak khusus kepada golongan anak muda bawah 30 tahun.

Pada masa yang sama, kalau yang melibatkan dasar perumahan ataupun dasar pinjaman, itu bukan perkara di bawah Kementerian Belia dan Sukan kerana akta pindaan ini hanya melibatkan pertubuhan belia yang didaftarkan bawah ROY. Ini merupakan *engagement* yang telah pun dilakukan dan pada masa yang sama bukan *engagement* sebelum, tetapi juga selepas pindaan tersebut telah pun berjaya melepasi pihak Dewan Rakyat.

Untuk menjawab soalan seterusnya, ada satu soalan yang mungkin tidak secara terus berkaitan dengan pindaan ini, tetapi berkenaan cadangan pembinaan Kompleks Sukan Kota Marudu daripada Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Pihak kementerian menerima cadangan ini dengan baik. Kementerian akan melihat semula kemudahan sedia ada sebelum membuat sebarang keputusan. Akan tetapi, pihak kementerian berpandangan bahawa sekiranya kemudahan sedia ada hanya perlu dinaiktarafkan dan di baik pulih, maka ia adalah lebih baik dari segi ekonomik jika dibandingkan dengan membina baharu.

Pada masa yang sama, pihak kementerian apabila ada perubahan kerajaan, tidak bermaksud bahawa kita akan membatalkan semua projek yang lepas. Akan tetapi apa yang

kita lakukan, bagi projek-projek yang dilakukan melalui, dengan izin, *direct nego* ataupun *limited tender*, kita akan berbincang semula dengan kontraktor-kontraktor tersebut sebagai dasar kerajaan untuk menurunkan kos pembiayaan projek tersebut supaya akhirnya ia tetap dapat diteruskan.

Akan tetapi jika ada, projek-projek yang saya dimaklumkan juga di Dewan Rakyat yang tidak pernah secara formal dimasukkan ke dalam pelan pembangunan Kementerian Belia dan Sukan, tetapi pernah dijanjikan semasa kempen pilihan raya, itu di luar bidang kuasa saya. Ini kerana fokus utama kami adalah untuk memastikan bahawa pengagihan projek pembangunan sukan itu dapat dilakukan seadil mungkin dan dapat difokuskan dan disasarkan kepada kawasan di mana wujud belia berisiko yang paling tinggi khususnya di kawasan luar bandar.

Oleh sebab itu, kementerian pada tahun hadapan akan memulakan satu dana khas yang berjumlah RM100 juta yang akan difokuskan untuk pembinaan infrastruktur sukan luar bandar, yang mempunyai kawasan belia berisiko yang paling tinggi. Kita akan berkolaborasi dengan pihak AADK yang telah pun ada klasifikasinya tersendiri iaitu merah, hijau dan kuning. Kawasan merah adalah kawasan tumpuan kita dan juga kita menumpukan fokus untuk membina infrastruktur sukan kos rendah dan bukan kompleks-kompleks sukan yang kadangkala memakan kos lebih RM10 juta ke RM20 juta. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengagihan tersebut dapat dilakukan seadil mungkin.

Saya rasa itu sahaja penggulungan daripada saya, yang lain saya rasa ia berkait rapat juga dengan apa yang saya telah pun maklumkan tadi. Kalau ada beberapa soalan yang agak khusus, saya akan jawab secara bertulis.

Lagi sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memainkan peranan dalam sesi perbincangan pindaan Akta Pertubuhan Belia yang dibentangkan. Terima kasih dan kalau ada apa-apa yang boleh saya lakukan, tolong maklumkan. *I look forward to working with all of you.* Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

#### ■1930

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat, telah menjawab dengan betul panjang lebar dan jelas. Itu Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak dan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri, diucapkan terima kasih banyak dan sudi hadir bersama. Tahniah. Anak muda, semangat muda lagi ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebelum saya tangguhkan mesyuarat ini, izinkan saya melafazkan terima kasih kepada pejuang-pejuang bangsa yang ada di Dewan ini... *[Tepuk]*

Dari pagi hingga kini, masih lagi ada bersama saya. Tokoh-tokoh kita ini dan saya senang hati tadi apabila ini bukan lagi muda. Kita tengok doktor ini, semangatnya muda, belia. Termasuk tadi Datuk Megat *[Ketawa]*

Dia dengan silat dia, *[Ketawa]* saya senang hati. Semangat dia. Sebab hendak tengok anak bangsa kita, cucu kita esok hidup sejahtera dan bahagia. Ya itu dia semangat tadi. Tahniah sekali lagi kepada- semangat itu ya. Jadi tuan-tuan sekalian, saya sangat senang hati hari ini, kita hendak latih ya Yang Berhormat Menteri, anak-anak muda ini belajar berbakti dan bertanggungjawab. Betul atau tidak? Itu dia. Betul Datuk Megat? Ya itu dia. Bak kata orang tua-tua.

*Anak petani menanam padi;  
Padi ditanam di dalam bendang;  
Rajin-rajin kita menabur budi;  
Supaya kita dikenang orang... [Tepuk]*

Itu dia. Itu yang mustahak sekali ya. Jadi ingat ya, latihlah anak-anak muda kita ini Yang Berhormat bercakap dengan teratur, menghormati yang tua, kasih yang muda. Tutur kata kita biar cantik, ajarlah anak-anak kita. Sebab apa, sangat- hendak menarik anak-anak muda ini bukan senang. Pandailah tutur kata kita itu. Bak kata orang tua-tua itu tadi, itulah yang penting ya.

*Jadi burung tempua membuat sarang;  
Sarang dibuat di tepi paya;  
Berapa tajamnya pisau dan parang;  
Tajamlah lagi mulut manusia... [Tepuk]*

Ya itu dia. Ajarlah. Jadi akhirnya hendak saya katakan pada pemimpin budiman yang baik budi, yang tunggu saya sampai ini hari, terima kasih banyak ya. Ingatlah kata falsafah oleh falsafah Profesor Hamka berkata, "*Kalau kamu berjalan jauh, jagalah kaki kamu. Kalau kamu bercakap, jagalah lidah kamu.*" Itu dia.

Jadi Yang Berhormat sekalian. Sekali lagi terima kasih banyak. Salam sejahtera dan saya minta tuan-tuan semua sejahtera, bahagia selalu dan terima kasih banyak.

Sekian, Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Dewan ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Khamis, 25 Julai 2019. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.37 malam]***